

2013 MALAYSIA LAPORAN PRESTASI PELABURAN

Anjakan ke tahap tinggi

LEMBAGA
PEMBANGUNAN
PELABURAN
MALAYSIA





LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA

Laporan Prestasi Pelaburan 2013

KANDUNGAN

Sepatah Kata Dari MIDA **08**

Transformasi ekonomi negara menganjak ke tahap tinggi dengan rekod pelaburan yang baru

Pemulihan Pasti Berlaku **12**

Keyakinan pelabur kini telah kembali kepada ekonomi global yang menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang positif

Menjadikan Malaysia Lebih Makmur **16**

MIDA dan agensi-agensi pembangunan ekonomi di seluruh negara menjajarkan usaha dalam memenuhi agenda pelaburan Malaysia

Mentakrifkan Semula Perkilangan **26**

Malaysia kini memupuk ekosistem pelaburan baharu dalam sektor perkilangan dan utama bagi memacu pertumbuhan di masa hadapan

Pencetus Pertumbuhan Baharu **66**

Sektor perkhidmatan yang diliberalisasikan mencetus minat pelabur dan mula menjana pertumbuhan ekonomi di dalam bidang yang baharu

Maju Dengan Yakin Ke Hadapan **78**

Kekuatan asas Malaysia dijangka akan memastikan negara berada pada haluan yang mantap pada tahun 2014 dan tahun-tahun berikutnya

MENGIKUT SEKTOR

Rakan Pelaburan

TalentCorp	16	Agensi penggalakan perindustrian	22
Koridor wilayah	18	BiotechCorp	23
ECER	18	CREST	23
NCER	19	Halal Development	
IRDA	19	Corporation	24
SCORE	20	Multimedia Development	
SDC	20	Corporation	24
InvestKL	22		

Sektor Perkilangan

Elektrik and elektronik (E&E)	36	Produk kelapa sawit	55
Kelengkapan pengangkutan	39	Kimia dan produk kimia	55
Mesin dan kelengkapan	42	Bioteknologi	58
Sokongan kejuruteraan	46	Produk petroleum &	
Besi dan keluli	47	petrokimia	59
Tekstil dan produk tekstil	48	Produk plastik	60
Peranti perubatan	50	Produk getah	60
Pertanian	50	Kayu dan produk kayu	61
Makanan proses	52	Produk galian bukan logam	62
Farmaseutikal	52	Kertas, percetakan dan penerbitan	63

Sektor Perkhidmatan

Ibu Pejabat Serantau (RHQ)	66	Perkhidmatan profesional	
Ibu Pejabat Operasi (OHO)	66	dan lain-lain	74
Pusat Perolehan		Perkhidmatan kejuruteraan	74
Antarabangsa (IPC)	68	Penyelidikan dan Pembangunan	74
Pusat Pengedaran		Syarikat berstatus MSC	75
Serantau (RDC)	68	Hartanah (perumahan)	75
Pusat Pengurusan		Pengangkutan	75
Perbendaharaan (TMC)	69	Telekomunikasi	76
Pejabat Serantau/		Perkhidmatan kewangan	76
Perwakilan (REs/ROs)	69	Perdagangan pengedaran	76
Pusat Operasi Global	69	Hotel dan pelancongan	76
Logistik	70	Perkhidmatan pendidikan	77
Perkhidmatan tenaga	71	Perkhidmatan kesihatan	77
Minyak & gas	71		
Tenaga boleh diperbaharui	71		
Kecekapan tenaga dan			
pemuliharaan			
Janakuasa dan utiliti	72		

CARTA

Graf 1	Pelaburan Langsung Bersih Malaysia, 1999-2013	10	Graf 16	Pelaburan dalam projek perkilangan diluluskan mengikut lokasi, 2013	34
Graf 2	Jumlah pelaburan diluluskan dalam ekonomi Malaysia, 2013	11	Graf 17	Pelaburan dalam projek perkilangan diluluskan dalam industri E&E mengikut subsektor, 2013	36
Graf 3	Syer aliran masuk FDI global bagi kumpulan serantau dan antara rantau tertentu, 2008 - 2013	14	Graf 18	Kapasiti pemasangan solar PV tahunan dan pendapatan mengikut rantau, pasaran dunia, 2011-2020	38
Graf 4	Aliran FDI global, 2004-2012, dan ramalan, 2013-2015 (US\$ bilion)	15	Graf 19	Pelaburan diluluskan dalam industri kelengkapan pengangkutan mengikut subsektor, 2013	40
Graf 5	Pelaburan dalam ECER, 2007 – 2013	19	Graf 20	Pelaburan dalam projek perkilangan diluluskan dalam industri M&E mengikut subsektor, 2013	47
Graf 6	Pelaburan komited dalam Iskandar Malaysia, 2013	20	Graf 21	Pelaburan dalam projek perkilangan diluluskan dalam industri tekstil dan produk tekstil mengikut subsektor, 2013	49
Graf 7	Syarikat Berstatus MSC Malaysia yang aktif setakat 31 December 2013	25	Graf 22	Pelaburan diluluskan dalam industri pemprosesan makanan mengikut subsektor, 2013	54
Graf 8	Sumber pelaburan dalam projek perkilangan diluluskan, 2013 dan 2012	27	Graf 23	Pelaburan ke dalam subsektor industri produk plastik, 2013	61
Graf 9	Pelaburan dalam projek perkilangan baharu mengikut industri, 2013 and 2012	28	Graf 24	Pelaburan diluluskan dalam industri berasaskan kayu mengikut subsektor, 2013	62
Graf 10	Pelaburan dalam projek perkilangan pembesaran/pelbagaiannya mengikut industri, 2013 and 2012	29	Graf 25	Pelaburan diluluskan dalam industri produk galian bukan logam mengikut subsektor, 2013	63
Graf 11	Pelaburan dalam projek perkilangan diluluskan mengikut industri utama, 2013 dan 2012	30	Graf 26	Pelaburan diluluskan dalam industri kertas, percetakan dan penerbitan, 2013	64
Graf 12	Status pelaksanaan projek perkilangan diluluskan, 2009 – 2013	31	Graf 27	Bilangan pertubuhan serantau diluluskan setakat 31 December 2013	67
Graf 13	Pelaburan domestik dalam projek perkilangan diluluskan mengikut industri utama, 2013	33	Graf 28	Pelaburan dalam projek tenaga diperbaharui mengikut teknologi, 2013	72
Graf 14	Pelaburan asing dalam projek perkilangan diluluskan mengikut industri utama, 2013	33	Graf 29	Pelaburan dalam perdagangan pengedaran mengikut industri, 2013	76
Graf 15	Sumber utama pelaburan asing dalam projek perkilangan diluluskan, 2013	34			

JADUAL

Jadual

<i>Jadual 1 Industri utama dengan projek perkilangan berorientasikan eksport, 2013</i>	32
<i>Jadual 2 Struktur industri E&E</i>	39
<i>Jadual 3 Projek-projek penting dalam industri logam asas</i>	48
<i>Jadual 4 Projek utama dalam industri kimia dan produk kimia</i>	58

Lampiran

<i>Lampiran 1 Projek Perkilangan Diluluskan, 2013 dan 2012</i>	82
<i>Lampiran 2 Projek Perkilangan Baharu Diluluskan Mengikut Saiz Pelaburan Modal, 2013 dan 2012</i>	82
<i>Lampiran 3 Projek Perkilangan Diluluskan Mengikut Industri, 2013 dan 2012</i>	83
<i>Lampiran 4 Projek Perkilangan Diluluskan Dengan Pelaburan RM100 Juta dan Ke Atas, 2013</i>	84
<i>Lampiran 5 Projek Perkilangan Baharu dan Pembesaran/ Pelbagaiannya Diluluskan Mengikut Industri, 2013 dan 2012</i>	85
<i>Lampiran 6 Projek Perkilangan Diluluskan Dengan Hakmilik Majoriti Rakyat Malaysia, 2013 dan 2012</i>	86
<i>Lampiran 7 Projek Diluluskan Dalam Industri Sokongan Kejuruteraan Mengikut Sub-sektor, 2013</i>	87
<i>Lampiran 8 Projek Diluluskan Dalam Industri Elektrikal dan Elektronik Mengikut Sub-sektor, 2013</i>	87
<i>Lampiran 9 Projek Perkilangan Diluluskan Dengan Penyertaan Rakyat Asing Mengikut Sumber, 2013 dan 2012</i>	88
<i>Lampiran 10 Projek Perkilangan Diluluskan Mengikut Negeri, 2013 dan 2012</i>	89

SEPATAH KATA DARI MIDA

Berlatarbelakangkan keadaan ekonomi global yang beransur-ansur pulih, keyakinan para pelabur terhadap Malaysia melonjak ke paras rekod tertinggi pada tahun 2013. Negara telah menarik pelaburan langsung yang diluluskan bernilai RM216.5 bilion iaitu 29 peratus melebihi RM167.9 bilion yang dicatatkan pada tahun 2012. Pelaburan ini telah disalurkan ke dalam 5,669 projek yang dijangka akan menjana sebanyak 191,766 pekerjaan baharu.

Sebahagian besar pelaburan ini adalah daripada sumber-sumber domestik yang menyumbang sebanyak RM157 bilion kepada jumlah keseluruhan pelaburan yang dicatatkan pada tahun 2013 (72.5 peratus). Ini adalah selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mencapai nisbah pelaburan langsung domestik kepada pelaburan langsung asing pada kadar 73:27 menjelang tahun 2020 dan mencerminkan keyakinan para pelabur terhadap masa hadapan negara. Ia juga merupakan satu petanda jelas bahawa transformasi ekonomi negara sedang beranjak ke tahap tinggi.

Transformasi penting

Tanda-tanda awal peralihan ini boleh diperhatikan melalui penyusutan jurang dalamimbangan pembayaran pelaburan langsung negara (sila lihat Graf 1, halaman berikut). Sejak tahun 2007, Pelaburan Langsung Di Luar Negara (*Direct Investments Abroad*, DIA) telah melebihi aliran masuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) dengan margin yang besar. Walau bagaimanapun, peningkatan ketara dalam pelaburan langsung asing ke dalam negara sepanjang lima tahun lalu ternyata telah mengurangkan jurang terhadap aliran masuk dan aliran keluar pelaburan langsung. Pelaburan langsung asing (FDI) Malaysia telah melonjak sebanyak 24 peratus kepada RM38.8 bilion dalam tahun 2013 (2012: RM31.1 bilion),

RM216.5 bil

Satu rekod baharu bagi pelaburan langsung

Jumlah pelaburan melonjak 29 peratus pada tahun 2013 dengan 14 projek mega bernilai RM1 bilion atau lebih dan 82 projek besar bernilai RM100 juta atau lebih. Majoriti daripada projek ini adalah dalam industri yang bernilai dan berkembuhan tinggi.

72.5:27.5

Nisbah pelaburan Domestik-berbanding-Asing

Lebih daripada 72 peratus daripada jumlah pelaburan tahun ini adalah daripada rakyat Malaysia (RM157 bilion), yang selaras dengan sasaran Kerajaan untuk memperolehi nisbah pelaburan langsung domestik berbanding asing sebanyak 73:27 menjelang 2020.

RM161.1 bil

Pelaburan swasta yang direalisasikan

Pelaburan swasta yang direalisasikan pada tahun 2013 meningkat sebanyak 14.9 peratus berbanding tahun sebelumnya iaitu melebihi sasaran purata tahunan bernilai RM148 bilion yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 yang menunjukkan negara berada di landasan betul untuk menjadi negara berpendapatan-tinggi menjelang tahun 2020.

191,766

Peluang pekerjaan

Tenaga kerja di negara ini terus mengadaptasi dengan perubahan ekonomi apabila lebih banyak peluang pekerjaan muncul dalam jawatan pengurusan, penyeliaan dan teknikal yang menawarkan pendapatan lebih tinggi kepada rakyat Malaysia.

manakala DIA sepanjang tempoh yang sama adalah berjumlah RM42.9 bilion. Sehingga tahun 2013, negara telah mengurangkan aliran keluar pelaburan langsung bersih negara kepada RM4.1 bilion daripada RM21.7 bilion pada tahun sebelumnya.

Bukti seterusnya bagi peralihan dalam iklim pelaburan negara dapat diperhatikan dalam perubahan ciri-ciri pelaburan yang telah dicatatkan pada tahun 2013, terutamanya di kalangan perniagaan rakyat tempatan. Pada tahun 2013, lebih daripada 36.8 peratus (RM117.5 juta) daripada permohonan geran yang diluluskan di bawah program Dana Strategik Pelaburan Domestik (*Domestic Investment Strategic Fund, DISF*), berjumlah RM1 bilion adalah untuk dilaburkan ke dalam aktiviti-aktiviti R&D, manakala 11.3 peratus (RM36.1 juta) adalah untuk latihan. Di samping itu, subsektor R&D juga telah berjaya menarik minat yang tinggi di kalangan syarikat domestik dan asing yang dicerminkan oleh peningkatan pelaburan yang ketara daripada RM7.6 juta pada tahun 2011 kepada RM398.1 juta pada tahun 2013.

Perkembangan-perkembangan ini adalah sejajar dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP), yang bertujuan untuk mengubah Malaysia menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi dengan Pendapatan Negara Kasar (GNI) berjumlah RM1.7 trilion menjelang tahun 2020. Untuk mencapai tujuan ini, negara perlu menarik jumlah pelaburan sebanyak RM1.4 trillion sepanjang tempoh 2011-2020, dengan 92 peratus (RM1.3 trillion) daripada sektor swasta dan baki sebanyak lapan peratus (RM108 bilion) daripada sektor awam.


Dalam jangka masa pendek, Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe10) memerlukan pertumbuhan pada kadar 10.9 peratus setahun dalam pelaburan

sektor swasta atau purata sasaran tahunan sebanyak RM148 bilion. Pada tahun 2013, pelaburan swasta Malaysia yang direalisasikan (diukur mengikut Pembentukan Modal Tetap Kasar [GFCF] pada harga semasa) telah mencapai tahap tertinggi iaitu sebanyak RM161.1 bilion atau 8.9 peratus lebih daripada sasaran ini (RM148 bilion) dan 14.9 peratus lebih daripada RM140.2 bilion yang dicatatkan pada tahun 2012.

ETP menyediakan platform yang jelas bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan untuk menyumbang kepada pertumbuhan Malaysia melalui projek-projek permulaan (*entry-point projects*, EPP) dan peluang-peluang perniagaan keseluruhan ekonomi. Prestasi pelaburan Malaysia pada tahun 2013 menunjukkan bahawa negara ini telah bergerak di landasan yang betul untuk mencapai objektif objektif ETP.

Usaha gigih mendapat ganjaran

Malaysia telah mengatur setiap langkah untuk meletakkan negara sebagai destinasi pelaburan yang ideal bagi pelaburan ke dalam industri-industri yang bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berdasarkan inovasi. Dengan kekuatan ekonomi negara yang sedia ada serta kos yang kompetitif, tenaga kerja yang mahir dan berpendidikan serta dasar-dasar Kerajaan yang mesra perniagaan, negara telah menarik tahap pelaburan yang signifikan dalam projek-projek berkualiti yang disasarkan dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) pada tahun 2013. Secara keseluruhannya, industri-industri ini telah menarik jumlah pelaburan memberangsangkan bernilai RM89.9 bilion pada tahun 2013 atau 41.5 peratus daripada jumlah pelaburan pada tahun tersebut. Di samping itu,



Graf 1 Pelaburan Langsung Bersih Malaysia, 1999-2013.

jumlah pelaburan yang signifikan juga telah diperolehi dalam projek-projek yang diluluskan di luar bidang NKEA bernilai RM126.6 bilion.

Kelebihan Malaysia sebagai pusat perniagaan dan pelaburan yang disokong dengan kestabilan politik dan ekonomi telah membantu dalam menarik sebanyak 4,796 projek yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2013 dengan nilai pelaburan berjumlah RM144.7 bilion. Ini merupakan 66.8 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan bagi tahun tersebut, di mana pelaburan domestik berjumlah RM125.7 bilion (86.9%) dan pelaburan asing bernilai RM19 bilion (13.1%). Projek-projek yang diluluskan sepanjang tempoh ini dijangka akan mewujudkan 97,017 peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan di mana kebanyakannya adalah peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi untuk rakyat Malaysia. Subsektor hartanah terus mendominasi sebagai penyumbang

utama dengan nilai pelaburan yang diluluskan berjumlah RM83.3 bilion, diikuti oleh subsektor tenaga dan utiliti (RM9.1 bilion), hab operasi global (RM7.9 bilion), pengangkutan (RM7.9 bilion) serta hotel dan pelancongan (RM7 bilion).

Sektor perkilangan terus memainkan peranan penting dalam usaha perindustrian dengan menarik pelaburan bernilai RM52.1 bilion (24.1%) dalam 787 projek diluluskan pada tahun 2013 yang merupakan 26.8 peratus lebih daripada RM41.1 bilion yang dicapai dalam tahun 2012. Pelaburan asing berjumlah RM30.5 bilion (58.5%) daripada jumlah keseluruhan pelaburan, manakala baki sebanyak RM21.6 bilion (41.5%) merupakan pelaburan domestik.


Sektor utama menyumbang sejumlah RM19.7 bilion daripada pelaburan yang diluluskan pada tahun 2013. Pelaburan asing dalam sektor utama berjumlah RM10 bilion (50.8%),

manakala pelaburan domestik menyumbang sebanyak RM9.7 bilion (49.2%). Subsektor perlombongan mendahului subsektor lain dengan pelaburan diluluskan berjumlah RM18.8 bilion dalam 30 projek. Pelaburan-pelaburan lain dalam sektor utama adalah tertumpu pada subsektor perladangan dan komoditi (RM330.6 juta) dan subsektor pertanian (RM558.8 juta).

Masa hadapan, seluruh dunia

Untuk menyokong matlamat ETP, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui agenda pelaburan nasional. Hasil daripada perkongsian strategik dengan koridor-koridor wilayah Malaysia dan agensi pembangunan perindustrian, MIDA telah dapat mengukuhkan ekosistem negara dan mengetengahkan usul nilai persekitaran perniagaan, teknologi, infrastruktur dan bakat kepada pelaburan domestik dan asing di mana kedua-duanya telah memberikan respon menggalakkan.

Dalam merealisasikan potensi transformasi ekonomi Malaysia yang memberangsangkan, negara perlu memanfaatkan kedudukannya pada masa kini sebagai destinasi penyumberan luar yang kompetitif bagi syarikat-syarikat transnasional dalam industri elektronik, automotif, pengilangan jentera serta minyak dan gas. Negara juga perlu memanfaatkan kekuatan ini agar dapat menjadi pemain utama dalam industri aeroangkasa, perubatan, pertahanan



Graf 2 Jumlah pelaburan diluluskan dalam ekonomi Malaysia, 2013.

dan fotovoltaik. Semua subsektor ini memberi peluang pertumbuhan yang signifikan dan penting untuk menjamin kemakmuran jangka masa panjang negara. Ini adalah langkah-langkah penting dalam perjalanan negara ke arah menjadi ekonomi berpendapatan tinggi, di mana industri-industri perkilangan yang bernilai-rendah pada masa lalu digantikan dengan pusat-pusat kecemerlangan R&D yang berteknologi dan bernilai tinggi pada masa akan datang.

Projek mega yang bernilai berbilion ringgit sahaja tidak mencukupi untuk merealisasikan matlamat ini. Kejayaan transformasi ekonomi negara tidak boleh diukur semata-mata dari segi kuantiti pelaburan yang

diperolehi. Apa yang lebih penting adalah pelaburan-pelaburan ini perlu mencerminkan hasrat Malaysia untuk menjadi destinasi pilihan bagi projek-projek berasaskan inovasi dan berintensifkan pengetahuan dalam industri-industri yang berkembuhan dan bernilai tinggi.

Kualiti telah sememangnya menjadi lebih penting daripada kuantiti. Kini, memandangkan kita telah beranjak ke tahap tinggi, negara perlu menggandakan usahanya untuk menarik pelaburan berkualiti yang akan menonjolkan potensi terbaik Malaysia.

Masa untuk bergerak adalah sekarang.

PEMULIHAN PASTI BERLAKU

Keyakinan pelabur kini telah kembali kepada ekonomi global yang menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang positif di mana negara membangun terus menarik lebih banyak FDI berbanding negara maju.

Ekonomi global menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang sihat dalam tahun 2013. Permintaan mampan di Amerika Syarikat dan Eropah membantu meningkatkan eksport negara China pada kadar 12.7 peratus, manakala permintaan domestik yang lebih kukuh dan dasar-dasar pengembangan yang gigih membantu Jepun mencapai peningkatan ekonomi yang tertinggi dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Ekoran daripada perkembangan makroekonomi ini, pelaburan langsung asing (FDI)¹ meningkat sebanyak 11% kepada AS\$1.46 trillion² pada tahun 2013 (2012: AS\$1.32 trillion) di mana peningkatan yang dicatatkan adalah dalam kesemua kumpulan ekonomi utama iaitu ekonomi maju, membangun dan peralihan.

1 FDI ditakrifkan oleh UNCTAD sebagai suatu pelaburan antarabangsa yang dibuat dengan tujuan mendapatkan kepentingan yang berkekalan oleh suatu entiti penduduk tetap yang terletak dalam sesuatu ekonomi di dalam suatu entiti penduduk tetap yang terletak dalam suatu ekonomi lain. Ia terdiri daripada modal ekuiti, pendapatan yang dilabur semula dan urusniaga hutang antara syarikat dan sebahagian besarnya berdasarkan kepada statistik imbalan pembayaran nasional.

2 Anggaran awal: *Global Investment Trends Monitor* No. 15, UNCTAD

Kesemua ini menunjukkan bahawa keyakinan pelabur telah pulih dan ekonomi global kini bersedia untuk berkembang pada kadar yang sihat pada tahun-tahun akan datang. Walau bagaimanapun, ketika trend pelaburan kembali ke tahap yang hampir sama dengan tahap purata semasa waktu pra-krisis perlu diperhatikan bahawa negara ekonomi membangun kini memainkan peranan yang semakin penting dalam iklim pelaburan global. Walaupun aliran FDI ke dalam negara ekonomi maju meningkat sebanyak 12 peratus kepada AS\$576 bilion pada tahun 2013, syer mereka dalam aliran FDI global masih kekal lebih rendah daripada negara ekonomi membangun dan ekonomi peralihan iaitu pada kadar 39 peratus. Syer aliran FDI ke dalam negara ekonomi peralihan adalah sebanyak sembilan peratus pada tahun 2013 (AS\$126 bilion), manakala syer aliran FDI ke dalam negara ekonomi membangun kekal pada tahap 52 peratus, di mana aliran FDI meningkat tujuh peratus kepada AS\$759 bilion³ (2012: AS\$703 bilion). Jelas sekali bahawa para pelabur sedang mencari dan telah menemui peluang pertumbuhan yang

menarik di dalam negara-negara yang sedang membangun ini.


Negara ekonomi maju kini menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang pelbagai. Aliran FDI ke Jepun telah meningkat dengan mendadak sebanyak 61 peratus kepada AS\$2.8 bilion pada tahun 2013, manakala Belgium, Ireland, Belanda dan Luxembourg di Eropah telah menarik pelaburan melebihi AS\$100 bilion. Keempat-empat negara ini menawarkan persekitaran mesra cukai bagi fungsi kewangan atau perbendaharaan serta merupakan antara 12 negara Kesatuan Eropah yang menikmati peningkatan aliran FDI yang ketara pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, aliran FDI ke Amerika Syarikat terus merosot, manakala Australia dan Perancis pula mengalami pengurangan ketara dalam FDI, iaitu masing-masing sebanyak 28 peratus (AS\$40 bilion) dan 77% (AS\$5.7 bilion). Secara keseluruhannya, aliran FDI ke dalam negara-negara ekonomi maju masih lagi hanya pada kadar 44% daripada paras tertinggi yang dicapai mereka pada tahun 2007.


Meskipun terdapat kemerosotan berterusan dalam aliran masuk FDI ke negara ekonomi maju, Amerika

3 Anggaran

LAUNGAN KEJAYAAN

Dunia ekonomi membangun terus menarik lebih banyak FDI berbanding dunia ekonomi maju pada tahun 2013. Dengan aliran masuk FDI tertinggi dicatitkan di Asia, Amerika Latin dan Caribbean, dunia ekonomi membangun menarik US\$759 bilion aliran FDI masuk (52%) pada tahun 2013 — enam peratus lebih banyak berbanding US\$715 bilion yang dicatitkan pada tahun sebelumnya tetapi 32 peratus lebih banyak berbanding aliran FDI masuk ke dunia ekonomi maju (US\$576 bilion).





Graf 3 Syer aliran masuk FDI global bagi kumpulan serantau dan antara rantau tertentu, 2008 - 2013.

Syarikat kekal sebagai destinasi paling popular bagi FDI (AS\$159 bilion) walaupun negara China terus mengurangkan jurang perbezaan tersebut (AS\$127 bilion). Aliran masuk FDI ke dalam Persekutuan Rusia melonjak 83% kepada AS\$94 bilion yang menjadikannya penerima FDI yang ketiga terbesar di dunia bagi julung kalinya, walaupun sebahagian besar peningkatan itu adalah disebabkan oleh pengambilalihan yang besar oleh BP (United Kingdom) sebanyak 18.5 peratus ke atas Rosneft (Persekutuan Rusia) sebagai sebahagian daripada langkah pemerolehan Rosneft berharga AS\$57 bilion terhadap TNK-BP yang dimiliki oleh sebuah syarikat yang berdaftar di British Virgin Islands.

Dengan iklim ekonomi dunia maju yang tidak menentu, adalah tidak menghairankan bahawa para pelabur kini telah mengalah perhatian mereka kepada negara ekonomi membangun bagi mengembangkan peluang-peluang perniagaan mereka

bagi mengembangkan peluang-peluang perniagaan mereka.

Dengan iklim ekonomi dunia maju yang tidak menentu, adalah tidak menghairankan bahawa para pelabur kini telah mengalah perhatian mereka kepada negara ekonomi membangun bagi mengembangkan peluang-peluang perniagaan mereka

Dalam aspek ini, negara ekonomi Asia yang sedang membangun kini menerajui dan telah menarik FDI bernilai kira-kira AS\$406 bilion pada tahun 2013 (2012: AS\$409 bilion), manakala aliran ke Afrika meningkat


sebanyak 6.8% kepada kira-kira AS\$56.3 bilion dan aliran ke Amerika Latin dan Caribbean bertambah sebanyak 18% kepada kira-kira AS\$294 bilion. Tahun ini adalah tahun yang keempat secara berturut-turut bagi pertumbuhan FDI di Amerika Latin dan Caribbean. Walau bagaimanapun, aliran masuk FDI ke Asia Barat terus menurun bagi tahun kelima berturut-turut, dengan penurunan sebanyak 20 peratus lagi kepada AS\$38 bilion, dengan Saudi Arabia dan Turki masing-masing mencatatkan penurunan FDI yang ketara sebanyak 19 peratus.

Syer aliran masuk FDI global bagi 12 negara yang menyertai rundingan Trans-Pacific Partnership (TPP) adalah sebanyak 28 peratus pada tahun 2013 dengan penurunan sedikit daripada 31 peratus pada tahun 2012. Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP) pula yang sedang dalam rundingan diantara ASEAN dan enam

rakan FTA (Australia, China, India, Republik Korea, Jepun dan New Zealand), menerima lebih daripada 20 peratus aliran FDI global dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Jumlah ini merupakan hampir dua kali ganda besar berbanding paras yang dicapai semasa waktu pra-krisis. Aliran masuk FDI ke dalam negara-negara ahli *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC) serta negara-negara BRICS (Brazil, Persekutuan Rusia, India, China dan Afrika Selatan) adalah hampir dua kali ganda paras yang dicapai semasa waktu pra-krisis. APEC kini menerima lebih daripada separuh aliran FDI global yang telah meletakkannya setara dengan negara-negara G20⁴.

Aliran masuk FDI juga menjadi lebih perlahan bagi negara-negara *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) dengan aliran masuk ke Singapura kekal tidak berubah pada jumlah AS\$56 bilion. Walau bagaimanapun, Malaysia sekali lagi menyangkal kelembapan serantau dengan menarik pelaburan langsung asing berjumlah AS\$12.4 bilion, iaitu 25.3% lebih tinggi berbanding tahun 2012 (AS\$9.9 bilion). Paras FDI juga meningkat dengan ketara dalam negara ekonomi ASEAN lain, di mana dengan jangkaan pertumbuhan dua angka bagi Filipina dan Vietnam. Negara-negara ini merupakan negara baru muncul yang berpotensi tinggi dalam rantau kecil ini, terutamanya bagi aktiviti FDI dan rantaian nilai yang berintensifkan buruh. UNCTAD beranggapan bahawa prospek bagi ASEAN akan terus memberansangkan ekoran dengan lebih banyak kemasukan FDI daripada China dan Jepun dalam pelbagai sektor yang meliputi infrastruktur, kewangan dan perlilangan. Syer ASEAN dalam FDI global adalah dianggarkan sebanyak lapan peratus.

Sekiranya tiada berlaku sebarang kejutan besar ekonomi, aliran



Graf 4 Aliran FDI global, 2004–2012, dan ramalan, 2013–2015 (US\$ bilion).

pelaburan dijangka akan terus pulih untuk beberapa tahun akan datang kepada AS\$1.6 trilion pada tahun 2014 dan AS\$1.8 trilion pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, terdapat risiko yang signifikan terhadap senario pertumbuhan ini termasuklah kelemahan struktur sistem kewangan global, ketidakpastian dasar dalam bidang-bidang tertentu yang penting yang mempengaruhi keyakinan pelabur serta kewujudan ancaman yang boleh menyebabkan kemerosotan dalam persekitaran ekonomi⁵. Kesemua faktor ini boleh mempengaruhi penurunan seterusnya dalam aliran masuk FDI global.

Meskipun wujudnya risiko-risiko seperti ini, sentimen pelabur terhadap Malaysia masih kekal positif. Malaysia berada pada kedudukan keenam dalam senarai negara yang paling

kompetitif di rantau Asia Pasifik, iaitu di hadapan China, India dan Republik Korea. *World Economic Forum* (WEF), di dalam laporan tahunannya iaitu *Global Competitiveness Report* 2012-2013, menyatakan bahawa peningkatan berterusan Malaysia dalam kedudukan ini adalah berpuncu daripada pasarannya yang efisyen dan kompetitif bagi barang dan perkhidmatan, pasaran kewangannya yang mantap serta rangka kerja institusinya⁶ yang mesra perniagaan.

Program transformasi ekonomi dan kerajaan yang kian beranjak ke tahap tinggi ini menjadikan Malaysia mempunyai kesemua aspek yang diperlukan oleh pelaburnya untuk terus maju ke hadapan. Ini adalah antara faktor negara ini kekal sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan asing.

4 *Global Investment Trends Monitor* No. 15, UNCTAD

5 *World Investment Report 2013*, UNCTAD

6 *Global Competitiveness Report 2012-2013*

MENJADIKAN MALAYSIA LEBIH MAKMUR

Agensi-agensi pembangunan ekonomi di seluruh negara menjajarkan usaha dalam memenuhi agenda pelaburan Malaysia.

MIDA menjalankan usaha sama dengan beberapa agensi pembangunan perindustrian untuk membantunya menerajui agenda pelaburan nasional negara. Sebahagian daripada agensi-agensi ini ditugaskan untuk membangunkan wilayah-wilayah tertentu atau ‘koridor ekonomi’ di mana setiap satu daripadanya menawarkan cadangan nilai yang unik kepada pelabur dari segi lokasi geografi atau ketersediaan sumber semula jadi. Usaha koridor-koridor wilayah ini dilengkappkan lagi dengan inisiatif agensi-agensi penggalakan perindustrian yang telah ditubuhkan untuk memupuk pembangunan industri-industri tertentu seperti bioteknologi, E&E, halal dan ICT.

Tugas kesemua agensi pembangunan perindustrian ini pula sebahagian besarnya disokong oleh TalentCorp yang telah dipertanggungjawab untuk memastikan bahawa negara mempunyai modal insan yang diperlukan untuk mengubah ekonomi dengan jayanya. Kerajaan adalah komited ke arah meningkatkan perkongsian awam-swasta yang memberi tumpuan dalam meningkatkan ketersediaan tenaga kerja mahir yang diperlukan oleh

industri. Malaysia merupakan sebuah negara muda secara demografi yang menawarkan saluran bakat muda kepada negara yang berupaya menyokong pelaburan dan pertumbuhan baharu. Pada tahun 2013, TalentCorp telah memberi tumpuan untuk membangunkan bekalan bakat muda Malaysia ini.

yang selaras dengan keperluan bakat yang diperlukan oleh pelabur untuk mempertingkatkan nilai rantai.

MIDA akan terus bekerjasama dengan TalentCorp dalam program-program pembangunan bakat untuk memastikan keperluan bakat bagi sektor berkeutamaan di masa akan datang dipenuhi dengan baik. Sektor utama yang diberi tumpuan oleh agensi ini pada tahun 2013 adalah E&E, O&G dan perkhidmatan kejuruteraan.

TalentCorp

M A L A Y S I A


TalentCorp menggunakan sebahagian besar masa tahun lalu untuk bekerjasama dengan pemain industri dalam meningkatkan kesedaran tentang sektor ekonomi yang pesat berkembang dan peluang pekerjaan menerusi pameran kerjaya dan pameran bergerak. Agensi ini juga menawarkan insentif cukai ke atas perbelanjaan yang ditanggung oleh syarikat-syarikat yang menempatkan lebih 10,000 mahasiswa untuk latihan amali yang berstruktur serta sama-sama membiayai program latihan kepada lebih daripada 6,000 graduan baharu. Program latihan ini melibatkan peningkatan kemahiran graduan

Melalui program Biasiswa Penarikan dan Pengekalan Bakat (Scholarship Talent Attraction and Retention - STAR), Kerajaan kini membenarkan graduan yang dibiayai oleh Kerajaan untuk menunaikan bon perkhidmatan mereka menerusi perkhidmatan di sektor swasta dengan pelabur-pelabur utama di Malaysia. Dengan itu, sektor swasta kini boleh memanfaatkan bakat muda yang berpotensi tinggi dan terbaik di Malaysia. TalentCorp juga mengambil bahagian dalam beberapa sesi temuseru antarabangsa pada tahun 2013 di mana wakil-wakilnya bergerak bersama lebih daripada 100 majikan ke lebih daripada 15 buah negara untuk menarik rakyat Malaysia di luar negara menerusi kombinasi

BIASISWA PENARIKAN & PENGEKALAN BAKAT (STAR)

MEMBOLEHKAN PEMEGANG BIASISWA KERAJAAN BERKHIDMAT DENGAN MAJIKAN SWASTA

SYARIKAT-SYARIKAT YANG MENGAMBIL BAHAGIAN TERMASUK PETRONAS, SHELL, EY, PwC, SILTERRA DAN INTEL



LEBIH DARIPADA 400 PEMEGANG BIASISWA TELAH MENDAPAT PEKERJAAN PADA TAHUN 2013

MANFAAT KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT YANG MENGAMBIL BAHAGIAN

- 1 Regularisasikan pengambilan pemegang biasiswa Kerajaan direkrut secara langsung
- 2 Akses kepada bakat terbaik di Malaysia (melalui pangkalan data STAR dan sesi perangkaian)
- 3 Mengelakkan bakat terbaik di bawah STAR – pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam menunaikan bon perkhidmatan kepada Kerajaan dengan bekerja di bawah majikan-majikan yang diluluskan oleh STAR

PEMEGANG BIASISWA YANG MENDAPAT PEKERJAAN DENGAN MAJIKAN SWASTA

TAHUN	2011	2012	2013
JUMLAH	157	123	424

pameran kerjaya bagi graduan yang umum dan program temuseru yang khusus mengikut sektor. Usaha ini telah disokong melalui insentif dan kemudahan yang ditawarkan di dalam *Returning Expert Programme* (REP).

Sebagai tambahan kepada program-program bagi bakat Malaysia, TalentCorp juga bekerjasama dengan

industri untuk memudahkan lagi kemasukan dan pengekalan bakat asing di Malaysia terutamanya dalam bidang yang menunjukkan jurang kemahiran kritikal yang jelas. Bagi tujuan ini, kini program Pas Residen-Bakat (Residence Pass-Talent - RP-T) membolehkan bakat asing untuk tinggal dan bekerja di Malaysia sehingga tempoh sepuluh

tahun berbanding tempoh dua tahun sebelum ini. Inisiatif untuk memudahkan bakat ekspatriat di Malaysia pula akan dipertingkatkan lagi pada masa hadapan menerusi bahagian baharu di Jabatan Imigresen - Bahagian Perkhidmatan Ekspatriat dan pengenalan kepada Visa Kemasukan Pelbagai (Multiple Entry Visa - MEV).

Koridor wilayah

Sementara TalentCorp menumpukan perhatian kepada usaha bagi memupuk saluran bakat Malaysia dan menarik rakyat berpengalaman kembali ke tanah air, koridor-koridor wilayah negara juga mencapai kemajuan yang memberangsangkan dalam memupuk persekitaran perniagaan dalam wilayah-wilayah berkenaan.

Terdapat lima wilayah koridor pembangunan ekonomi di Malaysia: Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (the East Coast Economic Region Development Council - ECERDC) bagi negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Daerah Mersing, Johor; Wilayah Ekonomi Koridor Utara (the Northern Corridor Economic Region - NCER) bagi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara; Iskandar Malaysia bagi negeri Johor; Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (Sarawak Corridor of Renewable Energy - SCORE) bagi negeri Sarawak; Koridor Pembangunan Sabah (Sabah Development Corridor - SDC) bagi negeri Sabah; dan InvestKL untuk Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang. Semua koridor ekonomi mencatatkan peningkatan dalam pelaburan pada tahun 2013 terutamanya ECER dan Iskandar Malaysia yang menarik nilai pelaburan sebanyak RM28.5 bilion dan RM25.3 bilion masing-masing.

Kelantan, Terengganu, Pahang & Daerah Mersing, Johor

Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) telah menyaksikan kekuuhan wilayah itu untuk menjadi destinasi pelaburan yang tersendiri, berdaya saing dan dinamik dalam tempoh lima tahun yang lalu. Pada tahun 2013, Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) telah menarik pelaburan sebanyak RM28.5 bilion, di mana Pahang mengumpul sebanyak RM16.9 bilion, Kelantan sebanyak RM7.3 bilion dan Terengganu pula mencatatkan RM4.2 bilion. Pelaburan-pelaburan ini dijangka akan mewujudkan 55,000 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Sejak ia mula ditubuhkan pada tahun 2007, ECER telah menarik jumlah pelaburan bernilai RM55.8 bilion yang merupakan lebih daripada separuh sasarannya sebanyak RM110 bilion menjelang tahun 2020.



**EAST
COAST
ECONOMIC
REGION**

MALAYSIA

Sejak ia mula ditubuhkan pada tahun 2007, ECER telah menarik jumlah pelaburan bernilai RM55.8 bilion yang merupakan lebih daripada separuh sasarannya sebanyak RM110 bilion menjelang tahun 2020.

Zon Ekonomi Khas ECER (ECER SEZ) terus menjadi penggerak bagi pelaburan dalam ECER. Salah satu peristiwa penting di rantau ini pada tahun 2013 adalah pelancaran Taman Perindustrian Malaysia-China Kuantan (MCKIP) yang telah mengikat komitmen pelaburan berjumlah RM10.5 bilion setakat ini dan akan mewujudkan kira-kira 8,500 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Pembesaran Pelabuhan Kuantan juga dijangka membantu kedudukan ECER sebagai satu destinasi pelaburan dan perdagangan utama. Pelabuhan itu kini sedang diperluaskan bagi menampung kapal pengangkut pukal bersaiz Cape dan kapal kontena Post Panamax sehingga 200,000 DWT. Pengubahsuaian ini akan meningkatkan kapasiti pemprosesan pelabuhan daripada 16 juta Freight Weight Tonnes (FWT) kepada 52 juta FWT menjelang akhir tahun 2015.

Perlis, Kedah, Penang dan Utara Perak



Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) sedang berkembang pesat sebagai destinasi pelaburan pilihan yang dipacu oleh tenaga kerja industri yang relevan. NCER telah memasuki fasa kedua pembangunannya pada tahun 2013, di mana sektor swasta akan memikul tanggungjawab yang lebih besar terhadap kejayaan projek-projek yang dicadangkan di rantau ini. Seiring dengan sektor swasta, Koridor Utara telah mewujudkan kira-kira 61,205 peluang pekerjaan dan perniagaan-perniagaan baharu sejak ia mula ditubuhkan. Pembiayaan awam sebanyak RM500 juta daripada tahun 2013 hingga 2020 dijangka akan memangkin pelaburan swasta bernilai RM5 bilion dan peningkatan RM2.6 bilion dalam GNI.

Terdapat beberapa pelaburan yang ketara dalam Koridor Utara pada tahun 2013 melibatkan pusat benih tropika yang bernilai RM32 juta dan fasiliti teknologi hijau bernilai RM15 juta di Perlis. Kedua-dua projek dimiliki oleh syarikat Malaysia dan dijangka akan meningkatkan kedudukan Malaysia dalam R&D pertanian.

Fasa kedua Koridor Utara juga akan menyaksikan spin-off pelaburan ke dalam projek pelancongan dan pertanian di negeri Perak, Penang dan Kedah.

Fasa kedua Koridor Utara juga akan menyaksikan spin-off pelaburan ke dalam projek pelancongan dan pertanian di negeri Perak, Penang dan Kedah.


Johor

Iskandar Malaysia telah menarik jumlah pelaburan komited yang terkumpul dalam pelbagai sektor sebanyak RM131.6 bilion sejak ia mula ditubuhkan pada tahun 2008, di mana sebanyak RM56.3 bilion (43%) telah direalisasikan setakat ini. Daripada jumlah keseluruhan pelaburan komited yang terkumpul ini, RM84.6 bilion merupakan pelaburan domestik

(64%) manakala RM47 bilion adalah pelaburan asing (36%).

Pada tahun 2013, wilayah Iskandar Malaysia telah menarik pelaburan komited sebanyak RM25.3 bilion, di mana RM16.2 bilion (64%) adalah daripada pelaburan asing manakala selebihnya (RM9.1 bilion) adalah daripada sumber domestik.

Pertumbuhan pelaburan dalam Iskandar Malaysia juga telah menjana peningkatan dalam aktiviti ekonomi dan permintaan yang bersepadan terhadap pekerja. Data daripada



Graf 5 Pelaburan dalam ECER mengikut sektor, 2007 – 2013.


JobsMalaysia menunjukkan bahawa 98,440 peluang pekerjaan telah diwujudkan di Iskandar Malaysia pada tahun 2013 di mana 46% daripadanya adalah dalam sektor E&E dan diikuti oleh sektor pembinaan (27.9%), makanan dan produk pertanian (12.6%) hospitaliti dan pelancongan (8.3%) serta sektor-sektor lain (5.2%).

Pertumbuhan pelaburan dalam Iskandar Malaysia juga telah menjana peningkatan dalam aktiviti ekonomi dan permintaan yang bersepadan terhadap pekerja.

Sub-sektor kreatif, penjagaan kesihatan, perkhidmatan kewangan dan logistik akan terus menjadi tarikan kepada pelaburan baharu pada tahun 2014 dan 2015. Iskandar Malaysia dijangka untuk menerima lebih banyak pelancong domestik dan antarabangsa pada tahun 2014 sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 apabila LEGOLAND Malaysia ternyata menjadi tarikan utama. Pinewood Iskandar Malaysia Studios juga akan mula dibuka pada tahun 2014 dan dijangka mempunyai kesan limpahan yang tinggi kepada ekonomi tempatan.

Sarawak

Kelebihan utama Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) adalah sumber tenaganya yang banyak. SCORE akan mempercepatkan pembangunan sumber-sumber tenaga ini dan membolehkan Sarawak menarik pelaburan dalam industri berintensifkan tenaga yang seterusnya akan mencetus kesan spin-off dalam industri hiliran dan huluhan.



Graf 6 Pelaburan komited dalam Iskandar Malaysia mengikut sektor, 2013.



Salah satu daripada nadi pertumbuhan SCORE adalah Taman Perindustrian Samalaju yang telah menarik pelaburan domestik dan asing dalam industri seperti aluminium, silikon polihabluran, silikon logam, ferro-alloy dan industri lain yang berasaskan logam. Setakat ini, 21 syarikat telah menjalankan operasi di Samalaju dengan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM34.5 bilion. Perniagaan ini disediakan kemudahan pelabuhan khas yang sedang dibangunkan secara berperingkat. Taman perindustrian ini sendiri telah pun mempunyai kuasa tidak terganggu sebanyak lebih daripada

3,000 MW serta tambahan 1,800 MW lagi akan tersedia dalam masa terdekat. Di samping itu, loji rawatan air di Samalaju mempunyai kapasiti semasa sebanyak lima juta liter sehari (MLD) yang akan dipertingkatkan ke 80 MLD pada tahun 2014.

Sabah



Sebagai salah satu daripada pemacu yang membawa masuk pelaburan ke dalam negeri, Pihak Berkusa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDA) telah menjalinkan usaha sama erat dengan MIDA bagi mempromosi dan memasarkan secara agresif Koridor Pembangunan Sabah

KEHIDUPAN LEBIH HIJAU

Iskandar Malaysia telah menerajui pelaksanaan pembangunan yang mesra alam dan mampan dengan pelancaran sepuluh program keutamaan yang dikenal pasti dalam *Low Carbon Society Iskandar Malaysia Blueprint*. Strategi ini mengukuhkan cadangan nilai pelabur di Iskandar Malaysia dan akan mengurangkan sebanyak separuh daripada kepadatan pelepasan karbon di rantau ini menjelang 2025.

1. **Pengangkutan Mesra Alam Bersepadu** – mengurus penggunaan kenderaan persendirian dan mengubah sikap pengguna pengangkutan terhadap pengangkutan awam.
2. **Garis Panduan Ekonomi Hijau** – dasar hijau untuk pemerolehan, operasi dan pengurusan rantaian bekalan.
3. **Projek Cabaran Eko-Kehidupan untuk Sekolah** – mewujudkan kesedaran dan sikap bertanggungjawab melalui *eco-accounting* isi rumah bagi tenaga dan air.
4. **Portal Teknologi Hijau** – berkongsi idea hijau dan maklumat di kalangan masyarakat, agensi kerajaan, perniagaan, pemaju dan pelabur.
5. **Pokok-pokok untuk Taman Bandar/Hutan** – mengekalkan atau memperkenalkan semula spesies pokok endemik di dalam taman-taman bandar di wilayah Iskandar Malaysia.
6. **Pelancongan Bertanggungjawab dan Pemeliharaan Biodiversiti** – menggalakkan perkongsian tanggungjawab dan kesedaran terhadap alam sekitar menerusi eko-pelancongan.
7. **Eko-Komuniti Bukit Batu** – menunjukkan bagaimana masyarakat kampung menjalankan aktiviti ekonomi dalam konteks masyarakat yang rendah karbon.
8. **GAIA – Green Accord Initiative Award & Sistem Penilaian Komprehensif untuk Kecekapan Alam Sekitar yang Dibina (CASBEE)** – sistem pengurusan bangunan mesra alam dari Jepun yang dianugerahkan kepada organisasi yang benar-benar mengamalkan praktis hijau dan telah membangunkan produk dan projek mesra alam.
9. **FELDA Taib Andak sebagai Kampung Rendah Karbon** – bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk kampung secara mampu melalui pekerjaan, keusahawanan dan perniagaan milik bersama.
10. **Pasir Gudang sebagai sebuah bandar raya pintar, bersih dan sihat** – bertujuan untuk memberi nafas baru dalam hab perindustrian dan perkilangan di Pasir Gudang di pembangunan *Flagship D*.

(SDC) sebagai destinasi pilihan untuk perniagaan, kebudayaan dan alam semula jadi.

Sejak pelancaran SDC pada tahun 2008, rantau ini telah menarik pelaburan komited sebanyak RM127 bilion di mana RM25.7 bilion telah direalisasikan.

Sejak pelancaran SDC pada tahun 2008, rantau ini telah menarik pelaburan komited sebanyak RM127 bilion di mana RM25.7 bilion telah direalisasikan.

Sejak pelancaran SDC pada tahun 2008, rantau ini telah menarik pelaburan komited sebanyak RM127 bilion di mana RM25.7 bilion telah direalisasikan.

Pada tahun 2013, SEDIA telah menganjurkan dan mengambil bahagian dalam pelbagai acara dan misi perdagangan bagi SDC termasuk Bio Borneo 2013 yang dianjurkan bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp). Semasa acara dijalankan, 12 kerjasama strategik berkaitan bioekonomi telah diumumkan secara rasmi di kalangan pelbagai pemain industri di mana SEDIA menandatangani empat perjanjian dengan organisasi awam dan swasta. Di waktu yang lain pada tahun ini, SEDIA juga menyertai Bio Korea 2013 di mana agensi telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan sebuah syarikat swasta yang mengeluarkan



Sehingga kini, 21 syarikat telah menubuhkan operasi di Samalaju dengan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM34.5 bilion.

baja nano bio-organik menggunakan sisa pengilangan minyak sawit.

Greater Kuala Lumpur dan Lembah Klang

InvestKL telah diberi mandat oleh Kerajaan Malaysia untuk menarik dan membantu syarikat-syarikat multinasional global (MNC) yang utama untuk menubuhkan hab perniagaan, inovasi dan bakat serantau di Kuala Lumpur. Pendekatan agensi yang berfokuskan perniagaan dan perundingan telah membawa hasil yang memberangsangkan pada tahun 2013 apabila 12 syarikat multinasional dan tiga syarikat perdagangan global telah bersetuju untuk melabur sebanyak RM104.4 juta ke rantau ini. Pelaburan ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 626 pekerjaan baharu yang berkemahiran tinggi dalam tempoh lima tahun akan



datang dan menjana GNI terkumpul sebanyak RM438.3 juta.

Daripada 12 syarikat multinasional yang telah komited untuk melabur pada tahun 2013, tujuh daripadanya akan menubuhkan pusat kawalan serantau, empat daripadanya akan menubuhkan pusat sokongan serantau dan satu lagi akan menubuhkan sebuah hab pengurusan rantaian bekalan. Sementara ketiga-tiga syarikat perdagangan global pula memilih untuk membangunkan hab perdagangan serantau di Greater Kuala Lumpur.

Agenси penggalakan perindustrian

Agenси-agenси penggalakan pelaburan sektoral di Malaysia juga

menunjukkan prestasi tahunan yang baik dalam membangunkan minat

pelabur terhadap keupayaan unik negara dalam industri masing-masing

iaitu bioteknologi, E&E, halal dan ICT. BiotechCorp dan MDeC, kedua-duanya melepas sasaran masing-masing, manakala CREST dan HDC membuat lonjakan ketara dalam membangunkan ekosistem industrinya.

BiotechCorp

BiotechCorp telah meneraju industri bioteknologi Malaysia semenjak dari tahun-tahun awalnya dan kini telah memasuki tahun keempat bagi



fasa pengkomersilan dalam Dasar Bioteknologi Negara yang melibatkan pembangunan kepakaran dalam penemuan dan pembangunan produk baharu berdasarkan bio dan mewujudkan satu jenama global untuk syarikat bioteknologi Malaysia dan produknya. Setakat ini, BiotechCorp telah berjaya membina rangkaian 229 syarikat berstatus BioNexus yang menyumbang hampir RM3.3 bilion dalam pelaburan yang diluluskan bagi teknologi bio-perubatan, bio-pertanian dan bio-industri.

Sehingga November 2013, sebanyak 17 syarikat baharu telah menerima status BioNexus. Jumlah pelaburan pada tahun 2013 telah dicatatkan sebanyak RM698 juta di mana RM615 juta merupakan dalam sektor bio-pertanian dan RM83 juta adalah dalam sektor bio-perubatan. Ini menjadikan jumlah pelaburan dalam sektor ini mencecah sehingga RM14.6 bilion yang melebihi sasaran industri sebanyak RM9 bilion.

Terdapat empat projek utama yang menyumbang nilai pelaburan sebanyak RM1.4 bilion yang diluluskan dalam industri seperti *biofeed* daripada sisa kelapa sawit, akuakultur, peralatan ortopedik, biokimia, minyak isirong sawit (PKO) dan sulingan asid

lemak sawit (PFAD). Projek-projek ini dijangka akan menyumbang tambahan RM224.5 juta dalam pelaburan domestik dan RM795 juta dalam pelaburan asing dalam masa terdekat. Kesan pengganda daripada projek-projek ini dijangka akan menjadi signifikan dengan menarik industri-industri huluan seperti polimer dan pengilangan produk pengguna yang mewujudkan peluang-peluang baharu bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Projek-projek ini juga berpotensi untuk mewujudkan penambahan 2,482 pekerjaan baharu yang bergaji tinggi kepada rakyat Malaysia.

Projek-projek ini juga berpotensi mewujudkan penambahan 2,482 pekerjaan baharu yang bergaji tinggi kepada rakyat Malaysia.

CREST

Setelah satu tahun memainkan peranan sebagai penggerak industri bagi pertumbuhan industri Elektrik dan Elektronik (E&E) Malaysia, CREST



terus memacu usaha sama di antara industri, ahli akademik dan agensi-agensi Kerajaan. Salah satu inisiatif terbesar agensi setakat hari ini ialah Geran R&D CREST di mana telah terdapat 51 projek di dalam saluran yang dianggarkan bernilai kira-kira RM35.8 juta.

Salah satu aspek unik mengenai program Geran R&D CREST adalah kesemua 51 projek ini mampu dikomersialkan dan melibatkan kerjasama erat di antara sektor swasta dan ahli akademik. Pasukan projek telah mencapai kemajuan yang menggalakkan kerana syarikat-syarikat dan universiti telah menemui sinergi yang diperlukan untuk merealisasikan cadangan mereka. Setakat ini, terdapat sejumlah 10 syarikat multinasional, 18 syarikat Malaysia dan 14 universiti terlibat dalam 51 projek ini.

CREST meneruskan usahanya untuk menubuhkan kerjasama strategik dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk memberi manfaat kepada



Projek bioteknologi dijangka akan menjana kesan pengganda yang besar dalam industri lain.

pemain industri yang memerlukan projek penyelidikan dan perkongsian. Syarikat-syarikat pengasas CREST dijangka akan memerlukan tambahan 1,200 graduan Sarjana dan 180 graduan PhD menjelang tahun 2016. Untuk tujuan ini, CREST bekerjasama dengan TalentCorp untuk membangunkan program pembangunan bakat yang berjaya seperti FasTrack, penyerapan kurikulum dan latihan amali berstruktur untuk sektor E&E. Lebih 235 perantis telah dianjurkan oleh MNC, melibatkan latihan di dalam kelas dan latihan sambil bekerja dalam bidang pekerjaan kritikal. Syarikat-syarikat utama seperti Agilent, Altera, Intel dan Motorola telah tampil ke hadapan untuk bekerjasama dengan universiti-universiti tempatan untuk mengkaji semula kurikulum, menyediakan pakar-pakar domain dan menyumbang perkakasan.

Syarikat-syarikat pengasas CREST dijangka akan memerlukan tambahan 1,200 graduan Sarjana dan 180 graduan PhD menjelang tahun 2016.

Melangkah ke hadapan, CREST mensasarkan untuk menggalakkan pewujudan lebih ramai usahawan Malaysia dalam ekosistem E&E melalui dialog industri dan penubuhan kemudahan inkubator di Universiti Sains Malaysia (USM) di Pulau Pinang. Inkubator tersebut akan menampung sehingga 10 projek dan dijangka beroperasi menjelang pertengahan 2014.

Perbadanan Pembangunan Industri Halal

Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) telah mencatatkan beberapa peristiwa penting dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah hab antarabangsa bagi industri produk Halal. Sejak 2010, lebih daripada 100 projek dengan nilai pelaburan sebanyak RM8 bilion telah dibangunkan dan dibimbing melalui pembangunan industri. Dalam tempoh tiga suku pertama tahun 2013, eksport produk halal Malaysia berjumlah lebih RM24 bilion, peningkatan sebanyak 1.4% berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

HDC membantu pertumbuhan dalam industri halal Malaysia terutamanya melalui Taman Halal, di mana infrastruktur dan sokongan perkhidmatan disediakan kepada



komuniti perniagaan produk Halal. Setakat ini, terdapat 13 buah Taman Halal telah diakreditasi oleh HDC (Status HALMAS) di seluruh negara yang telah menarik jumlah pelaburan sebanyak RM6 billion daripada syarikat multinasional terkemuka.

HDC juga telah bergerak secara aktif dalam inisiatif pembinaan kapasiti yang dibangunkan untuk menyokong pembangunan perusahaan kecil dan sederhana yang menjadi jentera pertumbuhan dan inovasi di negara ini.

Perbadanan Pembangunan Multimedia



Sebagai agensi peneraju dalam pembangunan industri ICT dan ekonomi digital di Malaysia, MDeC amat berbesar hati dengan




Dengan populasi Muslim global sebanyak 1.8 bilion, pasaran untuk makanan halal dianggarkan berjumlah US\$547 bilion setahun.

pertumbuhan industri ICT di negara ini. Pada tahun 2012, MSC Malaysia mencatatkan pencapaian hasil yang terbaik setakat ini bernilai RM33.5 bilion, peningkatan sebanyak 5.7% dari tahun 2011 dengan menarik pelaburan bernilai RM2.9 bilion yang merupakan peningkatan sebanyak 17% daripada tahun sebelumnya. Purata gaji bagi kakitangan yang bekerja di syarikat-syarikat MSC Malaysia telah meningkat lebih daripada 52% di antara tahun 2009 dan 2012 - sebanyak RM5,317.08 yang merupakan 2.5 kali lebih tinggi daripada purata gaji negara sebanyak RM1,984.00.

Pada tahun 2013, sebanyak 236 syarikat telah diberikan status MSC Malaysia yang menjadikan jumlah keseluruhan bilangan syarikat berstatus MSC Malaysia sebanyak 3,403. Daripada jumlah ini, 2,572 (76%) adalah aktif.

**Pada tahun 2013,
sebanyak 236 syarikat
telah diberikan status
MSC Malaysia yang
menjadikan jumlah
keseluruhan bilangan
syarikat berstatus MSC
Malaysia sebanyak 3,403.
Daripada jumlah ini,
2,572 (76%) adalah aktif.**

Program Digital Malaysia terus mencapai kemajuan yang baik sejak



Graf 7 Syarikat Berstatus MSC Malaysia yang aktif setakat 31 December 2013.

pelancarannya pada bulan Julai 2012 di mana lapan projek permulaan menyumbang kira-kira RM288 juta dalam GNI dan mewujudkan 3,335 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Untuk mempercepatkan lagi peralihan Malaysia kepada Ekonomi Digital, Pelan Jangka Panjang DM354 Digital Malaysia akan mengetengahkan tiga bidang tumpuan utama ICT merentasi lima subsektor ekonomi digital iaitu Perkhidmatan ICT, eDagang,

Pengilangan ICT, Perdagangan ICT serta Kandungan dan Media. Lima subsektor ini disasarkan untuk bertumbuh pada kadar CAGR sebanyak 9.8% di antara kini dan tahun 2020.

MSC Malaysia akan berkembang lebih kukuh pada tahun-tahun yang akan datang dan memastikan sektor ICT di negara ini selari dengan perkembangan global.

MENTAKRIFKAN SEMULA PERKILANGAN

Malaysia kini memupuk ekosistem pelaburan baharu dalam sektor perkilangan dan utama bagi memacu pertumbuhan di masa hadapan.

Sektor perkilangan di Malaysia terus berkembang dan berubah apabila negara menggantikan operasi pemasangan bernilai ditambah rendah dengan aktiviti bernilai ditambah tinggi yang menjanjikan pertumbuhan jangka panjang. Walau bagaimanapun, sedang Malaysia semakin hampir menjadi sebuah negara maju, ia menghadapi cabaran yang signifikan dari dalam negara dan sekitar dunia amnya.

Cabarani bagi sektor perkilangan di Malaysia boleh dilihat dari dua sudut utama: pertama, negara ini tidak lagi kompetitif untuk operasi yang berintensifkan buruh kerana syarikat perlu bergerak ke rantai nilai yang lebih tinggi atau mempelbagaikan aktiviti dalam bidang perniagaan yang lain. Kedua-dua pilihan ini memerlukan pelaburan yang signifikan dalam teknologi baharu, R&D dan pembangunan modal insan yang seterusnya membawa kepada cabaran kedua di mana syarikat tidak lagi boleh bergantung kepada insentif cukai yang lumayan untuk menjalankan perniagaan di Malaysia.

Dalam jangka masa panjang, kedua-dua cabaran ini – perubahan persekitaran perniagaan dan pengurangan insentif fiskal – akan membantu untuk merasionalisasikan sektor perkilangan.

Dalam jangka masa panjang, kedua-dua cabaran ini – perubahan persekitaran perniagaan dan pengurangan insentif fiskal – akan membantu untuk merasionalisasikan sektor perkilangan. Namun dalam jangka masa pendek, syarikat perlu membuat beberapa keputusan penting. Pelabur yang tidak berpandangan jauh dan tidak bersedia untuk melabur dalam teknologi automasi atau R&D telah mula merasakan kesan daripada pengeciran margin keuntungan dan isu buruh. Pelabur jangka masa panjang yang bersedia untuk meningkatkan kemahiran pekerja dan melabur dalam industri yang berketumbuhan tinggi pula perlu terus diyakinkan

bahawa Malaysia merupakan destinasi pelaburan yang tepat.

Hakikatnya, selama ini sektor perkilangan sentiasa bergantung kepada insentif fiskal dalam menggalakkan pelaburan. Namun begitu, bagi menarik dan terus mengekalkan pelaburan dalam industri berketumbuhan tinggi memerlukan insentif berbentuk inovatif yang melangkaui pemberian pengecualian cukai konvensional. Iklim pelaburan global yang tidak menentu akan membawa beberapa cabaran yang menarik pada tahun-tahun akan datang dengan mula menawarkan pelabur dorongan yang kukuh untuk melabur di Malaysia yang melangkaui kebergantungan kepada pelepasan cukai dan pengecualian duti kastam sedia ada.

Pelbagai langkah dan inisiatif terus dilaksanakan oleh Kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri dalam membantu melancarkan pelaksanaan projek yang telah diluluskan kepada para pelabur. Di antara inisiatif yang telah diambil oleh MIDA adalah perlantikan Pegawai Projek Khas (*Special Project Officers, SPO*) untuk setiap negeri bagi


27%

Pelaburan ke dalam sektor perkilangan Malaysia meningkat daripada RM41.1 bilion pada tahun 2012 kepada RM52.1 bilion pada tahun 2013.

menyediakan bantuan secara terus dan menempatkan wakil-wakil kanan dari agensi-agensi utama Kerajaan di ibu pejabat MIDA di KL Sentral dalam membentuk perkongsian pintar.

MIDA juga terus mengurus dan memantau pengagihan dana dan peruntukan bagi projek-projek di bawah Program Menaiktaraf Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Sedia Ada dengan matlamat untuk membantu Kerajaan Negeri dalam menaiktaraf serta meningkatkan infrastruktur asas di kawasan perindustrian sedia ada. Inisiatif ini akan memastikan kawasan perindustrian sedia ada akan kekal kondusif, berdaya saing dan mampu untuk kegunaan pelabur.


Menerusi pelaksanaan aktiviti-aktiviti ini, MIDA terus memantapkan 'pendekatan ekosistem'nya bagi menarik dan meningkatkan pelaburan ke dalam projek berkualiti serta bernilai ditambah tinggi pada tahun 2013. Dengan memanfaatkan pemangkin seperti infrastruktur dan industri sokongan untuk mewujudkan peluang pelaburan baharu, pendekatan ekosistem membantu untuk mengurangkan risiko pelaburan



Graf 8 Sumber pelaburan dalam projek perkilangan diluluskan, 2013 dan 2012

dengan mengendali permintaan pelaburan asing dan tempatan terhadap insentif fiskal yang terlalu banyak dengan lebih baik. Dalam jangka masa panjang, pendekatan ekosistem akan

membantu Malaysia untuk terus kekal sebagai destinasi pelaburan yang menarik tanpa perlu menawarkan insentif cukai yang keterlaluan.



Graf 9 Pelaburan dalam projek perkilangan baharu mengikut industri, 2013 dan 2012

Ekosistem baharu

Pada tahun 2013, MIDA telah mula membangunkan tiga ekosistem baharu: nadir bumi, penyimpanan tenaga dan graphene. Ketiga-tiga ekosistem ini merentasi pelbagai industri yang melibatkan teknologi hijau, logam dan produk E&E dengan memanfaatkan bahan termaju sedia ada dan baharu muncul di Malaysia. Pendekatan ekosistem juga digunakan untuk mengenal pasti peluang-peluang dalam melengkapkan sektor O&G di Sabah, di mana projek pelaburan hanya cenderung untuk tertumpu dalam aktiviti huluan. Kelak, apabila loji telah mula beroperasi dan kemudahan infrastruktur baharu telah dibangunkan di negeri ini, bekalan bahan-bahan baharu yang tersedia akan membuka peluang kepada lebih banyak pelaburan perkilangan hiliran. Pendekatan ekosistem akan terbukti

keberkesanannya dalam memupuk perusahaan hiliran ini.


Pendekatan ekosistem akan terbukti keberkesanannya dalam memupuk perusahaan hiliran ini.

Untuk melicinkan pembangunan kerjasama industri di antara universiti tempatan dan pelabur, MIDA telah memulakan beberapa program temuseru dengan universiti-universiti utama di Malaysia pada tahun 2013. Program-program ini dijangka akan menghasilkan kerjasama teknikal yang lebih erat di antara universiti dan pelabur, di mana MIDA memainkan peranan utama dalam memadankan keperluan pelabur dengan kelebihan universiti.

Dalam usaha bersepudu untuk menjadikan ekosistem negara lebih berkesan dan menarik di kalangan pelabur, pada tahun 2013 MIDA telah mula meningkatkan pemangkin penyampaian utama di seluruh negara dalam bidang seperti sumber manusia, infrastruktur dan utiliti. Secara khususnya, MIDA telah berunding dengan lebih daripada 30 agensi kerajaan, persatuan industri, dewan perniagaan dan institusi pendidikan pada tahun 2013 untuk membangunkan Rangkaian Tumpuan Utama (*Focal Point Network*) yang akan membantu dalam memenuhi permintaan pelabur terhadap bekalan bakat yang lebih jelas di Malaysia.

Sektor yang dinamik

Malaysia terus menarik tahap pelaburan yang signifikan pada tahun 2013 sebagai satu hab yang dinamik



Graf 10 Pelaburan dalam projek perkilangan pembesaran/pelbagai mengikut industri, 2013 and 2012

dan menguntungkan bagi perniagaan dan pelaburan. Kedudukan politik dan ekonomi negara yang stabil, infrastruktur yang sangat baik, kos yang kompetitif serta tenaga kerja yang mahir dan berpendidikan telah menyumbang untuk menjadikan Malaysia sebuah lokasi pelaburan yang kompetitif; dengan disokong sepenuhnya oleh Kerajaan yang komited untuk mengekalkan persekitaran perniagaan yang mesra. Sebanyak 787 projek perkilangan dengan pelaburan berjumlah RM52.1 bilion telah diluluskan pada tahun 2013 berbanding 804 projek perkilangan dengan pelaburan bernilai RM41 bilion pada tahun 2012.


Sektor E&E telah mencatatkan jumlah kelulusan pelaburan tertinggi bernilai RM9.8 bilion pada tahun 2013. Ini diikuti oleh kelengkapan pengangkutan (RM6.6 bilion), produk petroleum termasuk petrokimia (RM6.2

bilion), kimia & produk kimia (RM5.8 bilion), produk logam asas (RM5.6 bilion), pengilangan makanan (RM4.4 bilion), produk getah (RM3.6 bilion) dan produk galian bukan logam (RM2.3 bilion). Kelapan-lapan industri ini menyumbang sebanyak RM44.5 bilion atau 84.9 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan.

Jumlah pelaburan yang telah diluluskan pada tahun 2013 terus mengatasi purata pelaburan tahunan berjumlah RM27.5 bilion yang ditetapkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) yang mencerminkan komitmen rakyat negara ini untuk merealisasikan matlamatnya.

Jumlah pelaburan yang telah diluluskan pada tahun 2013 terus mengatasi purata pelaburan tahunan berjumlah RM27.5 bilion yang ditetapkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3).

Dalam senario ekonomi global yang menghadapi pelbagai risiko dan ketidaktentuan, para pelabur kekal yakin dengan Malaysia sebagai destinasi pelaburan asing. Pelaburan asing pada tahun 2013 berjumlah RM30.5 bilion yang merupakan 58.6 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun tersebut. Sementara baki sebanyak RM21.6



Graf 11 Pelaburan dalam projek perkilangan diluluskan mengikut industri utama, 2013 dan 2012

bilion atau 41.4 peratus merupakan pelaburan domestik.

Di dalam pemulihian ekonomi dunia yang agak perlahan, Malaysia terus menarik jumlah pelaburan baharu yang signifikan. Pada tahun 2013, pelaburan dalam projek baharu adalah berjumlah RM38.1 bilion (463 projek), iaitu 73.1 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Daripada jumlah ini, sebanyak RM22.8 bilion atau 59.9 peratus adalah daripada sumber asing manakala RM15.3 bilion atau 40.1 peratus merupakan pelaburan domestik.

Syarikat-syarikat sedia ada di Malaysia terus membesar dan mempelbagaikan operasi mereka yang mencerminkan keyakinan berterusan terhadap persekitaran pelaburan negara. Sebanyak 324 projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan berjumlah RM14 bilion telah diluluskan pada tahun 2013 yang merupakan 26.9 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan.

pada tahun 2013 yang merupakan 26.9 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan.

Sebanyak 324 projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan berjumlah RM14 bilion telah diluluskan pada tahun 2013 yang merupakan 26.9 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan.

Pertambahan bilangan projek yang diluluskan pada tahun 2013 telah menjadikan jumlah projek perkilangan yang diluluskan daripada tahun 2009 sehingga 2013 menjadi 4,113, di mana 3,124 telah pun dilaksanakan. Setakat

31 Disember 2013, sebanyak 2,845 daripada projek ini telah memulakan pengeluaran sementara selebihnya masih dalam peringkat pembinaan atau di peringkat akhir pemasangan jentera. Jumlah pelaburan modal dalam 3,124 projek yang telah dilaksanakan adalah bernilai RM130.2 bilion. Sebanyak 77 projek lagi dengan pelaburan berjumlah RM31.5 bilion telah memperolehi tapak kilang, manakala 720 projek (RM54.1 bilion) adalah dalam peringkat perancangan aktif. Apabila 797 projek ini direalisasikan, jumlah pelaburan dalam projek-projek ini akan mencapai RM85.6 bilion.


Negeri Selangor mencatatkan bilangan terbesar bagi projek yang dilaksanakan, diikuti oleh Johor, Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Negeri Sembilan. Berdasarkan pemerhatian sepanjang tahun 2009 sehingga 2013, projek utama yang

dilaksanakan secara meluas meliputi pelbagai industri seperti pengilangan produk E&E, jentera & kelengkapan, kelengkapan pengangkutan, kimia & produk kimia, produk fabrikasi logam dan pengilangan makanan.

Sebanyak 29 buah syarikat terpaksa mengecilkan operasi mereka pada tahun 2013. Sementara 11 buah syarikat pula terpaksa menamatkan operasi disebabkan oleh keadaan pasaran yang suram, peningkatan kos, masalah kewangan dan kegiatan penstrukturkan semula. Kesannya, seramai 6,401 orang pekerja telah kehilangan pekerjaan pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, kerugian ini telah dapat diimbangi dengan baik menerusi kewujudan peluang pekerjaan baharu daripada 360 projek yang telah memulakan pengeluaran pada tahun lepas.

Selain itu, projek-projek yang telah diluluskan pada tahun 2013 dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 92,988 orang. Daripada jumlah ini, seramai 15,647 (16.8%) adalah dalam kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan (MTS), seramai 60,093 (64.6%) dalam kategori pekerja mahir dan 17,248 orang (18.6%) adalah dalam kategori pekerja bukan mahir, jualan, perkeranian dan lain-lain. Sebahagian besar peluang pekerjaan ini adalah dalam sektor E&E dengan 25,380 pekerjaan, diikuti oleh produk getah (12,711) dan kelengkapan pengangkutan (9,169).

Kerajaan terus meluluskan jawatan ekspatriat, terutamanya bagi jawatan pengurusan dan teknikal kepada syarikat milik rakyat Malaysia serta syarikat milik rakyat asing. Ini adalah bagi mempermudahkan pemindahan teknologi serta membekal dan melengkapkan kumpulan kemahiran tempatan dalam bidang pengurusan dan teknikal. Sebanyak 1,939 jawatan ekspatriat telah diluluskan pada tahun 2013 di mana 284 adalah jawatan penting yang boleh diisi oleh warga



Graf 12 Status pelaksanaan projek perkilangan diluluskan, 2009 – 2013

asing secara tetap. Baki sebanyak 1,655 adalah jawatan bertempoh yang kebiasaannya ditawarkan untuk tempoh selama tiga hingga lima tahun di mana warga tempatan dilatih bagi mengambil alih jawatan-jawatan tersebut.

Penambahan projek berintensifkan modal

Intensiti modal yang diukur berdasarkan nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja (CIPE) bagi projek yang diluluskan pada tahun 2013 adalah berjumlah RM560,299. Nisbah CIPE projek perkilangan telah mencatatkan trend peningkatan sejak tahun 1990. Ini mencerminkan trend umum ke arah projek yang lebih berintensifkan modal, bernilai ditambah tinggi dan berteknologi tinggi.

Pada tahun 2013, industri yang mencatatkan nisbah CIPE tertinggi adalah produk petroleum termasuk petrokimia (RM9,420,794), diikuti oleh produk logam asas (RM1,595,963) dan kimia & produk kimia (RM1,460,740).

Pada tahun 2013, sebanyak 14 projek dengan jumlah pelaburan sekurang-kurangnya bernali RM1 bilion atau lebih telah diluluskan dengan jumlah pelaburan bernali RM24.8 bilion. Sebagai perbandingan, terdapat tujuh projek yang telah mencatatkan jumlah pelaburan sekurang-kurangnya bernali RM1 bilion atau lebih pada tahun 2012 dengan jumlah pelaburan bernali RM13.9 bilion. Selain daripada itu, sebanyak 82 projek juga telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sekurang-kurangnya bernali RM100 juta atau lebih. Jumlah keseluruhan pelaburan dalam projek ini bernali RM40.4 bilion atau 77.6 peratus

daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.

Projek berorientasikan eksport

Persekitaran pelaburan di Malaysia yang merangkumi kemudahan infrastruktur yang sangat baik, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan kewangan dan perbankan, industri sokongan serta kumpulan bakat dan tenaga kerja mahir dan mudah dilatih telah menjadikan Malaysia lokasi pelaburan yang lebih menarik bagi memenuhi keperluan pasaran global dan serantau.

Pada tahun 2013, sebanyak 272 projek yang diluluskan dengan

Projek	Bilangan projek	Jumlah pelaburan (RM bil)
E&E	60	7.4
Produk petroleum termasuk petrokimia	4	4.1
Produk logam asas	11	3.7
Peralatan saintifik dan pengukuran	14	1.0
Pemprosesan makanan	23	3.3

Jadual 1 Industri utama dengan projek perkilangan berorientasikan eksport, 2013

jumlah pelaburan bernilai RM27.8 bilion bercadang untuk mengeksport sekurang-kurangnya 80 peratus daripada pengeluaran syarikat. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, sejumla RM19 bilion atau

68.2 peratus merupakan pelaburan asing manakala baki berjumlah RM8.8 bilion atau 31.8 peratus adalah daripada sumber domestik.

Rakyat Malaysia untuk Malaysia

Dalam persekitaran ekonomi global dan peningkatan persaingan untuk menarik pelabur global masa kini, adalah kritikal bagi pelaburan domestik memainkan peranan utama dalam memacu agenda pelaburan Malaysia untuk mengubah dan membentuk semula ekonomi. Ketahanan daya saing Malaysia bergantung kepada pengukuhan sektor perkilangan dan perkhidmatan serta mempercepatkan peralihan negara kepada industri yang bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi. Transformasi ini tidak akan berlaku tanpa pelaburan domestik yang kukuh di kalangan rakyat tempatan.

Pelaburan domestik yang diluluskan pada tahun 2013 berjumlah RM21.6 bilion yang merupakan 41.4 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan pada tahun itu. Kebanyakan daripada pelaburan domestik ini adalah dalam

projek-projek baharu (RM15.3 bilion), manakala RM6.3 bilion merupakan projek pembesaran/ pelbagai. Industri yang menyumbang pelaburan terbesar di kalangan pelabur domestik adalah kelengkapan pengangkutan (RM4.4 bilion atau 20.4%), diikuti oleh produk petroleum termasuk petrokimia (RM2.9 bilion), produk getah (RM2.8 bilion), pengilangan makanan (RM2.1 bilion) dan kimia & produk kimia (RM2 bilion).

Pelaburan domestik yang diluluskan pada tahun 2013 berjumlah RM21.6 bilion yang merupakan 41.4 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan pada tahun itu.

Satu tarikan global

Malaysia terus menarik tahap pelaburan asing yang menggalakkan dalam sektor perkilangan meskipun dalam keadaan ekonomi global yang lembap. Ianya membuktikan bahawa negara ini masih kekal sebagai sebuah destinasi FDI yang berdaya saing di rantau ini. Tahap pelaburan modal tinggi yang direkodkan mencerminkan kejayaan negara menggunakan pendekatan yang disasarkan untuk menarik pelaburan asing yang berkualiti dalam industri yang bernilai ditambah tinggi dan berintensifkan pengetahuan.

Pelaburan asing dalam projek-projek perkilangan yang diluluskan pada tahun 2013 berjumlah RM30.5 bilion di mana RM22.8 bilion (74.7%) merupakan projek baharu dan baki berjumlah RM7.7 bilion (25.3%) adalah bagi projek pembesaran/ pelbagai.


Subsektor E&E menyumbang jumlah pelaburan asing yang tertinggi bernilai RM8.5 bilion. Jumlah pelaburan asing yang tinggi dalam industri ini merupakan sumbangan besar sebuah projek pembuatan wafer, sel dan modul photovoltaik silikon yang bernilai RM2.8 bilion. Industri-industri lain yang mencatatkan pelaburan asing tertinggi adalah produk logam asas (RM4.4 bilion), kimia & produk kimia (RM3.8 bilion), produk petroleum termasuk petrokimia (RM3.2 bilion) dan pengilangan makanan (RM2.3 bilion).

Amerika Syarikat dan Republik Korea kekal sebagai negara sumber utama bagi industri perkilangan di Malaysia, dengan Amerika Syarikat menyumbang sejumlah RM6.3 bilion dan Republik Korea sejumlah RM5.5 bilion. Sumber-sumber utama lain pelaburan asing pada tahun 2013 ialah Singapura (RM4.5 bilion), Jepun (RM3.6 bilion) dan Republik Rakyat China (RM3 bilion). Secara keseluruhan, lima negara ini menyumbang sebanyak 75.1 peratus daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam tahun tersebut.


Sumber utama pelaburan asing pada tahun 2013 adalah Amerika Syarikat dengan nilai pelaburan berjumlah RM6.3 bilion dalam 19 projek yang diluluskan. Salah satu daripadanya adalah projek baharu bernilai RM2.5 bilion untuk mengeluarkan wafer, sel dan modul fotovoltaik silikon serta projek bernilai RM1.5 bilion untuk mengeluarkan *thin film solar PV* modules. Selain itu, sebuah lagi pelaburan asing yang utama pada tahun 2013 adalah projek baharu bernilai RM2.7 bilion dari Republik Korea untuk mengeluarkan ammonia, asid nitrik dan ammonium nitrat.

Berkongsi kekayaan


Pada tahun 2013, sebilangan besar projek yang diluluskan adalah untuk




Graf 13 Pelaburan domestik dalam projek perkilangan diluluskan mengikut industri utama, 2013



Graf 14 Pelaburan asing dalam projek perkilangan diluluskan mengikut industri utama, 2013



Graf 15 Sumber utama pelaburan asing dalam projek perkilangan diluluskan, 2013



Graf 16 Pelaburan dalam projek perkilangan diluluskan mengikut lokasi, 2013

ditempatkan di Selangor (228 projek), Johor (197 projek) dan Pulau Pinang (119 projek) yang terus kekal sebagai negeri-negeri utama dari segi bilangan projek yang diluluskan. Sebanyak 544 (69%) daripada projek-projek perkilangan yang telah diluluskan akan ditempatkan di tiga negeri ini.

Johor menerima jumlah terbesar pelaburan baharu pada tahun 2013 (RM14.4 bilion), diikuti oleh Selangor (RM9.8 bilion), Sarawak (RM8.3 bilion), Pulau Pinang (RM3.9 bilion) dan Sabah (RM3.4 bilion). Kelima-lima negeri ini menyumbang sebanyak 77 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2013. Pelaburan di Johor meliputi pelbagai industri seperti E&E (RM5.9 bilion), produk petroleum termasuk petrokimia (RM2.5 bilion), pengilangan makanan (RM1.6 bilion), produk logam asas (RM1.2 bilion) dan M&E (RM701.6 juta).

Negeri Selangor mencatatkan nilai pelaburan yang kedua tertinggi, berjumlah RM9.8 bilion. Di antara projek utama yang diluluskan di Selangor merupakan sebuah projek baharu bernilai RM2.1 bilion oleh projek milik majoriti rakyat Malaysia yang mengeluarkan sarung tangan pemeriksaan dan sarung tangan pembedahan. Pelaburan di Selangor adalah tertumpu kepada industri kelengkapan pengangkutan (RM3.2 bilion), produk getah (RM2.3 bilion), pengilangan makanan (RM793 juta), E&E (RM593.6 juta) dan kimia & produk kimia (RM500 juta).

Negeri Sarawak telah menarik pelaburan berjumlah RM8.3 bilion yang kebanyakannya adalah dalam industri kimia & produk kimia (RM3.9 bilion), produk logam asas (RM2.9 bilion) dan E&E (RM1.2 bilion).

“ Malaysia menarik pelaburan sebanyak RM5.2 bilion ke dalam projek perkilangan berkaitan industri solar daripada Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China pada tahun 2013.

Elektrik dan elektronik (E&E)

Berkembang dan berubah

Industri E&E di Malaysia pada hari ini tertumpu untuk mendalamkan dan mengukuhkan tiga ekosistem utama iaitu semikonduktor, solar dan teknologi LED. Semikonduktor akan terus menerusi pertumbuhan industri E&E di Malaysia dan mendapat manfaat daripada peningkatan permintaan global hasil daripada penggunaan peranti mudah alih (telefon pintar, tablet) peranti simpanan (*cloud computing*, pusat-pusat data, cakera data peribadi), optoelektronik (fotonik, gentian optik, LED) dan teknologi *embedded* (litar bersepadu, PCB, LED).

Sebanyak 118 projek E&E dengan pelaburan bernilai RM9.8 bilion telah diluluskan pada tahun 2013. Daripada jumlah ini, sebanyak 41 projek adalah projek baharu dengan pelaburan bernilai RM6.8 bilion manakala 74 adalah projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan berjumlah RM3 bilion. Pelaburan asing menyumbang sebanyak 86.7 peratus daripada jumlah keseluruhan (RM8.5 bilion) dan baki selebihnya adalah pelaburan domestik. Sejumlah besar pelaburan asing di dalam sektor E&E merupakan pelaburan dari Amerika Syarikat dan Singapura.

Subsektor elektrik menarik pelaburan terbesar dalam sektor E&E pada tahun 2013 menerusi 51 projek yang diluluskan yang melibatkan pelaburan berjumlah RM5.3 bilion. Daripada jumlah ini, 28 adalah projek-projek baharu dan 23 merupakan projek-projek pembesaran/pelbagai. Sejumlah besar daripada pelaburan (RM4.5 bilion) ke dalam subsektor ini


adalah daripada sumber-sumber asing (84.9%) dengan bakinya daripada pelaburan domestik (RM803.4 juta). Projek sebanyak 51 ini dijangka akan menjana peluang pekerjaan kepada 7,954 orang.

Subsektor solar terutamanya menunjukkan peningkatan yang ketara pada tahun 2013 dengan menyumbang sebanyak 71.5 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam subsektor elektrik.

Subsektor solar terutamanya menunjukkan peningkatan yang ketara pada tahun 2013 dengan menyumbang sebanyak 71.5 peratus

daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam subsektor elektrik. Walaupun penggabungan dengan pengilangan solar PV dijangka akan berterusan secara global sepanjang 2014, pelaburan ini bagaimanapun akan mengukuhkan industri solar PV di Malaysia dan membuka peluang kepada syarikat-syarikat industri untuk membina model perniagaan yang menguntungkan dalam mengaut saham pasaran. Pengurangan kos yang jelas pada tahun-tahun kebelakangan ini juga akan membantu industri solar PV memperbaiki semula kedudukannya di pasaran antarabangsa.


Usaha berterusan Malaysia untuk menggalakkan pertumbuhan dan memperkuuhkan lagi ekosistem industri solar di Malaysia menyebabkan beberapa projek diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM6.1 bilion. Ini merupakan petunjuk kepada kepercayaan



Graf 17 Pelaburan dalam projek perkilangan diluluskan dalam industri E&E mengikut subsektor, 2013

Ekosistem E&E utama di Malaysia


SEMIKONDUKTOR



SOLAR



TEKNOLOGI LED



International Data Corporation (IDC) meramalkan bahawa pendapatan daripada semikonduktor sedunia akan meningkat 2.9 peratus tahun-demi-tahun bagi tahun 2014 kepada AS\$329 bilion dan akan mencapai AS\$366 bilion pada tahun 2017. Pertumbuhan ini kebanyakannya adalah sumbangan permintaan kukuh terhadap produk memori dan logik serta peningkatan dalam kandungan semikonduktor dalam automobil dan telefon pintar canggih. Trend ke arah "Internet of Things" (IoT) akan menyaksikan pertumbuhan mampan dalam pengilangan sensor dan MEMs di mana syarikat tempatan seperti Globetronics dan Silterra telahpun mempunyai kedudukan mantap.

Walaupun terdapat lebihan bekalan global dan penggabungan industri yang berlarutan, pemasangan fotovoltaik solar baru menyumbang hampir 30 peratus daripada kesemua kapasiti penjanaan elektrik baharu pada tahun 2012. Malah, *European Photovoltaic Industry Association* (EPIA) percaya bahawa industri boleh menjangkakan untuk meneruskan pertumbuhan trajektori tahunan pada kadar 10-15 peratus. Malaysia sedang mengukuhkan kedudukannya sebagai salah satu daripada negara pengeluar panel solar terbesar dunia dan kini memberi tumpuan untuk melengkapi rantaian nilai dan kluster solar, terutamanya dalam pengeluaran bahan solar dan sistem-imbangan untuk sistem grid pintar solar seperti bateri dan *inverter*.


Langkah yang diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk menamatkan penggunaan lampu pijar secara berperingkat dan pelancaran Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) pada tahun 2010 telah menyumbang kepada pertumbuhan sihat industri LED di Malaysia. Peningkatan kesedaran mengenai kecekapan tenaga juga telah menggalakkan penggunaan teknologi LED dalam pelbagai aplikasi seperti tablet, telefon pintar dan produk pencahayaan. Aplikasi lampu umum yang menggunakan teknologi LED dijangka akan menjadi pemacu pertumbuhan yang utama. Ini telah mencetuskan aktiviti pembesaran dan pelaburan baharu dalam projek-projek yang berkaitan dengan subsektor LED/ *solid state lighting* (SSL).

syarikat dalam masa depan industri solar, meskipun dengan peningkatan berterusan dalam teknologi dan pariti kos sumber tenaga yang lain. Pada tahun 2013, projek-projek solar signifikan yang diluluskan merupakan syarikat milik asing, termasuk fasiliti baharu bernilai RM2.8 bilion untuk pengeluaran wafer fotovoltaik silikon, sel atau modul yang berkecekapan tinggi. Projek-projek baharu yang lain adalah melibatkan loji berjumlah RM1.8 bilion untuk mengeluarkan modul solar fotovoltaik (PV) dan kemudahan berjumlah RM1.2 bilion untuk pengeluaran jongkong dan wafer silikon solar. Keseluruhan projek-projek baharu ini akan mewujudkan sebanyak 3,196 peluang pekerjaan baharu dalam kluster industri solar.

Subsektor elektronik perindustrian mencatatkan jumlah pelaburan kedua terbesar di dalam sektor E&E pada tahun 2013 (27%) dengan nilai pelaburan yang diluluskan berjumlah RM2.6 bilion dalam 17 projek.

Kebanyakan projek ini melibatkan projek pembesaran/pelbagai (11 projek) berjumlah RM813.6 juta (31.4%), manakala selebihnya adalah projek-projek baharu dengan nilai pelaburan sebanyak RM1.8 bilion (68.6%).

Hampir keseluruhan pelaburan dalam subsektor ini adalah daripada sumber asing, di mana projek yang paling signifikan melibatkan pembesaran / pelbagaiannya bernilai RM320 juta untuk merekabentuk, membangun dan menghasilkan produk komunikasi gentian optik dan komponen, modul dan sub-sistem laser. Projek ini dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan tambahan kepada 200 orang. Satu lagi projek pembesaran/ pelbagaiannya yang melibatkan pelaburan sebanyak RM186.6 juta adalah untuk merekabentuk, membangun dan menghasilkan pepasan dan sub-pepasangan PCB untuk penggunaan industri dan pengguna elektronik.



Graf 18 Kapasiti pemasangan solar fotovoltaik (PV) tahunan dan pendapatan mengikut rantau, pasaran dunia, 2011-2020

Subsektor komponen elektronik telah menyumbang bahagian ketiga terbesar dalam pelaburan sektor E&E pada tahun lepas sebanyak RM1.8 bilion (18.3%). Daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan pelaburan asing mencatatkan pelaburan sebanyak RM1.4 bilion (77.1%), manakala pelaburan domestik berjumlah RM416.2 juta (22.9%). Tujuh permohonan melibatkan pelaburan berjumlah RM226.2 juta merupakan projek baharu, manakala 36 permohonan (RM1.5 bilion) adalah projek pembesaran /pelbagaiannya.

Kebanyakan daripada projek yang diluluskan dalam subsektor ini adalah untuk mengeluarkan peranti semikonduktor, pepasan PCB, dawai tembaga dan wafer silikon. Malah, peranti semikonduktor merupakan produk eksport utama industri E&E Malaysia selama lebih daripada tiga dekad. Pada tahun

2013, peranti semikonduktor telah menyumbang sebanyak 41.2 peratus (RM97.8 bilion) daripada jumlah eksport E&E negara.

Pada tahun 2013, peranti semikonduktor telah menyumbang sebanyak 41.2 peratus (RM97.8 bilion) daripada jumlah eksport E&E negara.

Trend baharu muncul di kalangan syarikat semikonduktor *fabless* dan *fablite* adalah untuk membangunkan fasiliti R&D di samping operasi perkilangan mereka agar syarikat dapat memanfaatkan keupayaan rekabentuk litar bersepadan di lokasi. Kehadiran firma-firma rekabentuk IC seperti MyMs dan Symmid memantapkan ekosistem

semikonduktor dan membolehkan industri untuk mengeksplotasi pasaran kewangan, halal dan LED yang sedang bercambah di Malaysia. Lebih banyak lagi firma rekabentuk IC dan syarikat *fabless* diperlukan untuk membangunkan lebih banyak teknologi dan produk-produk baharu.

Lebih banyak lagi firma rekabentuk IC dan syarikat *fabless* diperlukan untuk membangunkan lebih banyak teknologi dan produk-produk baharu.

Projek-projek paling signifikan yang diluluskan dalam subsektor komponen elektronik pada tahun 2013 merupakan dua projek pembesaran. Yang pertama adalah projek bernilai RM126 juta oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing untuk menubuhkan fasiliti bagi pemasangan dan pengujian litar bersepada. Sementara projek yang kedua pula melibatkan pelaburan sebanyak RM114.8 juta oleh syarikat milik tempatan sepenuhnya untuk membesarkan loji perkilangan komponen semikonduktor gred-atasan.

Pada tahun 2013, sebanyak tujuh projek telah diluluskan dalam subsektor elektronik pengguna dengan pelaburan bernilai RM91.9 juta, yang kebanyakannya merupakan sumber domestik. Tiga daripadanya adalah projek baharu yang menyumbang sebanyak 33.4 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan, manakala selebihnya adalah projek pembesaran / pelbagai.

Sektor	Subsektor	Contoh produk
Elektronik	Komponen	Semikonduktor, komponen pasif, papan litar bercetak, peralatan hentakan logam dan peralatan plastik kepersiran.
	Pengguna	Produk audio visual seperti televisyen, pemain multimedia mudah alih (PMP), pembesar suara, kamera dan permainan elektronik.
	Perindustrian	Produk multimedia dan teknologi maklumat seperti komputer dan perkakasan komputer, peralatan telekomunikasi, peralatan pejabat, dan produk <i>box built</i> untuk aplikasi industri.
Elektrik		Papan agihan, panel kawalan, <i>switching apparatus</i> , pencahayaan, transformer, kabel & wayar, sel primer & bateri, sel solar dan modul, penyaman udara, perkakasan rumah.

Jadual 2 Struktur industri E&E

Kelengkapan pengangkutan

Eksport kelengkapan pengangkutan pada tahun 2013 mencatatkan nilai pelaburan sebanyak RM9.6 bilion yang kebanyakannya (RM6.1 bilion) merangkumi kenderaan jalan raya seperti kenderaan penumpang, kenderaan komersial, motosikal/ skuter, treler/semi-treler, basikal dan jenis basikal yang lain serta alat ganti dan komponen. Eksport pesawat dan peralatan serta alat ganti yang berkaitan direkodkan sebanyak RM2.4 bilion, manakala eksport kapal, bot dan struktur terapung berjumlah RM1.1 bilion. Eksport kenderaan rel dan peralatan berkaitan pula berjumlah RM71 juta.

Pada tahun 2013, sebanyak 73 projek telah diluluskan dalam industri peralatan pengangkutan dengan

pelaburan modal sebanyak RM6.6 bilion. Pelaburan domestik dicatatkan sebanyak RM4.4 bilion (68%), manakala pelaburan asing adalah RM2.2 billion (32%). Projek yang telah diluluskan dijangka akan menjana sebanyak 9,169 peluang pekerjaan.

Di antara projek-projek yang diluluskan, sebanyak 35 projek merupakan projek baharu manakala 38 projek ialah projek pembesaran/ pelbagai. Pelaburan dalam projek baharu yang diluluskan merangkumi sebanyak RM5 bilion (76%) daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, manakala projek pembesaran/ pelbagai berjumlah RM1.6 bilion (24%).

Automotif


Pada masa ini, terdapat empat Projek Nasional dan sembilan syarikat pemasangan dalam subsektor kenderaan bermotor dengan kapasiti

pemasangan sebanyak 795,850 unit setiap tahun. Selain daripada itu, terdapat 11 pengeluar/syarikat pemasangan motosikal dan skuter dengan kapasiti pemasangan sebanyak 995,000 unit setahun.

Pada tahun 2013, sebanyak 63 projek telah diluluskan dalam industri automotif dengan pelaburan sebanyak RM5.6 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM4 bilion (71%), manakala pelaburan asing adalah RM1.6 bilion (29%). Projek-projek yang diluluskan dijangka menjana sebanyak 7,435 peluang pekerjaan.

Di antara projek yang diluluskan, sebanyak 28 projek merupakan projek baharu manakala 35 projek adalah pembesaran/pelbagai. Projek baharu merangkumi RM4.3 bilion (77%) daripada jumlah pelaburan, termasuk projek bernilai RM1.5 bilion oleh sebuah syarikat milik rakyat Malaysia untuk mengeluarkan dan memasang kenderaan yang berkecekapan tenaga (EEV) dan kenderaan komersial. Sebuah lagi projek baharu yang penting merupakan syarikat milik rakyat asing yang melibatkan pelaburan sebanyak RM204 juta untuk mengeluarkan pengembung beg udara, pengedap *glass-to-metal seal* (GTMS) dan penjana gas mikro (MGG).

Projek pembesaran/pelbagai di sektor automotif dicatatkan sebanyak RM1.3 bilion (23%) pada tahun 2013, termasuk sebuah projek pembesaran/pelbagai oleh sebuah syarikat milik majoriti rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM354 juta untuk mengeluarkan dan memasang *instrument panel modules*, *front corner modules*, *rear beam axle disc modules* dan *steering modules*. Satu lagi projek pembesaran/pelbagai adalah bernilai RM82 juta milik rakyat Malaysia yang melibatkan pengeluaran dan pemasangan kenderaan komersial dan tentera serta kenderaan jenis hibrid dan elektrik.



Graf 19 Pelaburan diluluskan dalam industri kelengkapan pengangkutan mengikut subsektor, 2013

Pelaburan yang diluluskan dalam industri automotif pada tahun 2013 adalah selari dengan NAP 2014 yang baru diumumkan untuk menarik pelaburan yang berteknologi tinggi dan bernilai ditambah yang tinggi serta pengeluaran kenderaan yang berkecekapan tenaga. Pelaburan ini akan membawa kepada penggunaan teknologi canggih yang baharu dalam industri yang sebahagian besarnya diterajui oleh pelaburan domestik. Pertumbuhan KDNK Malaysia dalam subsektor automotif dijangka akan meningkat sekurang-kurangnya 2.1 peratus pada tahun 2014 menerusi pelaksanaan NAP.

Aeroangkasa

Industri aeroangkasa Malaysia terdiri daripada subsektor penerangan dan angkasa yang merangkumi aktiviti pengeluaran, penyelenggaraan,

pembaikan dan baik pulih (MRO), reka bentuk dan pembangunan serta pemasangan dan pengendalian pesawat ringan serta khidmat sokongan. Pada masa ini, terdapat lapan syarikat yang terlibat dalam pemasangan pesawat dan 18 syarikat dalam pengeluaran bahagian dan komponen pesawat termasuk peralatan sokongan di darat. Lebih daripada 32 syarikat di Malaysia terlibat dalam subsektor MRO yang dijangka akan meningkat sebanyak 12 ke 15 peratus pada setiap tahun.

Lebih daripada 32 syarikat di Malaysia terlibat dalam subsektor MRO yang dijangka akan meningkat sebanyak 12 ke 15 peratus setiap tahun.

Pada tahun 2013, sebanyak enam projek telah diluluskan dalam industri aeroangkasa dengan pelaburan sebanyak RM387.3 juta. Pelaburan asing dalam projek ini berjumlah RM196.7 juta (51%), manakala pelaburan domestik adalah sebanyak RM190.6 juta (49%). Projek-projek yang diluluskan dijangka akan menjana sebanyak 552 peluang pekerjaan.

Sebuah projek baharu yang penting di dalam industri ini yang melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM152.6 juta oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing akan menubuhkan pusat perkhidmatan bagi penyelenggaraan, pembaikian dan baik pulih pesawat. Syarikat tersebut merupakan penyedia penyelesaian teknikal penerbangan bebas yang terkemuka dengan kemampuan untuk meliputi kebanyakan jenis pesawat Airbus dan Boeing serta enjin dan komponen yang berkaitan. Fasiliti baharu di Malaysia akan merangkumi pelanggan syarikat di sekitar rantau Asia Pasifik.

Industri aeroangkasa dijangka akan menyumbang kepada KDNK melalui dua EPP di bawah ETP. Kedua-dua EPP dijangka akan menjana kira-kira 32,000 peluang pekerjaan. Kerajaan juga telah bersetuju untuk menubuhkan Pusat Inovasi Pengeluaran Aerostruktur untuk menjalankan R&D yang berkaitan dengan pengeluaran struktur pesawat serta berfungsi sebagai pusat latihan dan pembelajaran yang berperingkat tinggi. Pusat inovasi tersebut juga akan melibatkan pelaburan yang dibiayai oleh Kerajaan dan pemain industri.

Pembinaan dan baik pulih kapal

Industri pembinaan dan baik pulih kapal di Malaysia meliputi pengeluaran pelbagai jenis kapal dan aktiviti pumbaikan kapal. Industri ini mempunyai jalinan meluas dengan



Pertumbuhan KDNK Malaysia dalam subsektor automotif dijangka akan meningkat sekurang-kurangnya 2.1 peratus pada tahun 2014 menerusi pelaksanaan NAP.

industri lain seperti keluli, kaca, logistik, penyimpanan dan pembahagian pukul barang dan perkhidmatan.

Terdapat lebih daripada 70 limbungan kapal di Malaysia, limbungan terbesar yang boleh memuatkan kapal *dry-docking* sehingga 450,000 tan berat muatan (DWT) dan mempunyai sistem pengangkat kapal yang berkemampuan sehingga 50,000 DWT. Permintaan untuk kapal tentera laut yang lebih besar dan sofistikated masih dipenuhi oleh limbungan kapal asing yang mempunyai kapasiti dan kemampuan untuk membina kapal seumpamanya. Pelan Strategik Industri Pembinaan dan Pumbaikan Kapal Malaysia 2020 berhasrat untuk menjana RM6.4 bilion GNI dan menjana 55,500 pekerjaan tambahan menjelang 2020.

Pada tahun 2013, dua projek telah diluluskan dalam industri pembinaan dan pumbaikan kapal dengan nilai pelaburan sebanyak RM33.5 juta. Pelaburan asing dalam projek ini adalah sebanyak RM21 juta (63%), sementara pelaburan tempatan sebanyak RM12.5 juta (37%). Projek

yang diluluskan akan menjana sebanyak 434 peluang pekerjaan.

Satu projek signifikan yang diluluskan dalam industri pembinaan kapal ini merupakan sebuah projek milik sepenuhnya rakyat asing dengan nilai pelaburan sebanyak RM21 juta (63%) untuk menjalankan reka bentuk dan pembangunan (D&D) serta pengeluaran kapal marin yang diperbuat daripada bahan komposit. Projek ini memberi tumpuan utama kepada subsektor O&G dengan spektrum yang luas dalam bidang kejuruteraan dan pembinaan, penukaran marin dan pumbaikan marin. Melalui perkongsian dengan Korea dan Itali, projek ini juga akan meningkatkan kemampuan tempatan melalui pemindahan teknologi untuk tekanan fabrikasi kapal.

Rel

Pada tahun 2013, hanya dua projek telah diluluskan dalam industri rel dengan jumlah pelaburan sebanyak RM538.6 juta. Pelaburan asing dalam

projek ini berjumlah RM355.7 juta (66%), manakala pelaburan domestik berjumlah RM182.9 juta (34%). Projek yang diluluskan akan menjana sebanyak 748 peluang pekerjaan.

Satu projek signifikan yang diluluskan dalam industri rel adalah projek baharu yang bernilai RM355.7 juta oleh sebuah syarikat milik asing yang akan melibatkan pengeluaran, pemasangan, baik pulih, pembaikan, penyelenggaraan dan memulih semula peralatan pengangkutan rel dan landasan keretapi. Projek ini dijangka akan memanfaatkan industri sokongan lain di Malaysia seperti syarikat kecil dan sederhana serta pengeluar komponen tempatan di dalam rantai bekalan yang sama.

Jawatankuasa Rel Masa Depan 2030 (*Future Rail 2030 Committee*) bertanggungjawab untuk memudahkan pelaksanaan inisiatif penting dalam industri rel. Rangkaian Rel KL-Singapura BerkelaJuan Tinggi (*High Speed Rail, HSR*) telah dikenal pasti sebagai Projek Titik Masuk (*Entry Point Project*) di bawah Program Transformasi Negara (*Economic Transformation Program, ETP*) dan dijangka akan menjana tambahan RM6.2 juta GNI setiap tahun, di samping mencipta 29,000 pekerjaan dalam pengajian langsung dan tidak langsung menjelang 2020. Projek ini bukan sahaja menyumbang kepada sistem pengangkutan awam yang lebih cekap tetapi juga memberi manfaat dari segi ekonomi dan sosial.

Mesin dan kelengkapan

Apabila Malaysia meningkatkan kedudukannya di rantai nilai teknologi, industri mesin dan kelengkapan (M&E) negara akan mengikut dengan beralih daripada aktiviti yang bernilai lebih rendah kepada barang dan perkhidmatan

yang bernilai lebih tinggi. Industri teknologi tinggi yang berkembang pesat seperti pemprosesan semikonduktor bahagian depan, alatan perubatan, aeroangkasa serta O&G memerlukan pelbagai kemampuan M&E yang berteknologi tinggi dan industri M&E sedang berkembang untuk memenuhi permintaan ini dengan barang dan perkhidmatan yang bernilai lebih tinggi. Lebih banyak syarikat juga mula menawarkan perkhidmatan dalam R&D, reka bentuk kejuruteraan, inovasi dan integrasi sistem. Syarikat-syarikat ini mempunyai reputasi global yang mantap dan mereka telah menjadi penyumbang penting kepada rantai bekalan global.

Oleh kerana ia mempunyai perkaitan yang mendalam dengan industri yang berteknologi tinggi, industri M&E akan menjadi pemangkin kepada peralihan Malaysia dalam menjadi negara yang berteknologi tinggi.

Oleh kerana ia mempunyai perkaitan yang mendalam dengan industri yang berteknologi tinggi, industri M&E akan menjadi pemangkin kepada peralihan Malaysia dalam menjadi negara yang berteknologi tinggi. Ia memainkan peranan penting dalam menyokong inisiatif Kawasan Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang bertumpu kepada sektor berteknologi tinggi seperti industri O&G, tenaga, aeroangkasa, E&E serta ICT. Maka, usaha promosi MIDA di kalangan industri M&E cenderung berfokus kepada pelaburan berkualiti yang menekankan M&E berteknologi tinggi dan nilai ditambah tinggi yang

sejajar dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi hab pengeluaran serantau untuk M&E yang khusus dan berteknologi tinggi.

Pelaburan yang diluluskan dalam projek M&E pada tahun 2013 menunjukkan bahawa usaha promosi negara ini telah membantu untuk menarik pelaburan berkualiti yang signifikan dalam mesin dan kelengkapan yang bernilai tinggi serta nilai ditambah yang tinggi. Sebanyak 90 projek dengan pelaburan berjumlah RM2 bilion telah diluluskan dalam industri M&E pada tahun 2013 dan kesemuanya dijangka akan menjana 4,726 peluang pekerjaan. 56 daripadanya merupakan projek baharu (RM892 juta atau 45.1%) dan 34 merupakan projek pembesaran/pelbagai (RM1.1 bilion atau 54.9%). Pelaburan domestik berjumlah RM771.2 juta (39%), manakala pelaburan asing berjumlah RM1.2 bilion (61%).

Sektor O&G kekal sebagai sektor Malaysia yang paling penting untuk pertumbuhan ekonomi dengan sumbangan kepada KNK sebanyak 20 peratus setahun. Malaysia berada di kedudukan yang baik untuk menjadi hab serantau bagi pengeluaran M&E, perkhidmatan dan fabrikasi dalam industri O&G seperti penyelenggaraan, pembangunan dan pengawasan medan minyak, pemantauan, pemeriksaan dan pengujian.



“ Pada tahun 2013, sejumlah 73 projek telah diluluskan dalam industri kelengkapan pengangkutan dengan pelaburan modal RM6.6 bilion.

Penyelenggaraan, naik taraf atau pemulihan M&E (1.2%)

Bilangan projek: 2

Pelaburan: 23.7 juta

Pelaburan domestik berjumlah RM3.7 juta (15.6%), manakala pelaburan asing bernilai RM20 juta (84.4%).

M&E perindustrian am, modul dan komponen (31.6%)

Bilangan projek: 51

Pelaburan: RM624.2 juta

Pelaburan dalam subsektor ini meliputi 35 projek baharu yang bernilai RM342.1 juta (54.8 %) dan 16 projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan berjumlah RM282.1 juta (45.2 %). Pelaburan asing berjumlah RM277 juta (44.4%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM347.2 juta (55.6%).

Kebanyakan syarikat Malaysia dalam subsektor ini telah mencapai pengiktirafan antarabangsa, termasuk dua syarikat yang merupakan antara lima yang terbaik di kalangan nama-nama global dalam pengeluaran kren menara dan kren pelabuhan. Kren buatan Malaysia digunakan dalam pembinaan Freedom Tower di New York, Amerika Syarikat. Malaysia juga merupakan pengeluar Asia Tenggara yang menerajui pengeluaran bekas tekanan, alatan proses dan modul untuk industri kimia, petrokimia serta O&G.

Jentera kerja logam (4.6%)

Bilangan projek: 3

Pelaburan: 90.6 juta

Subsektor jentera kerja logam dibahagikan kepada dua kategori: alat mesin memotong logam dan alat mesin membentuk logam. M&E di kalangan kategori ini ialah mesin pemotong laser, pusat pemesinan, mesin nyahcas-elektro (EDM), mesin mengisar, mesin gerudi, mesin larik, mesin ricih, pelentur *roll*, mesin mengecap, penekan brek, mesin penempaan dan penekan tenaga dan hidraulik. Usaha promosi dalam subsektor ini memberi fokus kepada penubuhan Pusat Teknologi dan Pusat Pemerolehan Serantau dan Antarabangsa. Pusat-pusat ini berfungsi sebagai pelantar untuk perbadanan multinasional asing untuk menjalankan aktiviti latihan dan untuk memaparkan teknologi dan produk terbaru mereka kepada ejen dan klien mereka di rantau ini.

**RM2
billion**

M&E penjanaan kuasa (1%)

Bilangan projek: 2

Pelaburan: 19.4 juta

Pelaburan dalam subsektor M&E yang menjana kuasa M&E meliputi dua projek baharu. Pelaburan domestik berjumlah RM17.1 juta (88.1%), manakala pelaburan asing berjumlah RM2.3 juta (11.9%).

Syarikat-syarikat dalam subsektor ini mengeluarkan pelbagai jenis produk M&E yang menjana kuasa seperti dandang, kondenser, enjin, turbin dan set penjana industri untuk digunakan dalam loji penapis. Pelantar peninjau minyak dan gas, loji petrokimia dan pengendalian komersial lain yang mengikuti piawaian yang diiktiraf antarabangsa. Oleh kerana permintaan untuk tenaga yang mesra alam, cekap dan kos-berkesan semakin meningkat, subsektor ini dijangka akan meningkatkan kedudukannya di rantaian nilai kepada pengeluaran M&E yang menjana tenaga yang maju dan cekap dan penyelesaian tenaga boleh diperbaharui yang mesra alam seperti turbin air dan angin; dan sistem penjanaan tenaga fotovoltaik.

M&E khusus (61.6%)

Bilangan projek: 32

Pelaburan: 1.2 bilion

Pelaburan dalam subsektor M&E khusus meliputi 14 projek baharu yang bernilai RM416.1 juta (34.7%) dan 18 projek pembesaran/pelbagaiannya bernilai RM802 juta (65.3%).

Pelaburan asing berjumlah RM816.2 juta (68%), manakala pelaburan domestik berjumlah RM401.9 juta (32%).

M&E khusus untuk subsektor industri yang spesifik memenuhi keperluan industri yang spesifik dan direka bentuk mengikut keperluan spesifik penggunaannya. Industri yang disasarkan termasuk elektronik dan elektrik, minyak dan gas, pertanian, serta pemprosesan makanan dan minuman. Subsektor ini akan terus menjadi tumpuan utama untuk pertumbuhan industri M&E dan untuk menganjakkan Malaysia kepada masyarakat yang moden dan berteknologi tinggi yang menggunakan kemahiran tinggi dengan upah tinggi. Secara amnya, projek yang diluluskan dalam subsektor ini memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan lebih daripada 70 peratus dari jumlah peluang pekerjaan adalah di dalam kategori pengurusan, penyeliaan dan teknikal.

Berkembang pesat

Sektor M&E adalah industri yang berkembang amat pesat. Oleh kerana ia mempunyai perkaitan yang mendalam dengan industri yang berteknologi tinggi, industri M&E akan menjadi pemangkin kepada peralihan Malaysia dalam menjadi negara yang berteknologi tinggi.

Usaha promosi di kalangan industri M&E cenderung berfokus kepada pelaburan berkualiti yang menekankan M&E berteknologi tinggi dan nilai ditambah tinggi yang seajar dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi hab pengeluaran serantau untuk M&E yang khusus dan berteknologi tinggi. Usaha-usaha ini juga menyokong inisiatif Kawasan Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang bertumpu kepada sektor berteknologi tinggi seperti industri O&G, tenaga, aeroangkasa, E&E serta ICT.

Sebanyak 90 projek dengan pelaburan berjumlah RM2 bilion telah diluluskan dalam industri M&E pada tahun 2013 dan kesemuanya dijangka akan menjana 4,726 peluang pekerjaan. Kualiti projek-projek yang diluluskan menunjukkan bahawa Malaysia adalah destinasi yang menarik untuk pelaburan dalam bidang teknologi tinggi and jentera nilai tinggi.

Malaysia berada di kedudukan yang baik untuk menjadi hab serantau bagi pengeluaran M&E, perkhidmatan dan fabrikasi dalam industri O&G seperti penyelenggaraan, pembangunan dan pengawasan medan minyak, pemantauan, pemeriksaan dan pengujian.

Di antara projek M&E signifikan yang diluluskan pada tahun 2013 ialah sebuah projek pembesaran yang bernilai RM495 juta milik syarikat asing sepenuhnya. Loji tersebut akan menjadi kemudahan ketujuh syarikat tersebut di Malaysia dan akan mengeluarkan produk hak milik untuk industri minyak dan gas. Satu lagi projek M&E yang signifikan dalam industri O&G ialah pelaburan sebuah syarikat milik Malaysia yang baharu, bernilai RM121.9 juta untuk mengeluarkan sub-modul dan komponen untuk syarikat O&G asing gergasi di Malaysia dan sekeliling rantaunya. Kedua-dua projek ini akan melengkap dan meningkatkan ekosistem minyak dan gas negara serta membantu mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab minyak dan gas utama di Asia.

Salah satu syarikat peneraju terkenal di dunia dalam mesin tekan menubuhkan subsidiari baharu di Malaysia pada tahun 2013 dengan loji bernilai RM76 juta untuk mengeluarkan mesin tekan yang berkelajuan tinggi dan tepat, modul dan komponen berkaitan. Mesin-mesin ini biasanya digunakan oleh sektor automotif. Sebuah projek serupa akan melibatkan pengeluaran alatan mengurus bahan serta mesin

dan sistem pengeluaran automatik. Projek baharu bernilai RM14 juta milik asing ini akan fokus kepada mesin dan kelengkapan yang disesuaikan serta akan menyokong dan menggalakkan pertumbuhan industri utama Malaysia yang lain seperti elektronik dan elektrik, aeroangkasa, O&G, dan industri peranti perubatan. Kedua-dua projek dijangka mengurangkan pergantungan kepada buruh tak mahir.

Projek-projek lain yang penting termasuk sebuah projek pelbagaian bernilai RM6.3 juta (asing) untuk menjalankan rekaan, pembangunan dan pengeluaran sistem ujian pengelolaan untuk pemprosesan wafer semikonduktor bahagian depan, sebuah projek kepelbagaian bernilai RM34.4 juta (Malaysia) untuk menubuhkan sebuah pusat kecemerlangan (COE) untuk teknologi mesin penglihatan dan sebuah RM27.7 juta projek baharu (Malaysia) untuk mengeluarkan plastik untuk sistem penukaran diesel dan set penjana diesel. Projek terakhir ini patut diberi perhatian kerana ia akan menukar bahan sisa plastik seperti Poly-propylene (PP), Poly-ethylene (PE) dan Poly-styrene (PS) kepada diesel yang menepati piawaian Euro 5. Ini akan menggalakkan aktiviti kitar semula di Malaysia dan membantu negara mengurangkan masalah tanah isian.

Hala tuju masa depan industri M&E akan terus bertumpu kepada modul dan M&E yang berteknologi tinggi dan nilai ditambah yang tinggi. Maka dengan kebolehsediaan modal insan yang berkemahiran tinggi dan undang-undang yang melindungi hak intelek yang kukuh dengan industri sokongan kejuruteraan yang dinamik, Malaysia akan kekal berdaya saing sebagai lokasi yang terpilih untuk penyelesaian perkilangan dan teknologi pengeluaran.

Sokongan kejuruteraan

Industri sokongan kejuruteraan Malaysia yang dinamik dan lasak menyediakan sokongan penting kepada pertumbuhan sektor perkilangan dan perkhidmatan. Industri tersebut terus berkembang seiring dengan aspirasi negara untuk menjadi negara perindustrian, dan hari ini, Malaysia dikenali secara global terhadap keupayaan kejuruteraannya, kualiti pengeluarannya yang konsisten dan kebolehpercayaannya, terutama dalam pemesinan tepat dan pemfabrikasi.

Sejumlah 47 projek telah diluluskan dalam industri sokongan kejuruteraan pada 2013 dengan pelaburan sebanyak RM528.3 juta. Daripada jumlah ini, 30 adalah projek baharu (RM305 juta atau 57.7%) dan 17 adalah projek pembesaran/pelbagai (RM223.3 juta atau 42.3%). Pelaburan domestik berjumlah RM239.2 juta (45.3%) sementara pelaburan asing berjumlah RM289.1 juta (54.7%). Projek-projek yang diluluskan ini dijangka akan menjana peluang pekerjaan untuk 2,099 orang.


Projek-projek yang telah diluluskan pada 2013 yang perlu diperhatikan adalah projek pelbagaian oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM31 juta bagi pembuatan acuan suntikan plastik untuk komponen automotif, persian komputer dan produk pengguna dan termasuk juga syarikat usaha kerjasama baharu dengan pelaburan sebanyak RM21.6 juta bagi mengilang alat dan komponen jentera untuk industri O&G. Satu lagi projek penting sedang diusahakan oleh syarikat baharu kepunyaan asing dengan pelaburan sebanyak RM10.4 juta di mana akan melibatkan kepakaran aktiviti penyalutan untuk industri O&G dan aeroangkasa di selatan Malaysia.

Projek ini akan melengkapi ekosistem O&G dan aeroangkasa di Malaysia, terutamanya bagi proses sekunder.

Syarikat-syarikat Malaysia juga telah melakukan beberapa pelaburan penting pada 2013. Satu projek akan melibatkan pelaburan sebanyak RM32.3 juta bagi menghasilkan aloi, keluli dan tuangan pasir ditempah khas besar sehingga bersaiz 10 tan metrik. Tuangan-tuangan ini digunakan dalam pelbagai industri seperti kelapa sawit, perlombongan dan pengkuarian, pembinaan dan industri kejuruteraan am lain. Satu lagi projek penting oleh syarikat Malaysia akan melibatkan pelaburan sebanyak RM13.3 juta bagi menghasilkan peralatan, jig dan lekapan dan alat dan komponen mesin tepat untuk industri aeroangkasa.

Industri sokongan kejuruteraan kekal menarik seperti yang dibuktikan dengan kedudukan pelaburan berkualiti pada 2013. Industri ini sedang bergerak ke arah menghasilkan produk-produk berteknologi lebih tinggi dan nilai tambah lebih tinggi bagi memenuhi keperluan industri elektrik & kejuruteraan, O&G dan pengangkutan.

Industri sokongan kejuruteraan kekal menarik seperti yang dibuktikan dengan kedudukan pelaburan berkualiti pada 2013. Industri ini sedang bergerak ke arah menghasilkan produk-produk berteknologi lebih tinggi dan nilai tambah lebih tinggi bagi memenuhi



Graf 20 Pelaburan dalam projek perkilangan diluluskan dalam industri M&E mengikut subsektor, 2013

keperluan industri elektrik & kejuruteraan, O&G dan pengangkutan.

Besi dan keluli

Industri besi dan keluli Malaysia memainkan peranan utama dalam perkembangan sektor pengilangan dan pembinaan. Industri ini merangkumi produk logam ferus (besi dan keluli) dan bukan ferus (aluminium, timah, tembaga, zink, plumbum, dsb.) dan termasuk juga produk logam rekaan.

Pada 2013, sejumlah 104 projek telah diluluskan dalam sektor ini dengan pelaburan sebanyak RM6.9 bilion, di mana 35 projek adalah dalam subsektor logam asas sementara 26 projek adalah dalam subsektor produk logam rekaan dengan pelaburan sebanyak RM878 juta. Daripada 104 projek ini, pelaburan asing berjumlah

sehingga RM5.2 bilion (75.4%) sementara pelaburan domestik berjumlah RM1.7 bilion (24.6%). Projek-projek ini dijangka akan menjana peluang pekerjaan untuk 7,399 orang.

Industri keluli sedang menyaksikan peralihan ke arah teknologi hijau dan aktiviti kitar semula dalam proses pembuatan keluli yang dijangkakan boleh mengurangkan pelepasan karbon dan meningkatkan nilai barang. Perundungan baharu dalam industri juga dijangka akan memberikan kestabilan yang amat diperlukan seperti Akta Persaingan, Akta CIDB (Pindaan), Akta Perlindungan baharu (Pindaan) 2012 dan gaji minimum baharu untuk pekerja. Beberapa perkembangan dasar terkini dalam industri produk logam asas termasuk pengurangan duti import terhadap produk rata daripada 50 hingga 20 peratus (dengan pengurangan selanjutnya di antara 0 hingga 10

peratus pada 2018), pelaksanaan piawai kualiti mandatori, pengenalan harga tanda aras untuk gegelung bergulung panas (HRCs) dan penguatkuasaan permohonan untuk Sijil Kelulusan (COA).

Daripada 35 projek logam asas diluluskan pada 2013 yang melibatkan pelaburan sebanyak RM5.5 bilion, 26 daripadanya adalah projek baharu (RM5 bilion) dan sembilan adalah projek pembesaran/pelbagai (RM500 juta). Projek-projek ini dijangka akan menjana peluang pekerjaan tambahan untuk 3,095 orang.

Pelaburan asing dalam industri produk logam asas berjumlah sehingga RM4.5 bilion (81.8%) pada tahun 2013 sementara pelaburan domestik berjumlah RM1 bilion (18.5%) kebanyakannya adalah dalam projek pertengahan dan hiliran seperti tiub/paip dan bahagian keluli. Pelaburan asing dalam projek huluan telah dipandu oleh dasar-dasar liberalisasi Kerajaan terhadap ekuiti dan sokongan berterusan bagi menggalakkan pelaburan dalam *blast furnaces* untuk melengkapi *arc furnace* elektrik sedia ada dalam negara.

Pelaburan asing dalam projek huluan telah dipandu oleh dasar-dasar liberalisasi Kerajaan terhadap ekuiti dan sokongan berterusan bagi menggalakkan pelaburan dalam *blast furnaces* untuk melengkapi *arc furnace* elektrik sedia ada dalam negara.

Sementara itu, pelaburan dalam subsektor produk logam rekaan

Projek	Pemilikan	Pelaburan (RM juta)
Projek baharu untuk menghasilkan logam silikon dan silikon dioksida.	Asing	1,500
Projek baharu untuk menghasilkan span titanium dan klorin cecair.	Majoriti Asing	1,400
Projek baharu untuk mengitar semula logam lusuh kepada jongkong aloy aluminium.	Asing	659.1
Projek baharu untuk menghasilkan gegelung bergulung dan kepingan sejuk, dan gegelung & lembaran tergalvani.	Tempatan	101.3

Jadual 3 Projek-projek penting dalam industri logam asas

terus berkembang, dengan 2013 menyaksikan sejumlah 26 projek diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM878 juta. Pelaburan domestik berjumlah sehingga RM356 juta (40.5%) sementara pelaburan asing berjumlah RM523 juta (59.5%). Daripada 26 projek ini, 21 adalah projek baharu (RM467 juta) dan lima adalah projek pembesaran/pelbagai (RM412 juta). Projek-projek ini dijangka akan menjana peluang pekerjaan bagi 360 orang.

Projek-projek penting dalam subsektor produk logam rekaan termasuk projek pembesaran/pelbagai berjumlah RM147.3 juta oleh satu syarikat Malaysia untuk menghasilkan struktur keluli dan produk rekaan keluli lain dan termasuk juga satu projek baharu syarikat kepunyaan asing sepenuhnya untuk menghasilkan pengikat pneumatik (RM66.9 juta). Satu lagi projek penting yang majoritinya adalah milik asing bernilai RM30.8 juta dan melibatkan penghasilan skru, aci, bolt dan nat.

Aktiviti rekaan logam adalah dijangkakan untuk berkembang berterusan pada 2014 disokong oleh pertumbuhan pembinaan bangunan dan awam dalam negara, O&G dan industri-industri lain.

Tekstil dan produk tekstil

Industri tekstil dan produk-produk tekstil terdiri daripada aktiviti huluan (tekstil primer) dan hiliran (pakaian, produk tekstil dan aksesori). Pada tahun 2013, sejumlah 16 projek telah diluluskan dalam industri ini dengan jumlah pelaburan sebanyak RM764.6 juta. Daripada jumlah ini, lapan adalah projek baharu (RM599.7 juta) dan lapan adalah projek pembesaran/pelbagai (RM164.9 juta). Pelaburan domestik berjumlah sehingga RM132.1 juta (17.3%) manakala pelaburan asing berjumlah RM632.5 juta (82.7%).


Daripada 16 projek yang diluluskan, lapan projek adalah untuk pengeluaran tekstil primer (RM673.1 juta), empat projek adalah untuk pakaian rekaan (RM65.5 juta) dan empat projek adalah untuk produk/aksesori tekstil (RM26 juta). Projek-projek yang diluluskan akan menjana sejumlah 1,493 peluang pekerjaan, di mana 663 adalah dalam kategori guna tenaga pengurusan, teknikal dan penyeliaan. Beberapa pekerjaan bergaji tinggi akan diwujudkan

termasuk jurutera, pengawal kualiti dan juruteknik berkemahiran tinggi.

Pelaburan dalam industri tekstil dan produk tekstil pada tahun 2013 kebanyakannya adalah dipacu oleh teknologi di mana teknologi-teknologi baharu digabungkan dalam proses-proses perkilangan projek-projek ini. Pelabur asing utama tahun tersebut adalah dari China dan Singapura telah memilih Malaysia oleh kerana infrastrukturnya yang bagus dan lokasinya yang strategik untuk perniagaan tekstil, kos operasi yang kompetitif, perkhidmatan kewangan yang boleh diharap dan terdapatnya tenaga kerja yang berkualiti. Pencapaian positif ini mencerminkan kekuatan Malaysia untuk terus menarik pelaburan berkualiti yang akan menyumbang ke arah melengkapkan ekosistem industri tekstil.

Majoriti daripada projek-projek yang diluluskan dalam industri tekstil dan produk tekstil adalah berorientasikan eksport dan akan menyumbang kepada pendapatan negara.

Majoriti daripada projek-projek yang diluluskan dalam industri tekstil dan produk tekstil adalah berorientasikan eksport dan akan menyumbang kepada pendapatan negara. Kebanyakan daripada projek pembesaran dan baharu terus menekankan pelaburan dalam aktiviti R&D bagi tujuan untuk menghasilkan produk-produk berkualiti tinggi baharu. Projek-projek ini akan menyumbang kepada kewujudan pelbagai pekerjaan berkemahiran tinggi dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja sedia ada melalui program-program latihan intensif.



Graf 21 Pelaburan dalam projek perkilangan diluluskan dalam industri tekstil dan produk tekstil mengikut subsektor, 2013

Sesetengah daripada projek baharu akan mengukuhkan pembangunan kluster tekstil di Malaysia dengan menyediakan pemain-pemain hiliran negara dengan sumber domestik baharu kepada tekstil primer berkualiti tinggi sebagai satu alternatif kepada tekstil primer diimport. Sementara sektor hiliran tekstil dan produk tekstil bertapak sangat kukuh, masih terdapat masih banyak ruang untuk pertumbuhan dalam subsektor tekstil huluhan, terutamanya untuk tekstil fungsian atau prestasi tinggi yang mempunyai permintaan tinggi dalam industri aeroangkasa, automotif, perubatan dan pembinaan.

Sesetengah daripada projek besar yang diluluskan pada tahun 2013 termasuk projek baharu milik sepenuhnya asing dengan pelaburan RM521 juta untuk pengeluaran benang kapas tulen. Projek tersebut akan menggunakan teknologi pemintalan

terkini daripada Jerman, Switzerland dan China dan keseluruhan pengeluarannya akan dieksport terutamanya ke China, Amerika Syarikat dan Kanada. Dua projek pembesaran lain oleh syarikat milik asing akan melibatkan RM32.5 juta pusat sehenti untuk wool scouring, topmaking dan rawatan tahan kedutan dan satu kemudahan berharga RM28.4 juta bagi mengeluarkan fabrik berkait dan siap.

Industri ini masih bertahan lasak meskipun dengan kemerosotan ekonomi global. Pelbagai Perjanjian Perdagangan Bebas dua hala akan menyediakan platform lebih besar untuk pertumbuhan lanjut sementara Perkongsian Trans-Pasifik (*Trans-Pacific Partnership*, TPP) akan membolehkan syarikat-syarikat asing yang berurusan dengan Amerika Syarikat untuk mempertimbangkan Malaysia sebagai pangkalan pengeluaran mereka.

Peranti perubatan

Malaysia menghasilkan barisan peranti perubatan yang mengagumkan termasuk peranti boleh implan seperti peranti elektromekanik, implan ortopedik, alat dialisis, kit diagnostik, kanta mata dan peranti-peranti lain atau peralatan yang boleh digunakan untuk tujuan perubatan, pergigian, optik dan kesihatan am. Pasaran domestik dijangka akan berkembang sebanyak 15.9 peratus setiap tahun dan akan mencecah US\$2.8 bilion menjelang 2017. Pihak Kerajaan telah mengumumkan lapan Projek Titik Kemasukan (EPPs) untuk subsektor peranti perubatan, yang mana 12 projek telah dilaksanakan setakat ini. Kerajaan juga telah melaksanakan Peraturan Peranti Perubatan (*Medical Devices Regulations*) 2012, yang akan membantu negara menjadi satu pengeluar peranti perubatan yang dikenali secara global dan membantu menarik pelabur asing ke persisiran Malaysia.

Pada 2013, eksport peranti perubatan bernilai sebanyak RM11 bilion, dengan Malaysia terus menjadi pengekspor dan pengeluar utama sarung tangan perubatan dan kateter yang mewakili 76.4 peratus (RM8.4 bilion) daripada eksport keseluruhan industri. Eksport utama lain termasuk peralatan dan perkakas yang digunakan dalam sains perubatan, pembedahan, pergigian atau veterinar (RM773.4 juta), kanta mata, termasuk kanta sentuh RM499.2 juta dan perkakas ortopedik RM761.5 juta. Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun adalah destinasi eksport utama.

Pihak Kerajaan telah mengumumkan lapan Projek Titik Kemasukan (EPPs) untuk subsektor peranti perubatan, yang mana 12 projek telah dilaksanakan setakat ini.

Sejumlah 43 projek dengan pelaburan sebanyak RM4.7 bilion telah diluluskan pada 2013. Daripada jumlah ini, 22 adalah projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM3.3 bilion dan 21 adalah projek pembesaran/pelbagai (RM1.4 bilion). Pelaburan asing berjumlah RM1.3 bilion (27.7%) sementara pelaburan domestik berjumlah RM3.4 bilion (72.3%). Projek-projek ini dijangka akan menjana peluang pekerjaan untuk 18,302 orang.

Daripada 43 projek yang diluluskan, 33 projek (76.7%) dengan pelaburan sebanyak RM1.3 bilion adalah untuk pengilangan peranti perubatan selain daripada sarung tangan perubatan. Projek-projek ini terutamanya adalah untuk produk-produk atasan dan nilai tambah tinggi melibatkan R&D.

Antara projek penting yang diluluskan adalah satu projek baharu oleh syarikat milik sepenuhnya asing dari Amerika Syarikat dengan pelaburan sebanyak RM120 juta untuk mengeluarkan peranti darah lengkap dan peranti *apherisis*. Kemudahan di Malaysia akan menjadi yang pertama di Asia untuk syarikat ini dan akan mewujudkan 330 peluang pekerjaan, khususnya bagi pekerja berkemahiran tinggi dan berpendidikan. Produk-produknya akan dieksport ke Asia Pasifik dan Eropah.

Satu lagi projek penting adalah oleh syarikat milik rakyat Malaysia dan melibatkan pelaburan sebanyak RM304.7 juta untuk mengilang peralatan pembedahan, peranti *external fixation*, peranti *internal fixation*, sendi tiruan, dan implan

pergigian. R&D meluas dan ciri-ciri nilai tambah tinggi daripada projek ini akan meluaskan bidang pengilangan kontrak untuk peranti ortopedik melibatkan penyelesaian pengilangan penuh – pemesinan lanjutan, penganodan titanium, penempaan, penyalutan dan tuangan. Sejumlah 1,285 peluang pekerjaan akan diwujudkan menerusi projek ini, yang selari dengan EPP 9: Hab untuk Pengilangan Kontrak Peranti Perubatan Bernilai Tinggi di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) untuk Penjagaan Kesihatan.

Satu lagi projek pelbagai rakyat Malaysia akan melibatkan pengilangan simulator pembedahan akses minima dan aksesori peranti dan alat pengunci akses pembedahan. Projek yang bernilai RM19.8 juta ini akan menjadi yang pertama seumpamanya di Malaysia, dengan lebih separuh daripada pekerja syarikat yang berperanan dalam aktiviti-aktiviti R&D yang berpengetahuan tinggi.

Pertanian

Di bawah NKEA Pertanian, Pendapatan Negara Kasar daripada industri ini dijangka meningkat kepada RM21.4 bilion menerusi 16 EPP dan 11 peluang perniagaan. NKEA Pertanian juga dijangka mewujudkan 75,000 pekerjaan yang kebanyakannya di kawasan luar bandar dengan sasaran untuk mengurangkan jurang pendapatan di antara populasi luar bandar dan bandar. Sektor ini terutamanya terdiri daripada penternakan, perikanan dan akuakultur marin dan sayur-sayuran dan buah-buahan.

“ Eksport peranti perubatan bernilai sebanyak RM11 bilion pada tahun 2013 di mana Malaysia terus terkenal sebagai negara penghasil and pengeksport utama bagi sarung tangan perubatan dan kateter.



NKEA Pertanian juga dijangka mewujudkan 75,000 pekerjaan yang kebanyakannya di kawasan luar bandar dengan sasaran untuk mengurangkan jurang pendapatan di antara populasi luar bandar dan bandar.

Sejumlah 53 projek memproses pertanian telah diluluskan pada tahun 2013 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM558.8 juta. Daripada projek-projek yang diluluskan ini, 44 adalah projek baharu dan sembilan adalah projek pembesaran/pelbagaiian. Pelaburan domestik berjumlah sebanyak RM501.3 juta (89.7%) sementara pelaburan asing berjumlah sebanyak RM57.4 juta (10.3%). Pelaburan di dalam sektor utama pertanian pada tahun 2013 adalah sebanyak RM558.8 juta. Projek utama yang diluluskan termasuk projek baharu bernilai RM28.8 juta oleh satu syarikat milik sepenuhnya asing untuk menjalankan aktiviti florikultur.

Makanan proses

Kenaikan harga makanan di peringkat global menjelaskan negara-negara di seluruh dunia. Untuk meringankan beban rakyat dan untuk menangani keselamatan dan perlindungan makanan, Malaysia telah mengumumkan mekanisme kawalan harga bagi kebanyakan barang keperluan. Industri makanan telah dikenalpasti sebagai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Ketujuh dalam NKRA Menangani Kos Sara Hidup. NKRA yang baharu ini termasuk makanan dan barang-barang keperluan lain dan rantai bekalan yang berkaitan dengannya, dan beberapa langkah akan diambil untuk meliberalisasikan sektor ini



Industri makanan telah dikenalpasti sebagai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Ketujuh dalam NKRA Menangani Kos Sara Hidup.

seperti membenarkan lebih banyak barang import ke dalam pasaran, mengusahakan tanah-tanah terbiar untuk pengeluaran makanan dan penanaman dan memperolehi sumber-sumber bahan mentah yang lebih murah.

Sejumlah 66 projek dengan pelaburan sebanyak RM2.9 bilion telah diluluskan dalam tahun 2013 berbanding dengan RM2.4 bilion dalam tahun 2012 (52 projek). Pelaburan domestik berjumlah RM751.2 juta (25.9%) manakala pelaburan asing berjumlah RM2.1 bilion (74.1%). Projek-projek ini dijangka akan menjana peluang pekerjaan tambahan untuk 5,790 orang.

Projek-projek yang diluluskan yang signifikan termasuk projek baharu berjumlah RM816 juta oleh syarikat milik-asing sepenuhnya untuk pengeluaran produk konfektioneri coklat dan gula. Syarikat tersebut adalah syarikat global terkemuka dengan lebih daripada 80 jenama, dan loji Malaysia terkininya dijangka akan

menjadi loji syarikatnya yang keempat terbesar di seluruh dunia.

Projek-projek utama lain termasuk projek pembangunan oleh syarikat milik majoriti Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM40.2 juta untuk pengeluaran maltodekstrin/sirap glukos pejal dan fruktosa oligosakarida saccharides serta projek baharu berjumlah RM7.4 juta oleh pemilik-majoriti asing untuk pengeluaran sosej tahan simpan.

Farmaseutikal

Pasaran farmaseutikal global dijangka akan bernilai lebih daripada US\$971 bilion menjelang akhir tahun 2016, dengan kadar pertumbuhan kompaun tahunan (CAGR) sebanyak lebih daripada 24 peratus. Industri farmaseutikal Malaysia telah menunjukkan kemajuan signifikan selari dengan pertumbuhan global ini, dengan kedua-dua pelabur asing dan tempatan memainkan peranan penting dalam pembangunan industri. Produk-produk farmaseutikal yang

Eksport utama sektor perladangan Malaysia

PENTERNAKAN



PERIKANAN




SAYURAN & BUAHAN



Ayam itik dan daging lembu adalah produk-produk utama dalam subsektor penternakan. Penambahbaikan dalam kaedah pemeliharaan dan penternakan telah menyumbang kepada produktiviti yang lebih tinggi dalam penternakan ayam itik dan penemuan baharu kepada vaksin haiwan telah menyebabkan penurunan risiko kepada penyakit yang boleh menjadikan produktiviti. Walaupun Malaysia adalah mampu diri dalam ayam, itik dan telur, peratusan besar dalam permintaan domestik terhadap daging lembu dan daging kambing terus perlu dipenuhi melalui import. Eksport Malaysia terhadap haiwan hidup dan daging berjumlah sebanyak RM782.8 juta pada tahun 2013 sementara import berjumlah sebanyak RM2.8 bilion.

Akuakultur kekal sebagai segmen pertumbuhan terpantas dalam subsektor perikanan Malaysia, dengan anggaran penghasilan tahunan sebanyak 300,000 tan metrik. Jumlah eksport ikan dan makanan laut lain Malaysia pada tahun 2013 berjumlah sebanyak RM1.8 bilion sementara import berjumlah sebanyak RM2.6 bilion.

Kebanyakan daripada keluaran tempatan dalam subsektor sayur-sayuran dan buah-buahan terdiri daripada sayur-sayuran dan buah-buahan segar seperti nangka dan nanas. Pada tahun 2013, eksport sayur-sayuran dan buah-buahan berjumlah sebanyak RM594.6 juta manakala import sayur-sayuran dan buah-buahan seperti epal, anggur dan oren berjumlah RM2.5 bilion.



Graf 22 Pelaburan diluluskan dalam industri pemprosesan makanan mengikut subsektor, 2013

dibuat di Malaysia secara umum boleh dikategorikan sebagai ubat preskripsi, ubat tanpa preskripsi (OTC), herba dan makanan tambahan kesihatan dan ubat tradisional. Industri tempatan masih tertumpu kepada pengeluaran ubat-ubatan generik yang didominasi oleh pelaburan domestik.

Sejumlah 12 projek dengan pelaburan sebanyak RM539 juta telah diluluskan dalam tahun 2013, kebanyakannya merupakan pelaburan asing berjumlah RM338.3 juta (62.7%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM200.7 juta (37.3%). Enam daripada projek-projek ini adalah projek baharu dan melibatkan pelaburan sebanyak RM371.1 juta (68.8%) sementara bakinya adalah projek pembesaran/pelbagai. Projek-projek yang diluluskan dijangka akan menjana pekerjaan bagi 1,150 orang.

Permintaan domestik yang bertambah untuk larutan hemodialisis telah menyebabkan lebih banyak pelaburan dalam bidang produk-produk renal.

Permintaan domestik yang bertambah untuk larutan hemodialisis telah menyebabkan lebih banyak pelaburan dalam bidang produk-produk renal. Antara projek signifikan yang diluluskan dalam tahun 2013 ialah satu projek baharu oleh sebuah syarikat milik-asing dengan pelaburan sebanyak RM230 juta untuk pengeluaran pati hemodialisis, larutan dialisis peritoneal dan larutan dialisis automatik. Projek ini akan menyediakan satu larutan yang lengkap dari R&D ke pembuatan bagi menyediakan pilihan terapi yang

lengkap di dalam klinik yang dimiliki oleh kumpulan syarikat. Satu lagi projek baharu oleh sebuah syarikat milik tempatan akan melibatkan pelaburan sebanyak RM30 juta untuk pembuatan larutan parenteral berjumlah besar (dialisasi peritoneal, natrium klorida, dekstrosa dan larutan Ringer). Sementara itu, satu projek pembesaran oleh sebuah syarikat usaha sama yang melibatkan pelaburan sebanyak RM40 juta akan tidak lama lagi membolehkan syarikat tersebut menjadi satu daripada pengeluar dan pengeksport farmaseutikal terbesar Malaysia.

Trend pelaburan dalam industri farmaseutikal pada tahun 2013 menunjukkan bahawa industri ini berada di landasan betul ke arah mencapai matlamat kerajaan untuk meningkatkan produktiviti dan pertumbuhan mampan produk farmaseutikal nilai ditambah tinggi

dan dengan demikian menyumbang kepada penggantian import di Malaysia. Walau bagaimanapun, untuk kekal berdaya saing di peringkat antarabangsa, pengeluar farmaseutikal Malaysia mesti menumpukan perhatian pada biofarmaseutikal, *biosimilar* dan produk-produk nilai ditambah tinggi yang lain. Pelaburan oleh syarikat-syarikat farmaseutikal multinasional di Malaysia akan terus menyediakan peluang kepada syarikat tempatan untuk melabur dalam produk-produk tersebut dan menyumbang kepada pembangunan kumpulan bakat negara.

Produk kelapa sawit

Industri minyak sawit Malaysia kekal menjadi salah satu industri terpenting negara dan merupakan penyumbang keempat terbesar dalam ekonomi negara. Ia menyumbang sebanyak RM53 bilion dalam GNI dan disasar akan mencapai RM178 bilion pada tahun 2020 di bawah NKEA Minyak Sawit.

Industri minyak sawit Malaysia kekal menjadi salah satu industri terpenting negara dan merupakan penyumbang keempat terbesar dalam ekonomi negara. Ia menyumbang sebanyak RM53 bilion dalam GNI dan disasar akan mencapai RM178 bilion pada tahun 2020 di bawah NKEA Minyak Sawit.

Pada tahun 2013, sejumlah 32 projek dengan pelaburan sebanyak RM2.4 bilion telah diluluskan dalam industri

minyak sawit berbanding 64 projek dengan pelaburan sebanyak RM2.9 bilion dalam tahun 2012. Pelaburan asing berjumlah RM440 juta manakala pelaburan domestik adalah RM2 bilion. Subsektor minyak sawit dan minyak isirung kelapa sawit mencatatkan pelaburan tertinggi (RM1.6 bilion), diikuti oleh oleokimia (RM482 juta), projek penjanaan tenaga daripada biomas sawit (RM260 juta) dan produk-produk daripada biomas sawit (RM54.6 juta).

Terdapat beberapa projek signifikan dalam subsektor oleokimia pada tahun 2013, termasuk loji pensulfatan terkawal yang baharu dan berkomputer sepenuhnya yang berjumlah RM192 juta dimiliki oleh syarikat tempatan yang akan menghasilkan sodium lauryl sulphate (SLS) dan sodium lauryl ether sulfate (SLES). Ini adalah surfaktan utama dalam produk rumah dan penjagaan diri, dan teknologi baharu syarikat akan membolehkan surfaktan-surfaktan ini dihasilkan dengan tahap dioksana (iaitu bahan kimia karsinogenik yang kerap terdapat dalam kebanyakan surfaktan) yang lebih rendah.

Satu lagi projek penting syarikat milik rakyat tempatan akan melibatkan loji berjumlah RM178 juta untuk menghasilkan asid lemak mentah, gliserin dan produk-produk sisa. Projek ini akan membantu segmen hiliran berkembang sambil menebat segmen huluannya daripada kejutan terhadap kenaikan dan penurunan harga komoditi, semasa terjadinya satu anjakan global daripada petrokimia kepada oleo-kimia hijau yang mesra alam. Projek ini dijangka akan menjana peluang pekerjaan baharu kepada kira-kira 82 pekerja Malaysia dan juga akan menyebarkan kesedaran yang lebih di kalangan pelabur asing tentang potensi industri oleokimia Malaysia.

Industri halal terus menjadi bidang tumpuan utama bagi Malaysia di mana sebuah projek baharu oleh syarikat usaha sama yang melibatkan nilai pelaburan sebanyak RM109 juta telah menyerlahkan Malaysia sebagai teraju dalam sektor ini. Loji ini akan mengeluarkan kimia halal istimewa yang akan dapat dimanfaatkan dalam industri-industri kosmetik, penjagaan rumah, makanan, farmaseutikal dan lain-lain. Projek ini akan bertindak sebagai satu pemangkin bagi pertumbuhan dalam pemprosesan makanan halal dan akan menawarkan 74 peluang pekerjaan kepada jurutera elektronik dan kimia serta pekerja teknikal tahap tinggi yang lain. Satu lagi projek baharu oleh syarikat pemilik-majoriti asing dengan pelaburan sebanyak RM148 juta pula akan menghasilkan lelemak, marjerin dan lemak sapu.

Bergerak ke hadapan, adalah penting untuk diperhatikan bahawa aktiviti-aktiviti penapisan dan penghancuran dalam negara telah mencapai tahap kematangan dan tidak lagi dipromosikan sebagai bidang pertumbuhan. Walau bagaimanapun, peluang signifikan masih wujud dalam aktiviti-aktiviti hiliran yang menjana produk nilai ditambah yang tinggi serta dalam subsektor biomas sawit. Dalam aktiviti-aktiviti hiliran, bidang pertumbuhan adalah dalam produk berdasarkan oleokimia serta pemakanan dan bahan-bahan nutrisi serta aktiviti-aktiviti R&D yang secara amnya melibatkan tahap teknologi yang tinggi.

Kimia dan produk kimia

Eksport kimia dan produk kimia pada tahun 2013 meningkat sebanyak 3.1 peratus ke RM47.7 bilion. Walau bagaimanapun, trend pelaburan dalam industri kimia Malaysia dalam tahun 2013 menunjukkan bahawa

terdapat ruang untuk pengembangan dalam kedua-dua pasaran domestik dan eksport.

Sejumlah 41 projek dengan pelaburan sebanyak RM5 bilion telah diluluskan pada tahun 2013, di mana 25 adalah projek baharu (RM4.7 bilion atau 94%) manakala 16 adalah projek pembesaran/pelbagai (RM300 juta atau 6%). Pelaburan domestik berjumlah RM1.8 bilion (36%) manakala pelaburan asing berjumlah RM3.2 bilion (64%) Projek-projek yang diluluskan dijangka akan menjana peluang pekerjaan untuk 2,361 orang.

Daripada 41 projek yang diluluskan dalam tahun 2013, sejumlah 27 projek dengan pelaburan sebanyak RM4.8 bilion adalah untuk pengeluaran pelbagai produk kimia serta elektrolit untuk bateri dapat dicas semula. Enam projek dengan pelaburan sebanyak RM110 juta adalah untuk pengeluaran bahan kimia pertanian seperti baja campuran, baja kompos dan baja bio-organik. Tiga projek dengan pelaburan sebanyak RM34 juta adalah untuk pengeluaran gas perindustrian seperti hidrogen, nitrogen cecair dan oksigen cecair, sementara lagi tiga projek dengan pelaburan sebanyak RM30 juta akan melibatkan pengilangan bahan pencuci, kosmetik dan kelengkapan tandas. Dua projek dengan pelaburan sebanyak RM21 juta akan melibatkan pengeluaran penyalut dan pencair untuk cat.

Industri kimia adalah penting untuk Malaysia kerana ia menyokong pembangunan industri-industri lain seperti E&E, O&G, makanan, pertanian, pengangkutan dan lain-lain. Import bahan kimia mentah dalam industri-industri lain ini mungkin dikurangkan jika bahan kimia yang diperlukan itu boleh didapati di Malaysia dalam kuantiti dan kualiti yang diperlukan. Industri tempatan akan mendapat manfaat dari segi peningkatan kualiti dan masa pengeluaran yang lebih pendek

Biomas sawit (13.1%)

Bilangan projek: 19

Pelaburan: RM314.6 juta

Subsektor ini menarik sebanyak 11 projek dengan pelaburan sebanyak RM54.6 juta pada tahun 2013 kesemuanya daripada sumber domestik yang akan melibatkan pemprosesan buah tandan kosong dan efluen kilang minyak sawit (POME) menjadi baja organik, kompos sawit, karbon diaktifkan dan gentian. Lapan projek yang lain bernilai RM260 juta akan melibatkan penjanaan tenaga daripada biomas sawit. Pelaburan domestik dalam projek-projek tenaga boleh diperbaharui ini adalah sebanyak RM254 juta manakala pelaburan asing berjumlah RM6 juta

Jika diproses dengan betul, produk-produk sampingan daripada industri minyak sawit negara berpotensi menjana tambahan sebanyak RM30 bilion kepada GNI negara. Malaysia dijangka akan menghasilkan purata 90 juta tan metrik setahun antara sekarang dan tahun 2015.


Oleokimia (20.1%)

Bilangan projek: 4

Pelaburan: RM482 juta

Empat projek baharu telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM482 juta pada tahun 2013. Pelaburan domestik berjumlah RM333 juta manakala pelaburan asing berjumlah RM149 juta. Projek-projek ini dianggar akan menjana 283 peluang pekerjaan.

Dengan pelaksanaan NKEA Minyak Sawit di bawah EPP 6, Malaysia mensasarkan untuk mengalihkan komposisi industri hiliran ke arah pengeluaran derivatif bernilai lebih tinggi seperti surfaktan, agrokimia, pelincir bio dan derivatif gliserol. Dengan kekayaan bahan mentah tempatan dan ketersediaan pembangunan teknologi dalam industri oleokimia, syarikat-syarikat sedang menunjukkan keupayaan mereka dengan menghasilkan produk-produk istimewa daripada minyak sawit termasuk pelbagai alternatif kepada bahan kimia berdasarkan petroleum. Oleokimia yang mesra-alam, terbiodegradkan dan selamat untuk pengguna akan terus mendapat permintaan tinggi.



**RM2.4
bilion**

Minyak sawit mentah dan minyak isirung kelapa sawit (66.8%)

Bilangan projek: 9

Pelaburan: RM1.6 bil

Sebanyak sembilan projek dengan pelaburan bernilai RM1.6 telah diluluskan dalam subsektor ini pada tahun 2013. Daripada jumlah ini, tujuh merupakan projek baharu. Pelaburan asing berjumlah RM285 juta manakala pelaburan domestik berjumlah RM1.3 bilion.

Aktiviti-aktiviti utama dalam subsektor CPO dan CPKO adalah penapisan dan penghancuran. Sekarang ini terdapat 53 kilang penapisan dan 44 kilang penghancuran beroperasi di Malaysia dengan jumlah kapasiti masing-masing sebanyak 25 juta tan dan 6.9 juta tan setahun. Kilang penapisan memproses sejumlah 13.2 juta tan CPO dan 1.3 juta tan CPKO manakala kilang penghancuran memproses sebanyak empat juta tan isirung sawit. Produk-produk utama yang dihasilkan ialah minyak sawit dinyahbau luntur bertapis (RBD) berbentuk cecair (olein) dan pejal (stearin). Produk-produk lain termasuk marjerin, vanaspati dan produk lemak istimewa.

Industri yang matang

Industri minyak sawit Malaysia kekal menjadi salah satu industri terpenting negara dan merupakan penyumbang keempat terbesar dalam ekonomi negara. Ia menyumbang sebanyak RM53 bilion dalam GNI dan disarang akan mencapai RM178 bilion pada tahun 2020 di bawah NKEA Minyak Sawit.

Indonesia merupakan negara pengeluar minyak sawit terbesar di dunia manakala Malaysia adalah di antara negara pengeksport terbesar. Pengguna utama minyak sawit adalah China, India dan Eropah. Sebagai salah satu pengeluar dan pengeksport utama minyak sawit dan produk minyak sawit, Malaysia memainkan peranan yang penting dalam memastikan bahawa keperluan minyak sawit sedunia dapat di penuhi dengan cara mesra alam.

Projek	Pemilikan	Nilai pelaburan (RM juta)
Satu projek baharu untuk menghasilkan elektrolit untuk bateri dapat dicas semula. Projek ini akan menyokong ekosistem E&E negara dan menambah kandungan tempatan dalam peranti-peranti elektronik mudah alih dan sistem penyimpanan tenaga.	Asing	54.7
Satu projek pembesaran untuk menghasilkan bahan kimia pembinaan untuk aktiviti-aktiviti perlombongan dan penembusan. Sekurang-kurangnya 87% daripada pekerjaan yang akan dijanakan oleh projek ini adalah dalam jawatan-jawatan pengurusan, teknikal dan sains.	Asing	3.8
Satu projek pembangunan untuk menghasilkan produk-produk lumpur sintetik/berasaskan minyak istimewa dan pengubahsuai relogi pengemulsi.	Asing	3.4
Satu projek baharu untuk menghasilkan fosforus kuning, asid fosforik, mono kalium fosfat dan dikalium fosfat. Projek ini akan mewujudkan 950 peluang pekerjaan.	Asing	1,100

Jadual 4 Projek utama dalam industri kimia dan produk kimia

untuk produk-produk berkenaan. Bagaimanapun, industri bahan kimia mesti sentiasa mengikut perkembangan dalam teknologi, R&D dan kecekapan supaya kekal berdaya saing.

Bioteknologi

Program Transformasi Bioekonomi Malaysia (BTP) bertujuan untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam membangunkan bioekonomi negara dengan menyediakannya satu platform untuk menyalurkan dan memaksimumkan peluang-peluang komersial dalam

industri. Melalui inisiatif ini, 20 Projek Penggerak telah dikenalpasti yang mempunyai potensi untuk menghasilkan GNI sebanyak RM3.6 bilion, 16,300 pekerjaan berkualiti tinggi dan pelaburan langsung asing dan domestik sebanyak RM10 bilion menjelang tahun 2020.

Pada masa ini, terdapat 229 syarikat berstatus Bionexus di Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM3.3 bilion. Lebih separuh daripada syarikat-syarikat ini adalah syarikat tempatan. Sejumlah 18 projek dengan pelaburan sebanyak RM856.2 juta telah diluluskan dalam tahun 2013, di mana 17 adalah oleh syarikat

berstatus Bionexus dengan pelaburan sebanyak RM697.6 juta. Pelaburan domestik dalam projek-projek yang telah diluluskan ini berjumlah RM430.3 juta (50.3%) manakala pelaburan asing berjumlah RM425.9 juta (49.7%). Projek-projek yang telah diluluskan ini akan berpotensi menyediakan pekerjaan untuk 1,902 orang.

Antara projek-projek signifikan yang diluluskan tahun lepas termasuk projek baharu bernilai RM158.5 juta oleh sebuah syarikat bioteknologi Jepun untuk pengeluaran bioetanol dan *oil palm trunk* (OPT), manakala satu lagi projek baharu berjumlah RM123.5 juta akan menghasilkan *biofeed* daripada sisa kelapa sawit. Projek ini dijangka akan menyediakan peluang pekerjaan kepada 680 kakitangan dan telah menerima Sijil Projek Hijau daripada Malaysian Green Technology Corporation kerana teknologi konsep sisa-sifarnya.

Satu lagi projek penting ialah usaha sama baharu yang melibatkan syarikat multinasional Eropah dengan pelaburan sebanyak RM73 juta untuk pengkomersilan vaksin manusia. Kerjasama ini dijangka akan menambahkan bekalan vaksin utama negara dan meningkatkan potensi eksport vaksin yang dihasilkan dalam negara.

Menjelang tahun 2020, industri bioteknologi dijangka akan menyediakan peluang pekerjaan kepada kira-kira 280,000 orang dan menyumbang lima peratus kepada KDNK negara dengan pelaburan sebanyak kira-kira RM8 bilion.

Pelaburan baharu dalam sektor ini menunjukkan pertumbuhan berterusan industri bioteknologi global dan akan menyediakan peluang pekerjaan baharu dan pembangunan kerjaya untuk tenaga kerja tempatan. Menjelang tahun 2020, industri bioteknologi dijangka akan menyediakan peluang pekerjaan kepada kira-kira 280,000 orang dan menyumbang lima peratus kepada KDNK negara dengan pelaburan sebanyak kira-kira RM8 bilion.

Produk petroleum & petrokimia

Industri petroleum dan petrokimia terdiri daripada tiga subsektor terutamanya gas asli, produk petroleum dan produk petrokimia. Sejumlah tujuh projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM6.2 bilion telah diluluskan pada tahun 2013, empat daripadanya adalah projek baharu. Pelaburan domestik berjumlah RM3 bilion (48%) manakala pelaburan asing berjumlah RM3.2 bilion (52%). Adalah dianggarkan bahawa projek-projek ini akan menjana 655 pekerjaan baharu.

Secara umum, jumlah pelaburan modal yang diluluskan pada tahun 2013 meningkat sebanyak dua peratus kepada RM6.2 bilion dari RM6 bilion pada tahun 2012. Ini menunjukkan bahawa industri ini memberikan respons yang positif kepada Program Transformasi Ekonomi ETP di mana subsektor minyak, gas dan tenaga telah dikenal pasti sebagai salah satu NKEA.

Projek utama yang diluluskan pada tahun 2013 termasuk projek usahasama baharu dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.3 bilion untuk menghasilkan minyak petroleum mentah sebatи, gasolin sebatи, diesel sebatи dan bahan api sebatи. Projek ini akan mewujudkan 96 peluang pekerjaan baharu dan melengkapkan



Pelaburan ke dalam industri petroleum dan petrokimia Malaysia berkembang sebanyak dua peratus pada tahun 2013 kepada RM6.2 bilion.

pembangunan projek RAPID. Satu lagi projek baharu milik rakyat asing dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.7 bilion akan melibatkan pengeluaran ammonia, asid sitrik dan ammonium nitrat untuk digunakan sebagai bahan mentah untuk baja. Kebanyakan ammonium nitrat yang dihasilkan oleh kemudahan ini dijadualkan untuk eksport, walaupun ada yang akan dijual dalam negara sebagai pengganti import.

Satu projek pelbagai telah diluluskan yang melibatkan pelaburan sebanyak RM1.5 bilion untuk melaksanakan pengeluaran bahan kimia aroma iaitu *isoprenol*, *citral*, *citronellol*, mentol, energol-ME dan energol-C. Produk-produk ini digunakan dalam produk penjagaan diri, perasa dan wangian untuk minyak pati, kosmetik dan produk rumah tangga. Projek ini menggunakan

teknologi tahap tinggi dan akan meletakkan Malaysia dalam peta sebagai hab bagi bahan kimia aroma di rantau Asia Pasifik.

Pelaburan dalam sektor ini menunjukkan bagaimana industri ini telah meningkat maju selama ini. Sebahagian daripada projek yang diluluskan bukan sahaja mengukuhkan ekosistem yang sedia ada tetapi juga memungkin pembangunan berterusan kelompok O&G. Pembangunan pesat industri gas syal (*shale gas*) di Amerika Syarikat telah menjadikan negara tersebut sebagai lokasi yang sangat menarik bagi industri pengilangan petrokimia di samping menurunkan harga global bagi gas asli. Pelaburan yang berterusan ke dalam kapasiti baharu di Amerika Syarikat akan meningkatkan tekanan persaingan antara firma O&G di Eropah, Asia dan lain-lain.

Untuk membolehkan Malaysia bergerak ke hadapan, pelaburan ke dalam industri O&G tempatan perlu memberikan fokus kepada pengeluaran produk bernilai ditambah tinggi dan produk pasaran khusus supaya penggunaan gas asli dan minyak mentah yang ada di negara ini boleh dioptimumkan.

Produk plastik

Industri produk plastik terdiri daripada beberapa subsektor yang mempunyai banyak aplikasi yang berguna. Pertumbuhan dalam aktiviti pemprosesan plastik hiliran domestik boleh dikaitkan dengan sektor petrokimia yang maju di Malaysia yang menyediakan dengan stabil bekalan bahan mentah termasuk kemudahan pengeluaran resin bertaraf dunia. Ekspor plastik meningkat 6.8 peratus kepada RM10.6 bilion pada tahun 2013 berbanding RM10 bilion pada tahun 2012. Pengilang telah berjaya mengekalkan pertumbuhan ekspor walaupun mengalami kelembapan global dengan bergerak ke atas dalam rantai nilai untuk memberi fokus kepada menghasilkan produk berkualiti tinggi.

Eksport plastik meningkat 6.8 peratus kepada RM10.6 bilion pada tahun 2013 berbanding RM10 bilion pada tahun 2012.

Sejumlah 44 projek dengan pelaburan sebanyak RM848 juta telah diluluskan pada tahun 2013, di mana 30 adalah projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM615.8 juta, dan 14 adalah projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan sebanyak RM232.2 juta. Pelaburan asing berjumlah RM410.2 juta (48.4%) manakala pelaburan domestik berjumlah



Projek-projek penting yang diluluskan pada tahun 2013 termasuk projek usahasama baharu dengan pelaburan sebanyak RM199.9 juta bagi mengeluarkan kepingan polietilena kitar semula (*recycled polyethylene flakes*).

RM437.8 juta (51.6%). Projek-projek yang telah diluluskan akan berpotensi menyediakan peluang pekerjaan untuk 3,334 orang.

Projek-projek penting yang diluluskan pada tahun 2013 termasuk projek usahasama baharu dengan pelaburan sebanyak RM199.9 juta bagi mengeluarkan kepingan polietilena kitar semula (*recycled polyethylene flakes*) serta projek milik penuh asing dengan pelaburan sebanyak RM117.8 juta bagi mengeluarkan kepingan grafit dan pelekat kepingan grafit untuk produk elektronik. Satu projek milik rakyat Malaysia sepenuhnya dengan pelaburan baharu sebanyak RM50.8 juga diluluskan bagi mengeluarkan dulang, cawan, penutup, topi, kotak dan pelindung plastik pakai buang.

Industri plastik Malaysia akan menghadapi tekanan kos daripada pelaksanaan dasar gaji minimum dan rasionalisasi subsidi tenaga. Industri dengan itu akan menaik taraf kepakaran teknologinya untuk

memastikan ia kekal berdaya saing. Empat syarikat telah mencebur penghasilan produk plastik nilai ditambah tinggi pada tahun 2013, terutamanya untuk pembungkusan produk farmaseutikal, produk E & E dan lain-lain peralatan yang sensitif. Industri plastik Malaysia adalah berkedudukan baik untuk berkembang meskipun terdapat pandangan global yang muram dan cabaran yang kuat di hadapan.

Produk getah

Industri produk getah Malaysia adalah mantap dan boleh dikategorikan kepada produk lateks, tayar dan produk berkaitan tayar, produk getah perindustrian dan produk getah am. Dikuasai terutamanya oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS), industri ini membuat peralihan ke arah produk nilai tambah yang tinggi dan produk getah berteknologi tinggi untuk aplikasi kejuruteraan, pembinaan dan marin.

Pengguna dan industri

Bilangan projek: 14

Investments: 199.8 juta

Sebanyak 14 projek telah diluluskan dalam subsektor pengguna dan industri yang jumlah pelaburannya bernilai RM199.8 juta. Daripada bilangan ini, sembilan adalah projek baharu (RM165.9 juta) manakala lima adalah projek pembesaran/pelbagaiian (RM33.9 juta).

Pembungkusan

Bilangan projek: 11

Investments: 168.5 juta

Subsektor pembungkusan kekal sebagai subsektor utama pada tahun 2013 dengan 11 projek dan pelaburan berjumlah RM168.5 juta. Daripada bilangan ini, enam adalah projek baharu (RM101.2 juta) dan lima adalah projek pembesaran/pelbagaiian (RM67.3 juta). Majoriti projek-projek ini adalah bagi mengeluarkan pembungkusan fleksibel, kepingan beg, dan filem.

Kitar semula

Bilangan projek: 3

Investments: 202.7 juta

Tiga projek telah diluluskan untuk dikitar semula plastik dengan pelaburan sebanyak RM202.7 juta. Daripada bilangan ini, dua adalah projek baharu (RM199.3 juta) manakala satu adalah projek pembesaran/pelbagaiian (RM3.4 juta).

Plastik khusus

Bilangan projek: 3

Investments: RM129.9 juta

Tiga projek telah diluluskan untuk menghasilkan plastik khusus dengan pelaburan sebanyak RM129.9 juta. Daripada bilangan ini, dua adalah projek baharu (RM12.1 juta) manakala satu merupakan projek pembesaran/pelbagaiian (RM117.8 juta).

Graf 23 Pelaburan ke dalam subsektor industri produk plastik, 2013

Sejumlah 10 projek dengan pelaburan sebanyak RM233.4 juta telah diluluskan dalam sektor ini pada tahun 2013 (tidak termasuk peranti perubatan), di mana tiga adalah projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM8.6 juta manakala selebihnya adalah projek pembesaran/pelbagaiian dengan pelaburan sebanyak RM224.8 juta. Pelaburan domestik berjumlah RM210.8 juta (90%) dan pelaburan asing berjumlah RM22.6 juta (10%). Enam daripada projek yang diluluskan adalah milik penuh rakyat Malaysia (RM210 juta), dua projek adalah usaha sama (RM980,000) dan dua projek adalah milik sepenuhnya asing (RM22.4 juta). Pelaburan dalam perladangan getah pada tahun 2013 adalah sebanyak RM223.7 juta.

Kebanyakan pelaburan pada tahun 2013 adalah pada tayar dan produk

berkaitan tayar, lateks sintetik dan produk getah perindustrian dan produk getah am. Projek-projek yang diluluskan dijangka akan menjana 494 peluang pekerjaan.

Kayu dan produk kayu

Sektor berasaskan kayu di Malaysia telah menjadi salah satu sektor yang paling penting di negara ini sejak dua dekad yang lalu. Industri ini lebih banyak dimiliki oleh rakyat Malaysia, dengan kira-kira 87 peratus daripada syarikat-syarikat terdiri daripada pengeluar berskala kecil dan sederhana. Setelah bertahun-tahun, ia telah berkembang dari industri pemprosesan utama kepada industri yang lebih maju dan dipacu teknologi

dalam menghasilkan sejumlah besar produk nilai tambah hiliran.

Pada tahun 2013, sejumlah 61 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM597 juta, di mana 51 adalah pelaburan baharu bernilai RM511.5 juta (86%) dan sepuluh adalah projek pembesaran/pelbagaiian dengan pelaburan sebanyak RM85.5 juta (14%). Pelaburan domestik berjumlah RM550 juta (92%) manakala pelaburan asing berjumlah RM47 juta (8%). Projek-projek ini dijangka menyediakan peluang pekerjaan kepada 5,960 orang.


Subsektor perabot mencatat pelaburan tertinggi pada tahun 2013, menarik pelaburan bernilai RM259.4 juta (44%) dalam 41 projek.

Subsektor perabot mencatat pelaburan tertinggi pada tahun 2013, menarik pelaburan bernilai RM259.4 juta (44%) dalam 41 projek. Daripada bilangan ini, 31 adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM193 juta (74%), manakala baki enam adalah projek pembesaran/ pelbagaiaan bernilai RM66.4 juta (26%). Pelaburan domestik menyumbang sebanyak RM249.4 juta (96%) daripada jumlah pelaburan dalam subsektor ini manakala selebihnya adalah pelaburan asing sebanyak RM10 juta.

Subsektor produk panel dan subsektor kayu kumai dan pertukangan pembina kayu dan *joinery* (BCJ) menarik tujuh dan empat projek masing-masing dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM221.9 juta dan RM60 juta masing-masing. Di samping itu, 11 projek dengan pelaburan sebanyak RM55.7 juta telah diluluskan untuk mengeluarkan produk-produk lain berdasarkan kayu dan bahan-bahan seperti pelet kayu, palet, kayu gergaji dan sisa pertanian. Salah satu daripada projek tersebut adalah syarikat milik penuh rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM182.2 juta akan menghasilkan *oriented strand board*. Projek ini akan menyediakan peluang pekerjaan kepada 115 rakyat Malaysia.

Produk galian bukan logam

Industri galian bukan logam terdiri daripada produk seramik dan berdasarkan tanah liat, simen dan konkrit, produk kaca, dan lain-lain



Graf 24 Pelaburan diluluskan dalam industri berdasarkan kayu mengikut subsektor, 2013


produk galian bukan logam seperti kapur, *barite*, marmar dan granit. Pada tahun 2013, industri ini merupakan sumber pendapatan eksport ke-11 terbesar bagi Malaysia dengan nilai eksport berjumlah RM5.4 bilion. Eksport utama termasuk kaca dan barang kaca (RM1.8 bilion), produk galian (RM1.5 bilion); dan kapur, simen dan bahan-bahan fabrikasi pembinaan (RM932.2 juta).

Sejumlah 33 projek galian bukan logam telah diluluskan pada tahun 2013 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.3 bilion. Daripada jumlah ini, 19 adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM1.5 bilion (67.4%) manakala 14 adalah projek pembesaran/pelbagaiaan dengan pelaburan sebanyak RM735.2 juta (32.6%). Pelaburan domestik berjumlah RM932.5 juta (41%) dan

pelaburan asing berjumlah RM1.3 bilion (59%).

Daripada 33 projek yang diluluskan, 14 projek (RM1.2 bilion) adalah untuk simen dan produk konkrit, 11 projek adalah untuk galian bukan logam lain (RM358.3 juta), lima projek (RM79.4 juta) adalah untuk seramik dan produk tanah liat, dan tiga projek (RM657.4 juta) adalah untuk produk kaca.

Antara projek-projek signifikan yang diluluskan pada tahun 2013 adalah projek baru milik penuh asing dengan pelaburan sebanyak RM624.2 juta bagi mengeluarkan kaca apung jernih dan produk berkaitan seperti kaca bersalut dan berlapis. Projek ini akan memperkenalkan teknologi terkini untuk lapisan kaca yang boleh mengurangkan penggunaan tenaga oleh bangunan sehingga 20 peratus. Projek ini melengkapkan



Graf 25 Pelaburan diluluskan dalam industri produk galian bukan logam mengikut subsektor, 2013

pembentukan ekosistem kaca untuk aplikasi elektronik, solar, automotif dan pembinaan. Kira-kira 57 peratus daripada jumlah pengeluaran kemudahan tersebut adalah untuk eksport.

Satu lagi projek yang berorientasikan eksport adalah pembesaran oleh syarikat milik penuh asing yang melibatkan pelaburan sebanyak RM299 juta bagi mengeluarkan kalsium karbonat, kalsium oksida dan produk khusus yang lain. Projek ini adalah loji perlilangan pertama syarikat itu di Asia dan termasuk pusat R&D dengan kemudahan makmal berteknologi tinggi untuk menjalankan aktiviti penyelidikan gunaan yang membangunkan bahan-bahan dan proses baharu untuk pelbagai aplikasi untuk keluli, pembinaan, rawatan air, kertas dan cat. Sekurang-kurangnya 80 peratus daripada pengeluaran kemudahan tersebut akan dieksport.

Satu lagi projek penting adalah usaha sama baharu yang melibatkan pelaburan sebanyak RM620 juta bagi mengeluarkan clinker dan simen Portland biasa. Projek yang dicadangkan kebanyakannya akan memenuhi permintaan domestik dan akan menyaksikan penggunaan proses pengeluaran yang berautomatik tinggi dan menjimatkan pekerja, air dan elektrik.

Industri kaca dan produk kaca dijangka berkembang ke arah kaca khusus/kefungsian seperti *low-E glass* dan kaca berprestasi tinggi serta kaca lapisan khas yang memenuhi kehendak industri pembinaan dan solar. Sementara itu, bahan binaan menjadi semakin bergantung kepada gentian asli atau sintetik untuk panel pembinaan. Terdapat juga permintaan yang semakin meningkat bagi gentian kaca khusus dan kaca bersalut sebagai

penebat dalam aplikasi penjimatan tenaga.

Industri kaca dan produk kaca dijangka berkembang ke arah kaca khusus/kefungsian seperti *low-E glass* dan kaca berprestasi tinggi serta kaca lapisan khas yang memenuhi kehendak industri pembinaan dan solar.

Satu lagi bidang pertumbuhan yang berpotensi adalah subsektor produk seramik termaju, yang mempunyai aplikasi yang luas dalam industri E&E. Pada tahun 2013, Malaysia mengeksport produk E&E bernilai RM236.8 bilion yang terdiri daripada semikonduktor dan komponen yang menggunakan seramik termaju. Dengan adanya pelbagai bahan-bahan mentah, perkhidmatan sokongan dan pusat R&D yang meluas di negara ini, Malaysia sedang meletakkan dirinya dalam pembangunan ekosistem sektor seramik termaju.


Kertas, percetakan dan penerbitan

Industri kertas Malaysia telah mencatatkan 90 peratus kecukupan upaya dalam pembekalan kertas dan produk kertas. Terdapat 20 kilang kertas di negara ini dengan jumlah kapasiti pengeluaran tahunan kira-kira 1.9 juta tan metrik. Kertas buangan adalah bahan mentah utama yang digunakan oleh industri untuk menghasilkan produk kertas mereka. Setakat ini, industri ini telah menyediakan peluang pekerjaan kepada 4,000 orang.

Industri percetakan dan penerbitan domestik kebanyakannya terdiri daripada pengeluar berskala kecil dan sederhana yang berorientasikan domestik. Kini terdapat kira-kira 1,000 syarikat yang kebanyakannya beroperasi dalam percetakan umum. Pada tahun 2013, import kertas dan produk kertas berjumlah RM6.5 bilion manakala eksport berjumlah RM3.6 bilion.

Pada tahun 2013, import kertas dan produk kertas berjumlah RM6.5 bilion manakala eksport berjumlah RM3.6 bilion.

Sebanyak 22 projek telah diluluskan pada tahun 2013 dengan pelaburan sebanyak RM574.4 juta terbahagi dalam 13 projek baharu RM225.1 juta atau 39%) dan sembilan projek pembesaran/pelbagai RM349.4 juta atau 61%). Pelaburan asing berjumlah RM68.2 juta (12%), manakala pelaburan domestik menyumbang RM506.3 juta (88%) daripada jumlah keseluruhan. 22 projek ini dijangka memberi peluang pekerjaan kepada 2,253 orang dengan 20 peratus



Graf 26 Pelaburan diluluskan dalam industri kertas, percetakan dan penerbitan, 2013

daripada pekerjaan dianggap berada dalam kategori berpendapatan tinggi. Subsektor yang mempunyai pelaburan tertinggi pada tahun 2013 ialah subsektor produk kertas dengan

jumlah pelaburan bernilai RM541.3 juta dalam 17 projek diikuti oleh subsektor percetakan dan penerbitan sebanyak RM33.2 juta dalam lima projek.

A photograph showing a man from behind, wearing a dark blue polo shirt, operating a large industrial printing or paper handling machine. He is holding a long, white sheet of paper. The machine has large orange and black components, including rollers and a metal frame. In the background, there are red filing cabinets and other office equipment.

“ Industri percetakan dan penerbitan domestik terdiri daripada syarikat perkilangan kecil dan sederhana berorientasi domestik. Terdapat kira-kira 1,000 syarikat beroperasi pada masa ini, kebanyakannya dalam kerja-kerja percetakan am.

PENCETUS PERTUMBUHAN BAHARU

Sektor perkhidmatan yang diliberalisasikan mencetus minat pelabur dan mula menjana pertumbuhan ekonomi di dalam bidang yang baharu.

Atas sokongan yang berterusan daripada pihak Kerajaan Malaysia, sektor perkhidmatan terus berkembang pada tahun 2013 dan dijangka akan terus menyumbang kepada ekonomi negara pada tahun-tahun akan datang. Sektor ini merupakan penyumbang terbesar kepada pelaburan yang diluluskan di dalam ekonomi negara pada tahun 2013 (RM144.7 bilion), yang melebihi jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2012 berjumlah RM117.6 bilion sebanyak 17.7 peratus.

Sektor perkhidmatan merangkumi pelbagai jenis perkhidmatan termasuk pertubuhan serantau; perkhidmatan sokongan; syarikat berstatus MSC; harta tanah (perumahan); pengangkutan; tenaga; telekomunikasi; perdagangan pengedaran; hotel dan pelancongan; perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan kesihatan.

Pintu Masuk ke Asia

Lokasi Malaysia yang strategik serta peranannya sebagai peneraju ekonomi dalam ASEAN dan Asia telah terus menjadi pemangkin untuk menjadikan Malaysia sebuah

destinasi yang menarik dan kompetitif bagi peneraju perniagaan global untuk menubuhkan hab perniagaan serantau mereka serta secara strategik mengembangkan perniagaan mereka di Asia. Ini telah disokong kuat oleh komitmen berterusan Kerajaan dalam meneruskan dasar-dasar pro-perniagaan dan pragmatik bagi memastikan iklim pelaburan negara kekal menarik bagi menjalankan perniagaan. Bank Dunia telah meletakkan Malaysia di tempat yang ke-6 terbaik bagi menjalankan perniagaan dalam Laporan "Ease of Doing Business 2014". Sementara itu, *Global Dynamism Index (GDI)* Grant Thornton 2013 telah meletakkan Malaysia sebagai negara kedua paling dinamik di rantau ASEAN dan yang ke-13 di seluruh dunia.

Penglibatan aktif Malaysia di pelbagai peringkat serantau dan dua hala termasuk rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas telah memainkan peranan besar untuk meningkatkan peluang perdagangan dan pelaburan dalam negara ini. Inisiatif ini menyumbang kepada peningkatan peluang perdagangan dan pelaburan bagi perniagaan yang dijalankan di Malaysia. Ianya

jugalah termasuk mendapatkan akses pasaran baharu serta membolehkan pihak industri untuk menempatkan semula dan membesar operasi mereka dalam ASEAN dan Asia Pasifik untuk mempertingkatkan kehadiran mereka di rantau ini serta kelebihan daya saing mereka. Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan Kerajaan itu juga membolehkan firma-firma untuk mencapai ekonomi berskala atau penghususan dengan penubuhan rangkaian pengeluaran serantau atau global, pelengkapan perindustrian, aktiviti-aktiviti penyumberan luar yang dipertingkatkan serta penubuhan bentuk kerjasama perniagaan lain yang strategik bagi mengukuhkan pengurusan rangkaian bekalan global firma berkenaan. Setakat 31 Disember 2013, sebanyak 3,350 projek telah diluluskan untuk menubuhkan operasi serantau di Malaysia.


Ibu Pejabat Operasi (OHQ)

Setakat 31 Disember 2013, sebanyak 238 OHQ telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM4.1 bilion di Malaysia, di mana tujuh OHQ

18%

Pelaburan dalam sektor perkhidmatan meningkat daripada RM122.9 bilion pada tahun 2012 kepada RM144.7 bilion pada tahun 2013.

baharu telah diluluskan dalam tahun 2013 dengan jumlah pelaburan yang dicadangkan bernilai RM567 juta. Aktiviti-aktiviti utama OHQ yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat ini termasuk penyediaan fungsi-fungsi umum korporat seperti kewangan/perakaunan, IT, sokongan teknikal, perkhidmatan R&D, pentadbiran dan pengurusan, perkhidmatan berkaitan dengan minyak & gas serta perancangan dan penyelarasan perniagaan bagi menyokong operasi syarikat di rantau Asia Pasifik. Daripada 238 OHQ tersebut, 40 adalah daripada Amerika Syarikat; 20 masing-masing daripada United Kingdom dan Australia; 19 daripada negara Belanda; 18 daripada negara Jepun; 14 daripada negara Jerman manakala 107 adalah daripada negara-negara lain termasuk empat dari Malaysia. Sebanyak 22 syarikat yang diluluskan terlibat dalam industri minyak & gas. Kesemua OHQ ini telah menjana sebanyak 11,908 peluang pekerjaan dan tujuh projek baharu yang telah diluluskan pada tahun 2013 dijangka akan mewujudkan sebanyak 1,130 lagi pekerjaan berpendapatan tinggi bagi rakyat Malaysia.



Graf 27 Bilangan pertubuhan serantau diluluskan setakat 31 December 2013

Antara OHQ utama yang telah diluluskan pada tahun 2013 adalah pejabat serantau baharu Astrazeneca Sdn. Bhd., di mana syarikat induknya merupakan sebuah anak syarikat

produk farmaseutikal. OHQ baharu ini akan menyelaras pengurusan dan pemprosesan data dan maklumat serta R&D anak-anak syarikatnya dan syarikat-syarikat berkaitan yang

beroperasi di Asia. OHQ ini juga akan menjana sebanyak 26 peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia di mana lima daripadanya akan melibatkan aktiviti-aktiviti R&D.

Husqvarna Malaysia Sdn. Bhd. iaitu sebuah anak syarikat Husqvarna AB di Sweden, juga telah menubuhkan sebuah pejabat serantau baharu untuk melaksanakan fungsi-fungsi pemerhatian teknikal dan pengurusan serta fungsi pengawalan terhadap syarikat sekutunya dan syarikat-syarikat berkaitan yang beroperasi di Asia Pasifik. Husqvarna AB adalah pengeluar terbesar produk penjana kuasa luaran di dunia dan merupakan di antara syarikat utama dunia dalam industri peralatan pemotongan dan peralatan berlian. Syarikat ini dianggarkan memiliki 15,000 pekerja di seluruh dunia dengan produk yang terjual di lebih daripada 100 buah negara.

Sebuah lagi pemain industri utama adalah Kumpulan Jord dari Australia yang merupakan pakar dalam loji pemprosesan, pereka dalam sistem dan kelengkapan, pengilang dan pembekal perkhidmatan loji. Pasaran Jord ini adalah alumina, penapisan minyak, minyak dan gas pesisir pantai dan di luar pesisir pantai, petrokimia, penjanaan kuasa, pemprosesan galian, arang batu dan gula. Ibu pejabat operasi baharu kumpulan ini di Malaysia akan menyokong kilangnya di Rasa serta akan berperanan dan membangun sebagai hab serantau di rantau ini. Jord bergiat aktif dengan menyediakan perkhidmatan kepada industri pemprosesan di Asia Tenggara, Korea, Jepun, India dan Timur Tengah. Perlantikan awal pekerja syarikat dalam OHQ Jord akan menjadi asas bidang pengurusan, pemerolehan, perkhidmatan, sokongan teknikal kawalan kualiti serta sumber manusia kepada perniagaan Jord yang kian berkembang di rantau ini. Projek ini dijangka akan menjana 11 peluang perniagaan kepada rakyat Malaysia.

Sebuah lagi syarikat yang berpangkalan di Australia yang telah menubuhkan pejabat serantau di Malaysia pada tahun lepas ialah Stellar International Ltd. iaitu penyedia utama perkhidmatan kandungan bagi hiburan dalam penerbangan di Asia. Stellar Corporate Services Sdn. Bhd. akan menyelaras perancangan perniagaan, pengurusan data, sokongan teknikal dan pemasaran syarikat-syarikat yang berkaitannya di Asia. OHQ ini akan mewujudkan 24 pekerjaan bagi rakyat Malaysia.

Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC)

Sebanyak 237 Pusat Pemerolehan Antarabangsa (IPC) telah diluluskan setakat 31 Disember 2013 dengan jumlah pendapatan jualan tahunan dianggarkan bernilai RM75.1 bilion, manakala pelaburan dalam kesemua IPC ini berjumlah RM8.5 bilion. Sebanyak 127 (53.6%) daripada IPC ini menyediakan perkhidmatan kepada industri E&E manakala IPC yang lainnya memberi perkhidmatan kepada industri kimia/petrokimia (32), industri jentera dan peralatan perindustrian (18), industri tekstil (10), industri O&G (10); industri perabot (8) dan industri-industri lain.

Sebanyak lima IPC telah diluluskan dengan insentif pada tahun 2013 melibatkan pelaburan berjumlah RM1.3 bilion dan jumlah pendapatan jualan tahunan dianggarkan sebanyak RM2 bilion. IPC ini akan mewujudkan peluang pekerjaan bagi 639 rakyat Malaysia terutamanya dalam kategori pengurusan, teknikal dan tenaga mahir.

Antara projek utama yang diluluskan termasuk sebuah IPC baharu bagi Ismeca Malaysia Sdn. Bhd, iaitu sebuah anak syarikat milik sepenuhnya Cohu Semiconductor Equipment Group, Switzerland. Cohu adalah pembekal utama dunia dalam

peralatan ujian IC dan LED, modul ujian sistem mekanikal elektro-mikro (MEMS), peralatan *back end finishing* dan *thermal sub-systems* yang digunakan dalam ujian akhir, ujian peringkat yang digunakan di loji-loji semikonduktor. IPC ini akan mewujudkan 63 peluang pekerjaan dengan pendapatan berjumlah RM3,000 ke atas untuk rakyat Malaysia bagi menyokong operasinya dalam memperolehi bahan mentah dan komponen untuk operasi pengilangannya serta untuk mengedarkan keluaran siapnya ke pasaran global.

Sementara itu, Minebea Co. Ltd dari negara Jepun telah membesarlu operasinya di Malaysia dengan menubuhkan sebuah IPC untuk menggabungkan aktiviti-aktiviti pemerolehan dan pengedaran syarikat, terutamanya bagi pasaran ekspor dengan pulangan jualan berjumlah RM271 juta menjelang tahun ketiga operasinya. Syarikat ini terlibat dalam pengilangan, jualan dan pemasaran jentera dan peralatan elektronik.

Pusat Pengedaran Serantau (RDC)

Sebanyak 30 Pusat Pengedaran Serantau (RDC) telah diluluskan setakat 31 Disember 2013, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM361.5 juta dan pendapatan jualan tahunan bernilai RM3.3 bilion. Sebanyak 728 peluang pekerjaan akan diwujudkan oleh kesemua RDC ini, di mana 90.5 peratus adalah akan diisi oleh rakyat Malaysia.

Sebuah daripada dua projek RDC yang telah diluluskan dalam tahun 2013 adalah hab pengedaran baharu Epson Toyocom Malaysia Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat milik sepenuhnya Seiko Epson Corporation dari Jepun yang menghasil, mengeluarkan dan memasarkan peralatan berkaitan

maklumat, alat-alat elektronik dan produk-produk kepersisan. RDC syarikat tersebut telah diluluskan dengan insentif yang melibatkan jumlah pelaburan bernilai RM31 juta dan anggaran jumlah pendapatan jualan tahunan bernilai RM385 juta.

Pusat Pengurusan Perbendaharaan (TMC)

Penubuhan sebuah TMC adalah bertujuan untuk menggalakkan syarikat-syarikat menggunakan Malaysia sebagai pangkalan untuk menjalankan aktiviti pengurusan perbendaharaan serantau/global bagi kumpulan syarikat berkaitannya di dalam atau di luar negara.

Setakat 31 Disember 2013, sebanyak empat Pusat Pengurusan Perbendaharaan (TMC) telah diluluskan dengan jumlah pelaburan bernilai RM66.6 juta. Sebanyak 77 peluang pekerjaan akan diwujudkan oleh TMC tersebut untuk disi oleh rakyat Malaysia. Keempat-empat TMC telah diluluskan pada tahun 2013.

Pejabat Serantau/Perwakilan (RE/RO)

Setakat 31 Disember 2013, sebanyak 938 Pejabat Serantau (RO) dan 1,903 Pejabat Perwakilan (RE) telah diluluskan. RO dan RE ini ditubuhkan untuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan dan untuk menyelaras aktiviti-aktiviti perniagaan bagi syarikat induk mereka.

Pada tahun 2013, sebanyak 68 RO dan 96 RE telah diluluskan dengan jumlah perbelanjaan bernilai RM2.1 bilion. RE/RO tersebut dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan untuk 488 rakyat Malaysia.


Pusat Operasi Global

Peranan fungsi rantaian bekalan telah menjadi semakin penting dan bersepada dalam syarikat multinasional pada tahun-tahun kebelakangan ini dan menjadi lebih kompleks dan signifikan dalam urusan perniagaan global hari ini. Bahagian rantaian nilai yang boleh dijalankan di luar pesisir telah meningkat dari segi nilai ditambah dan kompleksiti di mana jenis perkhidmatan-perkhidmatan yang berbeza adalah dikendalikan merentasi sempadan, dan meliputi sebilangan besar negara yang mempunyai pengkhususan dalam bahagian berlainan ekosistem pengeluaran perkhidmatan.

Menurut UNCTAD, sebahagian besar proses dan perkhidmatan pengeluaran

rantaian bekalan global sedang berlaku dalam negara membangun, terutamanya yang mempunyai dasar pro-perniagaan yang berkualiti. Pada tahun 2013, Malaysia kekal sebagai negara pilihan bagi beberapa syarikat multinasional utama sebagai pusat operasi global mereka berikutnya dasar negara yang pro-perniagaan dan dasar Kerajaan yang mesra pelabur, dilengkapi oleh kemudahan infrastrukturnya yang bertaraf dunia, kecekapan kos dalam menjalankan perniagaan, perkhidmatan perbankan dan kewangan yang cemerlang, serta tenaga kerja profesional dan teknikalnya yang berkemahiran tinggi dan berbilang budaya dan serta bertutur pelbagai-bahasa.

Pada tahun 2013, sembilan pusat operasi global telah diluluskan dengan



Malaysia menawarkan ruang pejabat premium pada kadar yang paling kompetitif di Asia

jumlah pelaburan bernilai RM7.9 bilion dan peluang pekerjaan sebanyak 15,877. Projek pusat operasi global ini akan menjana kesan sampingan yang signifikan pada ekonomi.

Projek yang telah diluluskan pada tahun 2013 mencerminkan sifat industri Malaysia yang telah mengalami perubahan. Intel telah menujuhkan Pusat Perkhidmatan Global (GSC) di Pulau Pinang untuk mengukuhkan operasi global syarikatnya, manakala Knowles Electronics akan membesarkan operasi sedia ada dengan memainkan peranan yang lebih penting dalam pengurusan rantaian bekalan syarikat, fungsi layanan pelanggan dan pengurusan perbendaharaan. Oleh kerana Malaysia adalah pusat pengedaran global dan utama bagi syarikat Kumpulan Knowles, pasaran pengedarannya akan juga dikembangkan daripada 25 negara kepada 54 negara.

BMW Asia Technology Centre Sdn. Bhd. juga akan membesarkan operasi sedia adanya dengan mengadakan lebih banyak aktiviti perkhidmatan bernilai ditambah tinggi dengan jumlah pelaburan bernilai RM150 juta dan 25 peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia. Sementara itu, Exxon Mobil Business Support Centre Malaysia Sdn. Bhd. akan menujuhkan Pejabat Sokongan Global (*Global Support Office*, GSO) di Kuala Lumpur yang akan mewujudkan 70 peluang pekerjaan untuk jurutera tempatan.

Logistik

Subsektor logistik merangkumi Perkhidmatan Logistik Bersepada (*Integrated Logistics Services*, ILS), Perkhidmatan Logistik Bersepada Antarabangsa (*International Integrated Logistics Services*, IILS) dan aktiviti-aktiviti Rangkaian Bilik Sejuk. Insentif-insentif yang tersedia bagi syarikat-



Malaysia merupakan negara pilihan bagi beberapa syarikat multinasional (MNC) utama sebagai pusat operasi global mereka

syarikat yang terlibat dalam tiga subsektor ini adalah berbeza mengikut keupayaan dan skop pelaburan syarikat.

Insentif ILS diberikan kepada syarikat logistik yang menjalankan perkhidmatan pergudangan, pengangkutan, penghantaran barang dan perkhidmatan bernilai ditambah lain yang berkaitan seperti pengedaran dan pengurusan rantaian bekalan yang dilaksanakan secara bersepada. Setakat 31 Disember 2013, sebanyak 49 syarikat dengan pelaburan bernilai RM3.5 bilion telah diberikan insentif. Daripada kesemua syarikat ini, lapan adalah projek baru dan 41 merupakan projek pembesaran.

Pada tahun 2013, sebanyak 15 syarikat telah diluluskan insentif ILS untuk pembesaran projek mereka dan satu syarikat telah diluluskan sebagai projek baharu. Syarikat-syarikat ini sedang menceburu aktiviti-aktiviti logistik konvensional serta perkhidmatan bernilai ditambah seperti pembungkusan, pembungkusan semula, dan pelabelan semula dengan jumlah pelaburan sebanyak RM880.5 juta.

Berbeza dengan syarikat-syarikat ILS, syarikat berstatus IILS menyediakan perkhidmatan logistik yang bersepada dan lancar (pintu-ke-pintu) sepanjang rantaian nilai logistik sebagai satu entiti tunggal pada skala serantau atau global. Satu Lesen Ejen Kastam akan dikeluarkan kepada IILS yang layak. Pada tahun 2013, sebanyak 15 syarikat telah diluluskan status IILS yang akan membolehkan syarikat untuk memperluaskan aktiviti mereka secara global.

Syarikat yang menyediakan aktiviti Rantaian Bilik Sejuk seperti perkhidmatan bilik dingin dan trak pendinginan untuk hasil pertanian mudah rosak iaitu buah-buahan, sayur-sayuran, bunga, paku pakis dan daging serta produk akuatik, adalah layak untuk dipertimbangkan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan. Pada tahun 2013, tiga buah syarikat dengan pelaburan bernilai RM10.3 juta telah diluluskan insentif-insentif tersebut.

Perkhidmatan tenaga

Minyak & gas

Kerajaan kini memberi tumpuan kepada tiga matlamat utama dalam membangunkan industri minyak & gas (O&G) Malaysia: pengeluaran O&G yang mampan, mempertingkatkan pertumbuhan hiliran; dan menjadikan Malaysia hab Asia bagi perkhidmatan medan minyak. Selaras dengan itu, MIDA kini menekankan usaha-usaha pembangunan dan promosi terhadap aktiviti dan perkhidmatan O&G yang disasarkan seperti berikut:

- kepakaran dalam pemulihian minyak yang diperbaiki/dipertingkatkan.
- Pembekal penyelesaian bersepadu bagi telaga marginal/telaga laut dalam/karbon dioksida tinggi/telaga tekanan tinggi dan suhu tinggi
- Perkhidmatan medan minyak & kelengkapan (OFSE)
- Pusat penyimpanan dan pembekalan
- Penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih/pemeriksaan/perkhidmatan pengujian.
- Perolehan data seismik/interpretasi/pemprosesan.
- Rekabentuk kejuruteraan, pemerolehan dan pembinaan fasiliti pengeluaran; dan
- Perkhidmatan kejuruteraan penghakisan dan kejuruteraan alam sekitar.

Perkhidmatan O&G yang disasarkan ini akan menyumbang kepada

penjanaan pelaburan langsung domestik dan asing yang berkualiti. Membangunkan kapasiti pengusaha industri tempatan, di samping membantu mereka menaikkan taraf teknologi juga merupakan salah satu daripada sasaran utama negara dalam memastikan momentum pertumbuhan mampan industri perkhidmatan O&G ini.

Pada tahun 2013, MIDA telah membantu tujuh buah projek dengan pelaburan komited berjumlah RM5.5 bilion. Projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 330 peluang pekerjaan. Syarikat-syarikat adalah terlibat dalam aktiviti huluan dan pertengahan yang merangkumi penubuhan sebuah pusat teknikal serantau bagi perkhidmatan O&G, sebuah fasiliti bagi pusat perkhidmatan dan pengedaran kelengkapan tenaga minyak serantau, terminal petroleum laut dalam bebas serta *floating solution* bagi kejuruteraan laut dalam.

Tenaga boleh diperbaharui

Usaha Kerajaan untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti perindustrian yang lebih hijau dan lebih lestari telah mula mendatangkan hasil dengan peningkatan populariti penyelesaian tenaga mesra alam dalam kedua-dua sektor pengguna dan industri.

Tenaga boleh diperbaharui akan memainkan peranan penting dalam campuran bekalan tenaga negara pada masa akan datang dan pihak Kerajaan telah menetapkan beberapa sasaran yang jelas bagi menggalakkan sektor ini - menjelang tahun 2015, lima peratus (985 MW) daripada keperluan tenaga negara perlu diperolehi daripada sumber tenaga boleh diperbaharui, dan menjelang tahun 2020, sekurang-kurangnya 11% daripada tenaga negara perlu

diperolehi daripada tenaga yang boleh diperbaharui. Satu daripada langkah yang diperkenalkan untuk menggalakkan pembangunan projek-projek tenaga boleh diperbaharui ialah mekanisme *Feed-in-tariff* (FiT), di mana pengeluar-pengeluar tenaga boleh diperbaharui dibenarkan menjual balik tenaga lebihan mereka kepada grid nasional pada kadar premium yang menarik. Mekanisma ini adalah terpakai kepada projek-projek yang menjana tenaga boleh diperbaharui daripada solar, biojisim/biogas, atau sumber mini-hidro.

Pada tahun 2013, sebanyak 49 projek yang akan menjana tenaga boleh diperbaharui daripada sumber-sumber tersebut telah diluluskan dengan jumlah pelaburan bernilai RM1.7 bilion, yang mana kebanyakannya adalah dari sumber-sumber domestik (RM1.4 bilion atau 79%) manakala pelaburan asing menyumbang sebanyak RM360.5 juta (21%). Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan 969 peluang pekerjaan dalam subsektor ini. Sebagai perbandingan, hanya 33 projek dalam tenaga boleh diperbaharui telah diluluskan insentif dalam tahun 2012 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.2 bilion.


Projek yang paling ketara dalam subsektor ini adalah sebuah projek bernilai RM506.3 juta untuk membina loji tenaga geotermal pertama negara di Tawau, Sabah. Apabila siap, loji itu akan mempunyai anggaran kapasiti secara teori sebanyak 30 MW. Satu lagi dandang terma berjumlah RM125 juta di Kerteh, Terengganu akan menggunakan sumber bahan mentah biomas dan biogas untuk menjana kira-kira 164 MT sejam, manakala kompleks parkir kereta di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) tidak lama lagi akan dipasang dengan kanopi panel solar yang melibatkan pelaburan sebanyak RM131.7 juta yang akan menjana 10 MW bekalan letrik. Kuasa wat ini akan

dibekalkan kepada TNB di bawah program Feed-in-Tariff.

Kecekapan tenaga dan pemuliharaan

Selain meningkatkan kapasiti tenaga boleh diperbaharui bagi negara, Kerajaan juga menyediakan insentif-insentif bagi projek-projek yang bertujuan meningkatkan kecekapan infrastruktur tenaga semasa dan memulihara sumber semula jadi. Insentif-insentif ini meliputi sistem kecekapan tenaga dan teknologi seperti indeks bangunan hijau (*Green Building Index, GBI*) serta insentif cukai lain, rebat dan pengecualian duti import dan cukai jualan. Insentif-insentif ini juga memberikan syarikat-syarikat perkhidmatan tenaga (*energy services companies, ESCO*) kelebihan tambahan apabila memasarkan perkhidmatan syarikat kepada bakal pelanggan.

Pada tahun 2013, sebanyak 16 projek dalam kecekapan tenaga dengan jumlah pelaburan berjumlah RM31.7 juta telah diluluskan dengan insentif di mana hampir kesemuanya (RM30.3 juta atau 96%) adalah daripada sumber domestik. Pelaburan-pelaburan ini dijangka akan menyediakan 210 peluang pekerjaan dalam subsektor ini. Pada tahun 2012, sebanyak 17 projek dalam kecekapan tenaga telah diluluskan insentif dengan jumlah pelaburan bernilai RM1.01 bilion. Lebih banyak publisiti diperlukan untuk menambah kesedaran mengenai kelebihan kompetitif dalam meningkatkan kecekapan tenaga dan insentif yang disediakan untuk projek-projek sedemikian.



Graf 28 Pelaburan dalam projek tenaga diperbaharui mengikut teknologi, 2013

Lebih banyak publisiti diperlukan untuk menambah kesedaran mengenai kelebihan kompetitif dalam meningkatkan kecekapan tenaga dan insentif yang disediakan untuk projek-projek sedemikian.

Projek-projek kecekapan tenaga yang diluluskan pada tahun 2013 kebanyakannya melibatkan hotel yang telah melabur sebanyak RM24.5 juta ke dalam 10 projek untuk menaik taraf peralatan tenaga terma hotel yang semakin usang. Baki selebihnya, projek-projek kecekapan tenaga yang diluluskan dengan insentif kebanyakannya adalah daripada syarikat-syarikat lain dalam

sektor perkilangan dan subsektor perkhidmatan.

Janakuasa dan utiliti

Subsektor ini meliputi pengeluar tenaga bebas (*independent power producers, IPP*) serta penjanaan, pengaliran dan pengagihan elektrik oleh TNB, Syarikat SESCO Bhd. (*SESCO*) dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (*SESB*). Ia juga meliputi perkhidmatan utiliti air oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (*SPAN*) dan Pengurusan Aset Air Berhad (*PAAB*).

Pada tahun 2013, pelaburan bernilai RM9.1 bilion telah diluluskan dalam subsektor ini, di mana kesemuanya adalah pelaburan domestik. Sebagai perbandingan, pelaburan yang diluluskan dalam subsektor kuasa dan utiliti pada tahun 2012 adalah

“ Loji geotermal bernilai RM506.3 juta di Tawau, Sabah akan mempunyai potensi kapasiti 30 MW apabila siap. Sebanyak 49 projek tenaga boleh diperbaharui yang bernilai RM1.7 bilion telah diluluskan pada tahun 2013.



berjumlah RM12.6 bilion. Subsektor ini kekal sebagai salah satu penyumbang utama kepada pelaburan dalam sektor perkhidmatan

Perkhidmatan profesional dan lain-lain

Sejak tahun 2009, Kerajaan telahpun meliberalisasikan 45 subsektor perkhidmatan termasuklah perkhidmatan pelancongan, perkomputeran, penjagaan kesihatan, pendidikan, perkhidmatan perniagaan dan profesional. Liberalisasi ini adalah bertujuan meningkatkan daya saing sektor perkhidmatan dan dijangka akan dapat menarik pelaburan swasta, menggalakkan pemindahan teknologi dan kepakaran serta mewujudkan peluang pekerjaan yang bernilai tinggi.

Liberalisasi subsektor perundangan, kejuruteraan, senibina dan ukur bahan masih belum dilaksanakan dan masih dalam pemindaan Akta-akta dan peraturan yang berkaitan. Perkhidmatan Kejuruteraan Besepadu dan Amalan Pelbagai Bidang juga telah dikaji semula bagi mewujudkan lebih banyak peluang kepada pembekal perkhidmatan asing tanpa menjelaskan integriti dan kualiti dalam penyampaian perkhidmatan tersebut. Pihak Kerajaan akan terus meneroka kemungkinan untuk meliberalisasikan secara progresif subsektor perkhidmatan lain yang mampu menyumbang dan menambah nilai kepada pembangunan ekonomi negara.

Perkhidmatan kejuruteraan

EPP 5 (*Nurturing Pure-Play Engineering Services*) merupakan salah satu daripada enam EPP utama dalam NKEA Perkhidmatan Perniagaan di bawah ETP. EPP ini mempunyai aspirasi untuk memupuk daya saing global bagi syarikat perkhidmatan kejuruteraan aeroangkasa dan automotif di Malaysia dengan menggalakkan suasana pasaran yang mampu menarik perkhidmatan kejuruteraan berteknologi tinggi ke dalam negara. Berdasarkan kepada Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), industri perkhidmatan kejuruteraan aeroangkasa dan automotif dijangkakan berkembang kepada RM3.3 bilion pada tahun 2020 berbanding RM50 juta pada tahun 2011. Sehingga kini, terdapat hampir 400 jurutera dalam sektor perkhidmatan kejuruteraan *pure play* dan angka ini disasarkan akan meningkat kepada 11,550 menjelang tahun 2020.

Dengan asas sedia ada yang kukuh dan bilangan besar graduan kejuruteraan yang akan memasuki bidang pekerjaan, Malaysia berada di kedudukan yang baik untuk mengembangkan perkhidmatan kejuruteraannya.

Dengan asas sedia ada yang kukuh dan bilangan besar graduan kejuruteraan yang akan memasuki bidang pekerjaan, Malaysia berada di kedudukan yang baik untuk

mengembangkan perkhidmatan kejuruteraannya.

Malaysia telahpun bersedia membangunkan sektor perkhidmatan kejuruteraannya berikutan asas sedia ada yang kukuh serta bilangan graduan yang mencukupi.

Sebuah pelaburan yang ketara dalam subsektor ini pada tahun 2013 adalah merupakan pelaburan dari projek pusat pembangunan dan latihan penerbangan baharu di Subang, Selangor dengan pelaburan bernilai RM17.2 juta. Pusat latihan ini akan menyediakan penyelesaian kejuruteraan dan rekabentuk serta perkhidmatan latihan teknikal kepada jurutera tempatan. Syarikat ini dijangka akan mengambil 50 orang jurutera tempatan yang akan menjalani latihan teknikal penerbangan yang khusus. Ini adalah bagi mencapai matlamat membentuk kumpulan jurutera rekabentuk aeroangkasa tempatan yang berpengalaman dan berkemahiran dengan kapasiti tertentu bagi rekabentuk, analisa dan pembangunan aeroangkasa.

Penyelidikan dan pembangunan

Perkhidmatan R&D bebas meliputi rekabentuk perindustrian (aktiviti rekabentuk dan prototaip produk serta pembangunan proses) dan perkhidmatan penyelidikan yang disediakan oleh syarikat rekabentuk, syarikat kontrak R&D, dan syarikat-syarikat R&D. Syarikat-syarikat R&D yang khusus ini turut melengkapi institusi dan universiti R&D sedia ada.

Ekoran trend dunia perbelanjaan, R&D kian meningkat di seluruh dunia, pelaburan dalam subsektor R&D di Malaysia telah melonjak secara mendadak daripada RM7.6 juta pada tahun 2011 kepada RM386.1 juta pada tahun 2013. Daripada jumlah

ini, sebanyak RM167.7 juta (43.4%) adalah pelaburan asing manakala RM218.4 juta (56.6%) pula merupakan pelaburan tempatan. Sebanyak 23 projek telah diluluskan dengan insentif cukai R&D dan rekabentuk serta status R&D sepanjang tahun ini dimana tujuh daripadanya terdiri daripada syarikat yang dianugerahkan status R&D Kontrak bagi menyediakan perkhidmatan kepada industri penjagaan kesihatan, biofuel, M&E,E&E dan industri automotif.

Sebanyak 10 lagi syarikat telah dianugerahkan Status Syarikat R&D kerana memberi perkhidmatan kepada syarikat ahli gabungan berkaitan dalam sektor perlombongan, tenaga, E&E, jentera, peranti perubatan, automotif, industri kelapa sawit, pertanian dan pengeluaran makanan. Tiga syarikat rekabentuk dan tiga syarikat lain telah diluluskan dengan insentif galakan istimewa bagi projek berdasarkan R&D mereka. Pelaburan ini dijangka mewujudkan sebanyak 1,550 peluang pekerjaan.

Pelaburan dalam R&D pada tahun 2013 akan menambahkan tenaga kerja teknikal dan penyelidikan, meningkatkan pelantikan penyelidik, menambah pendaftaran paten dan rekabentuk dan akhirnya menyumbang kepada perbelanjaan R&D yang lebih tinggi di negara ini. Kemajuan yang berterusan ini mencerminkan komitmen negara ke arah menjadi ekonomi berpengetahuan tinggi.

Syarikat berstatus MSC

Pada tahun 2013, sebanyak 236 syarikat telah diluluskan status MSC dengan pelaburan berjumlah RM3 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM2.3 bilion (77.9%) manakala pelaburan asing berjumlah RM664.8 juta (22.1%). Sebanyak 13,011 peluang pekerjaan dijangka akan diwujudkan oleh syarikat yang diluluskan Status MSC ini. Sebagai perbandingan,



Syarikat yang layak dapat menikmati pelbagai insentif untuk menyokong pembangunan aktiviti penyelidikan dan inovasi mereka

sebanyak 213 syarikat telah dianugerahkan Status MSC dengan pelaburan yang diluluskan berjumlah RM2.9 bilion pada tahun 2012.

Hartanah (perumahan)

Hartanah meliputi industri perumahan (tidak termasuk bangunan komersial) di Malaysia. Pada tahun 2013, sebanyak 1,400 projek telah diluluskan dengan jumlah pelaburan bernilai RM83.3 bilion dimana hampir kesemuanya merupakan pelaburan domestik. Berbanding dengan tahun 2012, sebanyak 1,704 projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM58.8 bilion.

Pengangkutan

Subsektor pengangkutan meliputi pengangkutan maritim, penerbangan serta pembinaan dan penyelenggaraan lebuhraya.

Pada tahun 2013, sebanyak 63 projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM7.9 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM7 bilion (88.5%) manakala pelaburan asing berjumlah RM908.3 juta (11.5%). Sebanyak 2,165 peluang pekerjaan dijangka akan diwujudkan oleh sektor ini. Sebagai perbandingan, pelaburan yang diluluskan dalam subsektor pengangkutan pada tahun 2012 berjumlah RM8.7 bilion.

Pelaburan yang diluluskan pada tahun 2013 kebanyakannya adalah

dalam subsektor jalan dengan empat projek bernilai RM4.1 bilion manakala 45 projek telah diluluskan dalam subsektor penerbangan dengan pelaburan berjumlah RM3.5 bilion.

Telekomunikasi

Subsektor telekomunikasi meliputi kemudahan rangkaian, perkhidmatan perangkaian, perkhidmatan aplikasi (termasuk perkhidmatan aplikasi kandungan), pos dan penyiaran.


Pada tahun 2013, jumlah pelaburan dalam subsektor ini bernilai RM5.8 bilion, yang kesemuanya adalah pelaburan domestik. Sebagai perbandingan, pelaburan yang diluluskan dalam subsektor telekomunikasi pada tahun 2012 berjumlah RM10.1 bilion.

Perkhidmatan kewangan

Pelaburan dalam perkhidmatan kewangan merangkumi perbankan, insurans dan pasaran modal (modal teroka, pengurusan dana, penasihat dan pembrokeran pelaburan).

Pada tahun 2013, sebanyak 63 projek telah diluluskan dalam subsektor perkhidmatan kewangan dengan pelaburan berjumlah RM3.1 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM2.8 bilion (90.9%) manakala pelaburan asing berjumlah RM283.9 juta (9.1%).

Perbankan menarik jumlah pelaburan terbesar dalam subsektor perkhidmatan kewangan dengan RM2.8 bilion (90.6%) diikuti insurans sebanyak RM254.7 juta). Pelaburan ke dalam industri perbankan telah dikuasai oleh aktiviti perbankan Islam dengan pelaburan sebanyak RM1.5 bilion.



Graf 29 Pelaburan dalam perdagangan pengedaran mengikut industri, 2013

Perdagangan pengedaran

Subsektor perdagangan pengedaran merangkumi perdagangan borong dan runcit; pasaraya besar/pasaraya, gedung membeli-belah serta jualan langsung, francais, dan projek yang diluluskan di bawah Akta Pembangunan Petroleum (PDA) 1974.

Pada tahun 2013, sejumlah 1,397 projek telah diluluskan dalam subsektor ini dengan pelaburan berjumlah RM5 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM3.4 bilion (68.5%), manakala pelaburan asing berjumlah RM1.6 bilion (31.5%).

Hotel dan pelancongan

Subsektor hotel dan pelancongan menarik sebanyak 122 projek dengan jumlah pelaburan yang diluluskan bernilai RM7 bilion pada tahun 2013. Seperti tahun sebelumnya, pelaburan domestik menyumbang sebahagian besar pelaburan dalam subsektor ini (RM6.2 bilion atau 88.3%), manakala pelaburan asing mewakili selebihnya (RM825.4 juta atau 11.7%). Sebuah projek utama yang diluluskan dalam subsektor hotel dan pelancongan adalah projek hotel bersepadu di Kuala Lumpur daripada St. Regis Hotel Chain yang bertaraf antarabangsa. Projek ini akan menaikkan profil Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi perjalanan mewah di samping membantu objektif NKEA Greater KL/KV untuk mentransformasikan ibu negara Malaysia menjadi metropolis bertaraf dunia.

Perkhidmatan pendidikan

Perkhidmatan pendidikan adalah salah satu daripada subsektor yang baru-baru ini telah diliberalisasikan oleh kerajaan Malaysia. Sebanyak 617 projek telah diluluskan dalam subsektor ini pada tahun 2013 yang melibatkan pelaburan berjumlah RM2.1 bilion yang melebihi dua kali ganda daripada RM936.6 juta yang dicatatkan pada tahun 2012. Pelaburan domestik berjumlah RM2 bilion (91.5%) manakala pelaburan asing berjumlah RM182.7 juta (8.5%).

Kebanyakan pelaburan dalam subsektor ini adalah ke dalam kolej/universiti swasta yang telah menarik sebanyak 34 projek bernilai RM1.9 bilion dalam jumlah pelaburan, diikuti oleh bagi 52 projek untuk pusat-pusat

kemahiran (RM176 juta) dan 531 projek untuk institusi pendidikan swasta (RM41.8 juta).

Salah satu projek utama yang diluluskan adalah Universiti Perdana dengan pelaburan berjumlah RM695 juta yang merupakan sebuah projek perkongsian awam-swasta (PPP) yang akan mewujudkan 377 peluang pekerjaan di mana 94 peratus daripadanya adalah untuk rakyat Malaysia dengan 99 peratus dijangka memperoleh pendapatan lebih daripada RM3,000 sebulan. Universiti Perdana adalah usaha sama dengan universiti terkenal dunia iaitu John Hopkins University School of Medicine (JHUSOM) dan Royal College of Surgeons Ireland (RCSI). Ia akan menjadi universiti pertama di

dunia yang menawarkan dua program sarjana muda perubatan.

Perkhidmatan kesihatan

Satu lagi subsektor yang baru-baru ini juga telah diliberalisasikan ialah subsektor perkhidmatan kesihatan, yang meliputi institusi penjagaan kesihatan swasta seperti hospital swasta dan pusat penjagaan ambulatori swasta. Pada tahun 2013, sebanyak 20 projek telah diluluskan dalam subsektor ini yang kebanyakannya melibatkan pelaburan domestik berjumlah RM1.9 bilion. Ini adalah melebihi empat kali ganda jumlah pelaburan yang diperolehi pada tahun 2012 (RM339.6 juta bagi enam projek).

MAJU DENGAN YAKIN KE HADAPAN

Walaupun keadaan ekonomi global masih penuh dengan ketidakpastian, kekuatan asas Malaysia dijangka akan memastikan negara berada pada haluan yang mantap pada tahun 2014 dan tahun-tahun berikutnya.

Lima tahun selepas krisis kewangan global memudarkan ekonomi dunia, negara-negara maju secara perlahan mula mengambil langkah tegas ke arah pemulihian ekonomi pada tahun 2013. Kembalinya pengguna Amerika yang berbelanja besar telah membantu pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat sebanyak 3.2% pada suku terakhir tahun 2013 yang menyebabkan ramai pakar ekonomi menyemak semula unjuran awal mereka yang suram terhadap ekonomi terbesar dunia tersebut. Dasar fiskal yang tegas di Jepun dan reformasi mantap di Eropah juga mula menampakkan hasil. Hasilnya, KDNK global meningkat sebanyak 2.4% pada tahun 2013¹.

Dengan perkembangan positif pada tahun 2013, Bank Dunia menjangka ekonomi global akan berkembang sebanyak 3.2% pada tahun 2014 - dengan beberapa kaveat - dibantu bersama oleh pemulihian berterusan ekonomi maju, khususnya tiga ekonomi besar iaitu Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun. Pemulihian dalam negara yang maju di dunia akan memacu eksport daripada

negara membangun yang akan terus mengalami kadar pertumbuhan pesat sebanyak kira-kira 5.3%

Aseanomik Baharu

Berhampiran dengan negara, prospek pasaran tunggal ASEAN kini mendorong dalam mempercepatkan perdagangan antara rantau di kalangan negara anggota yang telah melonjak tiga kali ganda kepada lebih daripada AS\$400 bilion sepanjang dekad yang lalu. Syarikat perniagaan ASEAN yang mahu mengambil kesempatan daripada integrasi ASEAN telahpun mula mencari kelebihan sebagai penggerak pertama terhadap pesaing dan penjana pelaburan asing seperti Amerika Syarikat, Eropah, China dan Jepun telah mula mengambil perhatian.

Integrasi ekonomi ASEAN akan memberikan pelabur akses kepada pasaran tunggal yang mempunyai lebih daripada 600 juta pengguna yang sedang melalui tempoh pertumbuhan ekonomi yang pesat. Dengan ekonomi yang bernilai lebih daripada AS\$2.31 trillion (2012), pasaran tunggal ASEAN akan menjadi

ekonomi ketiga terbesar di Asia selepas China dan Jepun². Bilangan 600 juta penduduk dan syarikat perniagaan ASEAN berasal dari pelbagai latar belakang, daripada berpendapatan rendah kepada berpendapatan tinggi dan negara yang mereka duduki berada di peringkat pembangunan industri yang sangat berbeza, dari negara Singapura dan Malaysia yang dipacu oleh inovasi ke negara Viet Nam dan Kemboja yang didorong oleh faktor pengeluaran.

Oleh itu, pasaran tunggal ASEAN adalah sangat menarik kepada pelbagai jenis perniagaan, daripada jenama pengguna mewah untuk pengguna yang kaya di rantau ini kepada firma yang menawarkan perkhidmatan kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan, pemasangan dan pentaulahan (*engineering, procurement, construction, installation and commissioning, EPCIC*) bagi pelan infrastruktur negara anggota. Pelabur asing bukan-ASEAN akan teruja untuk mengambil kesempatan ke atas peluang yang dihasilkan oleh

¹ Anggaran. "Global Economic Prospects", Januari 2014; Bank Dunia.

² ASEAN Secretariat

faktor dinamik ini. Syarikat-syarikat ASEAN tidak mempunyai keupayaan atau pengalaman untuk melakukan segalanya secara sendiri, khususnya dalam projek infrastruktur utama yang memerlukan tahap kepakaran teknologi atau pengetahuan kejuruteraan yang tinggi. Mereka akan memerlukan rakan kongsi yang berpengalaman untuk kesemuanya bermula daripada projek *enhanced oilfield recovery* (EOR) kepada pemasangan penjana kuasa menggunakan angin. Dalam hal ini, mereka akan memerlukan syarikat asing untuk membantu merapatkan sebarang jurang yang mereka hadapi.

Sektor awam juga akan memerlukan bantuan untuk membangunkan infrastruktur bagi menyokong wawasan pasaran tunggal ASEAN - jalan raya, landasan kereta api, tenaga, air dan komunikasi. ASEAN telah menubuhkan Dana Infrastruktur ASEAN (*ASEAN Infrastructure Fund*, AIF) berjumlah AS\$485 juta untuk membantu membayai projek-projek ini. Seterusnya, Bank Pembangunan Asia menganggarkan bahawa rantau ini akan membelanjakan AS\$60 bilion ke atas enam projek infrastruktur

baru setiap tahun³. Jika firma EPCIC asing ini berpandangan jauh, mereka akan mempunyai alasan yang kuat untuk mengharapkan aliran kerja yang berterusan daripada sektor awam dan swasta ASEAN pada tahun-tahun yang akan datang. Pelabur asing yang menjadi rakan kongsi kepada firma Malaysia dalam projek-projek ini akan mempunyai kelebihan daya saing yang jelas, dan pada tahun 2014, ramai pelabur asing akan mencari peluang perkongsian dan usaha sama dengan syarikat Malaysia untuk memastikan mereka sempat bertapak di rantau ini menjelang integrasi penuh ASEAN.

Integrasi ekonomi ASEAN juga akan memacu pelaburan domestik apabila syarikat perniagaan Malaysia melihat di luar pasaran tempatan mereka yang mempunyai seramai 30 juta orang dan menerokai pasaran luar yang lebih besar dengan bilangan penduduk seramai 600 juta. Dengan menjadikan pasaran eksport tunggal ASEAN sebagai pangkalan, syarikat yang sama ini boleh menyertai dengan lebih yakin lagi ke dalam pasaran eksport antarabangsa luar negara yang lebih mencabar. Jumlah

dagangan Malaysia dijangka akan berkembang sebanyak lima peratus bagi tahun 2014 berteraskan eksport produk elektrik dan elektronik, minyak dan gas, produk petrokimia dan peranti perubatan yang lebih tinggi. Pelaburan domestik bagi tahun 2014 akan dipacu oleh peluang eksport yang dijana oleh pasaran tunggal ASEAN dan rundingan perdagangan dua hala yang lain.

Dengan kemudahan infrastruktur yang mantap serta bekalan bakat muda yang ramai, lebih banyak syarikat perniagaan telah mendapati bahawa Malaysia adalah tempat yang paling sesuai sebagai tapak permulaan bagi mewujudkan kehadiran serantau di dalam ASEAN dan yang lebih meluas di Asia. Pada 31 Disember 2013, terdapat sebanyak 3,350 pejabat serantau di Malaysia di mana 27 telah diluluskan pada tahun 2013 sahaja. Ramai lagi pelabur asing dijangka akan menubuhkan pejabat mereka di Malaysia pada tahun 2014 mendahului pelaksanaan format Komuniti Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Community*, AEC) menjelang tahun 2015.

3 "Facts and Data about Southeast Asian Infrastructure"; Bank Pembangunan Asia

Inovasi-pelaburan Baharu

Program transformasi ekonomi Malaysia telah beberapa kali menjadi tajuk berita antarabangsa dan pelabur asing telah mula melihat negara ini sebagai sebuah pusat utama bagi inovasi di rantau ini. Ini adalah sesuatu yang nyata apabila teras utama perindustrian negara diambil kira iaitu minyak dan gas (O&G) dan produk elektrik dan elektronik (E&E).

Malaysia adalah pengeksport gas asli cecair (LNG) kedua terbesar di dunia dan mempunyai kontrak bekalan dengan negara Jepun, Korea Selatan, Taiwan, China dan Singapura⁴. Walau bagaimanapun, infrastruktur gas di negara ini juga telah hampir mencapai kapasiti penuh. Saluran Paip Gas Sabah-Sarawak (Sabah-Sarawak Gas Pipeline, SSGP) yang baharu sepanjang 512 km akan membantu memenuhi keperluan ini dengan menambah sebanyak 0.8 MMcf/d bekalan gas kepada kapasiti sedia ada negara dan membolehkan gas diangkut dari medan luar pesisir Sabah ke Bintulu LNG untuk proses penceraian dan eksport. SSGP dijangka akan beroperasi pada tahun 2014 di Terminal Minyak dan Gas Sabah (Sabah Oil and Gas Terminal, SOGT) dan dijangka banyak pelaburan baharu akan diwujudkan dalam industri hiliran untuk menyokong projek ini pada tahun-tahun hadapan.

ASEAN juga sedang mempromosikan pembangunan sistem saluran paip gas trans-ASEAN (*trans-ASEAN gas pipeline*, TACP) yang bertujuan untuk menghubungkan pusat pengeluaran dan penggunaan gas utama ASEAN menjelang tahun 2020⁵. Berlandaskan infrastruktur gas asli Malaysia yang meluas dan lokasinya di tengah-tengah Asia Tenggara, negara ini adalah calon semula jadi memainkan peranan sebagai hab

dalam projek TACP yang sedang berlangsung. Rangkaian TACP pada masa ini mempunyai kira-kira 3,952 km saluran paip, di mana lebih separuh daripadanya dipasang di Malaysia. Saluran paip ini sudahpun mengedor 3,095 juta kaki padu gas sehari. Namun demikian, terdapat beberapa lagi projek yang perlu disiapkan sebelum TACP mula membawa hasil. Kompleks LNG Bintulu adalah salah satu daripada kemudahan LNG terbesar di dunia dan akan menjadi hab utama untuk industri gas asli Malaysia - dan ASEAN - yang sentiasa berkembang.

Kompleks LNG Bintulu adalah salah satu daripada kemudahan LNG terbesar di dunia dan akan menjadi hab utama untuk industri gas asli Malaysia - dan ASEAN - yang sentiasa berkembang.

Adalah dijangkakan pelaburan ke dalam sektor O&G negara ini akan berkembang selaras dengan pembangunan projek infrastruktur utama O&G di mana kesemuanya memerlukan kepakaran kejuruteraan yang agak tinggi dan akan dipacu oleh inovasi baru dalam pembangunan medan gas luar pesisir. Malaysia telah mewujudkan pasaran yang dinamik untuk aktiviti penggabungan dan pengambilalihan dalam memperolehi teknologi, keupayaan dan kepakaran utama dalam industri O&G dan dijangka akan wujud banyak lagi pelaburan yang didorong oleh inovasi dalam kedua-dua projek hiliran dan huluan di tahun-tahun akan datang.

Sementara itu, permintaan global untuk E&E sedang melalui pertumbuhan yang signifikan yang didorong oleh *Internet of Things*

dan sistem automasi termaju. Sistem perkilangan kini beralih kepada sistem perindustrian berteknologi tinggi yang dilengkapi dengan *sensors and on-board communication chips* dalam usaha mengurangkan kos dan meningkatkan produktiviti. Di samping itu, produk pengguna sedang dilengkapkan dengan pelbagai peranti elektronik bagi meningkatkan kefungsian dan keselamatan. Permintaan global bagi pemproses mikro elektroakustik, sistem mikro-elektromekanikal, pemacu cakera keras, penggerak dan penderia, memori kilat dan cip komunikasi terbina dalam tidak pernah mencapai tahap permintaan setinggi ini.

Kesemua industri ini adalah di mana Malaysia mempunyai pengalaman, kepakaran dan infrastruktur yang signifikan dan negara ini berada pada kedudukan yang baik untuk memanfaatkan pertumbuhan ini. Sektor E&E Malaysia sedang melalui satu tempoh peralihan. Syarikat yang berpandangan jauh seperti Intel dan Agilent telah mula menjadikan kemudahan mereka di Malaysia sebagai pusat kecemerlangan aktiviti R&D dan Rekabentuk (*R&D and Design, R&D&D*) sejak beberapa tahun yang lalu. Kini mereka sudahpun mendapat manfaat hasil daripada pandangan jauh mereka. Syarikat EMS yang lebih kecil mula melihat kebijaksanaan strategi tersebut dan sedang bergegas untuk menaik taraf operasi mereka sendiri.

Bergerak ke hadapan, pelaburan dalam E&E dijangka akan menjadi semakin tertumpu di sekitar aktiviti huluan R&D, pembangunan dan rekabentuk produk apabila syarikat mula meninggalkan perniagaan bernilai ditambah rendah, berisiko tinggi dan membuat peralihan kepada perkhidmatan bernilai tinggi. Negara ini sudah mempunyai kumpulan jurutera dan juruteknik E&E sedia ada dan insentif yang wujud bagi pelaburan dalam aktiviti R&D akan

4 "World LNG Report 2013", International Gas Union


5 ASEAN Council on Petroleum

menggalakkan syarikat-syarikat untuk membuat peralihan lebih awal. Negara juga boleh menjangka percambahan projek greenfield dan 'start-ups' E&E apabila firma kontrak R&D &D industri E&E berusaha untuk mengambil kesempatan daripada kekayaan Malaysia dari segi pengalaman, kepakaran, infrastruktur dan bakat dalam sektor E&E.

Peralihan seterusnya

Melihat perkembangan makroekonomi dan masyarakat global dan serantau pada masa ini, Kerajaan telah mengambil pendekatan ekosistem untuk menggalakkan pelaburan swasta dalam Malaysia. MIDA terus memainkan peranan penting dalam pendekatan ini yang akan mensasarkan produk, teknologi dan perkhidmatan khusus untuk mengisi jurang di sepanjang rantaian nilai ekonomi. Pendekatan ini akan menggalakkan peluang greenfield dalam industri bernilai tinggi terpilih dan membantu bakal pelabur untuk memenuhi keperluan modal insan mereka di sepanjang rantaian nilai ekonomi. Selain itu, MIDA secara strategik akan mengenal pasti dan membantu konglomerat tempatan yang berpotensi dan pemain industri yang lain untuk menjadi peneraju utama dalam ekosistem ini.

MIDA secara strategik akan mengenal pasti dan membantu konglomerat tempatan yang berpotensi dan pemain industri yang lain untuk menjadi peneraju utama dalam ekosistem ini.



Pelaburan dalam sektor E&E dijangka akan menjadi semakin tertumpu di sekitar aktiviti huluan R&D, pembangunan dan rekabentuk produk.

Strategi semasa Kerajaan Malaysia untuk mempercepatkan pelaburan termasuk meliberalisasikan beberapa subsektor perkhidmatan, meningkatkan kerjasama sektor swasta-awam, memacu pembangunan wilayah dan membangunkan bidang pertumbuhan khusus dalam industri yang disasarkan. Pelaksanaan langkah-langkah ini dan pelaksanaan berterusan ETP dan Rancangan Malaysia ke-10 akan mempunyai impak ke atas aliran pelaburan pada tahun 2014 dan selanjutnya.

Pelbagai langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memudahcara perniagaan telah meningkatkan kedudukan Malaysia dalam pelbagai tanda aras perniagaan antarabangsa sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Malaysia telah ditempatkan sebagai negara ke-6 paling mesra perniagaan di dunia oleh Bank Dunia dalam *Doing Business Report 2014*, iaitu di hadapan United Kingdom (ke-10), Jerman (ke-21) dan Switzerland (ke-29). Ini adalah kali pertama

Malaysia memecah rekod dalam mencapai kedudukan 10 teratas sejak Bank Dunia dan *International Finance Corporation* memulakan kompilasi kedudukan (ranking) tahunan pada tahun 2005. Di samping itu, *World Economic Forum* dalam *Global Competitiveness Report 2013-2014* meletakkan Malaysia sebagai negara ke-24 paling berdaya saing dunia, satu kedudukan lebih baik daripada tahun sebelumnya. Laporan itu juga mengiktiraf kemaraan negara daripada ekonomi yang dipacu oleh kecekapan kepada ekonomi yang dipacu oleh inovasi.

Prestasi unggul Malaysia dalam pelbagai 'ranking' ini menjadi bukti kepada pencapaianya dan akan meransang dalam menjana lebih banyak pelaburan ke negara ini pada tahun 2014. Jika pelabur-pelabur global masih belum lagi mengambil kesempatan ke atas peluang yang ditawarkan oleh Malaysia, mereka pasti akan berbuat demikian dalam masa terdekat.

LAMPIRAN

Lampiran 1 Projek Perkilangan Diluluskan, 2013 dan 2012

	BARU		PEMBESARAN / PELBAGAIAN		JUMLAH	
	2013	2012	2013	2012	2013	2012
Bilangan	463	473	324	331	787	804
Peluang Pekerjaan	53,791	42,522	39,197	34,109	92,988	76,631
Jumlah Modal Pelaburan Diadangikan (RM juta)	38,093.5	26,910.9	14,007.6	14,215.0	52,101.1	41,126.0
Domestik (RM juta)	15,287.5	14,210.1	6,277.3	5,996.8	21,564.8	20,207.0
Asing (RM juta)	22,806.1	12,700.8	7,730.3	8,218.2	30,536.4	20,919.0

Lampiran 2 Projek Perkilangan Baharu Yang Diluluskan Mengikut Saiz Modal Pelaburan, 2013 dan 2012

Saiz Modal Pelaburan	2013			2012						
	Bil.	Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Kurang Daripada RM 2.5 juta	63	2,431	87.5	3.0	90.5	71	3,043	74.0	20.2	94.2
RM 2.5 juta - <RM 5.0 juta	53	3,244	153.9	41.5	195.4	76	3,861	209.0	53.8	262.8
RM 5.0 juta - <RM 10.0 juta	118	7,285	612.9	213.1	826.0	94	5,652	514.6	162.8	677.4
RM 10.0 juta - <RM 50.0 juta	152	13,995	1,890.3	1,184.4	3,074.8	165	12,475	2,181.4	1,465.2	3,646.6
RM 50.0 juta- <RM 100.0 juta	32	4,491	1,078.5	1,184.9	2,263.4	32	3,745	1,208.6	902.9	2,111.5
RM 100.0 juta - <RM 500.0 juta	26	6,654	2,078.6	2,728.6	4,807.3	23	4,799	1,248.0	3,260.2	4,508.2
RM 500.0 juta - <RM 1.0 billion	6	1,911	1,426.5	2,190.3	3,616.8	6	3,598	695.6	3,699.2	4,394.7
RM 1.0 billion & Ke Atas	13	13,780	7,959.1	15,260.3	23,219.4	6	5,349	8,078.9	3,136.5	11,215.4
JUMLAH	463	53,791	15,287.5	22,806.1	38,093.5	473	42,522	14,210.1	12,700.8	26,910.9

Lampiran 3 Projek Perkילangan Yang Diluluskan Mengikut Industri, 2013 dan 2012

Industri	2013					2012				
	Bil.	Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Barangan Elektronik & Elektrikal	118	25,380	1,319.3	8,495.6	9,815.0	112	18,163	734.6	3,252.0	3,986.6
Kelengkapan Pengangkutan	73	9,169	4,446.4	2,160.4	6,606.8	85	11,669	5,931.9	1,923.8	7,855.7
Barangan Petroleum (Termasuk Petrokimia)	7	655	2,926.8	3,243.8	6,170.6	14	1,274	4,660.6	1,376.8	6,037.4
Kimia & Barang Kimia	68	3,966	2,035.3	3,758.0	5,793.3	73	2,740	766.3	5,671.2	6,437.5
Barangan Logam Asas	35	3,492	1,147.3	4,425.8	5,573.1	37	4,129	1,859.1	1,934.0	3,793.1
Pengilangan Makanan	73	6,159	2,056.1	2,297.7	4,353.8	67	7,062	2,281.4	1,118.0	3,399.5
Barangan Getah	20	12,711	2,833.5	794.5	3,628.0	20	2,414	131.7	1,218.6	1,350.3
Barangan Galian Bukan Logam	33	2,636	932.5	1,339.2	2,271.7	21	1,126	321.9	310.0	631.9
Pengilangan Jentera	90	4,726	771.2	1,205.0	1,976.2	84	5,125	607.0	1,241.6	1,848.6
Barangan Logam Dibentuk	73	4,020	594.7	812.0	1,406.7	61	6,218	624.1	605.4	1,229.5
Alat-Alat Sains & Pengukuran	37	6,085	775.7	560.1	1,335.7	16	807	738.4	177.1	915.5
Barangan Plastik	44	3,334	437.9	410.2	848.1	57	3,910	401.7	707.3	1,109.0
Tekstil & Barang Tekstil	16	1,493	132.1	632.5	764.6	31	1,674	143.0	328.0	471.0
Kertas, Percetakan & Penerbitan	22	2,253	506.3	68.2	574.5	27	1,991	274.2	597.4	871.6
Kayu & Barang Kayu	26	2,009	321.4	36.9	358.3	34	1,638	257.6	149.8	407.4
Minuman & Tembakau	4	458	61.7	251.0	312.6	4	1,071	126.9	220.6	347.6
Perabot & Kelengkapan	39	4,132	249.4	10.0	259.4	53	5,316	314.3	81.4	395.6
Kulit & Barang Kulit	1	10	4.8	1.4	6.2	3	93	15.6	0.3	15.9
Pelbagai	8	300	12.6	33.9	46.6	5	211	16.6	5.7	22.4
JUMLAH	787	92,988	21,564.8	30,536.4	52,101.1	804	76,631	20,207.0	20,919.0	41,126.0

Lampiran 4 Projek Perkilangan Yang Diluluskan Dengan Pelaburan RM100 Juta Dan Ke Atas, 2013

Industri	BARU			PEMBESARAN/PELBAGAIAN				JUMLAH							
	Bil.	Peker-jaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Jumlah Pelaburan Asing (RM juta)	Bil. Peker-jaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil. Peker-jaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)			
Barangan Elektronik & Elektrikal	4	3,256	278.8	5,674.8	5,953.6	9	8,761	150.8	1,475.0	1,625.8	13	12,017	429.6	7,149.8	7,579.4
Barangan Petroleum Temasuk Petrokimia	3	456	1,994.6	2,319.5	4,314.1	2	141	916.2	924.4	1,840.6	5	597	2,910.9	3,243.8	6,154.7
Kelengkapan Pengangkutan	5	3,271	2,745.7	1,512.0	4,257.8	4	762	705.3	206.5	911.8	9	4,033	3,451.1	1,718.5	5,169.6
Barangan Logam Asas	6	1,645	547.4	3,924.9	4,472.3	2	549	296.9	210.1	507.0	8	2,194	844.3	4,135.0	4,979.3
Kimia & Barang Kimia	7	2,015	1,464.8	3,195.4	4,660.2	1	0	177.5	-	177.5	8	2,015	1,642.3	3,195.4	4,837.7
Barangan Getah	2	6,551	1,932.9	278.7	2,211.7	5	4,638	765.0	440.0	1,205.0	7	11,189	2,697.9	718.7	3,416.7
Pengilangan Makanan	5	1,067	1,093.4	1,514.2	2,607.5	4	434	110.0	444.2	554.2	9	1,501	1,203.4	1,958.4	3,161.7
Barangan Galian Bukan Logam	3	627	543.8	810.2	1,354.0	1	210	166.6	125.7	292.3	4	837	710.4	935.9	1,646.3
Alat-Alat Sains & Pengukuran	4	2,236	457.3	220.0	677.3	1	713	4.8	155.4	160.2	5	2,949	462.1	375.4	837.5
Pengilangan Jentera	1	292	122.0	-	122.0	2	147	-	654.4	654.4	3	439	122.0	654.4	776.4
Barangan Logam Dibentuk	2	143	101.3	108.5	209.8	3	463	144.5	262.3	406.8	5	606	245.8	370.8	616.6
Tekstil & Barang Tekstil	1	605	-	521.0	521.0	-	-	-	-	1	605	-	521.0	521.0	
Minuman & Tembakau	1	66	-	100.0	100.0	1	194	49.3	138.0	187.3	2	260	49.3	238.0	287.3
Kayu & Barang Kayu	1	115	182.2	-	182.2	-	-	-	-	-	1	115	182.2	-	182.2
Kertas, Percetakan & Penerbitan	.	-	-	-	1	36	127.3	1.7	129.0	1	36	127.3	1.7	129.0	
Barangan Plastik	.	-	-	-	1	35	-	117.8	117.8	1	35	-	117.8	117.8	
JUMLAH	45	22,345	11,464.2	20,179.2	31,643.4	37	17,083	3,614.3	8,769.7	82	39,428	15,078.5	25,334.6	40,413.2	

Lampiran 5 Projek Perkilangan Baharu Dan Pembesaran/Pelbagaian Yang Diluluskan Mengikut Industri, 2013 dan 2012

Industri	2013					2012					
	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)									
Barangan Elektronik & Elektrikal	44	6,766.0	74	3,048.9	118	9,815.0	49	2,546.1	63	1,440.6	
Kelengkapan Pengangkutan	35	4,959.4	38	1,647.5	73	6,606.8	48	5,680.8	37	2,174.9	
Barangan Petroleum Termasuk Petrokimia	4	4,328.2	3	1,842.4	7	6,170.6	8	5,812.5	6	225.0	
Kimia & Barang Kimia	44	5,274.4	24	518.9	68	5,793.3	37	2,678.3	36	3,759.1	
Barangan Logam Asas	26	5,006.9	9	566.2	35	5,573.1	26	3,261.7	11	531.4	
Pengilangan Makanan	48	3,174.1	25	1,179.8	73	4,353.8	30	760.8	37	2,638.7	
Barangan Getah	8	2,341.2	12	1,286.8	20	3,628.0	7	992.9	13	357.4	
Barangan Galian Bukan Logam	19	1,536.5	14	735.2	33	2,271.7	9	402.6	12	229.3	
Pengilangan Jentera	56	892.0	34	1,084.1	90	1,976.2	61	1,300.8	23	547.8	
Barangan Logam Dibentuk	51	772.5	22	634.2	73	1,406.7	38	542.2	23	687.3	
Alat-Alat Sains & Pengukuran	16	931.4	21	404.3	37	1,335.7	9	884.2	7	31.3	
Barangan Plastik	30	615.8	14	232.2	44	848.1	31	604.4	26	504.6	
Tekstil & Barang Tekstil	8	599.7	8	164.9	16	764.6	23	233.9	8	237.1	
Kertas, Percetakan & Penerbitan	13	225.0	9	349.4	22	574.5	18	528.2	9	343.4	
Kayu & Barang Kayu	23	330.0	3	28.0	26	358.3	25	385.0	9	22.4	
Minuman & Tembakau	2	113.0	2	199.7	4	312.6	1	11.0	3	336.6	
Perabot & Kelengkapan	31	193.0	8	66.4	39	259.4	47	248.9	6	146.7	
Kulit & Barang Kulit	1	6.2	.	.	1	6.2	2	14.2	1	1.7	
Pelbagai	4	27.9	4	18.6	8	46.6	4	22.4	1	-	
JUMLAH	463	38,093.5	324	14,007.6	787	52,101.1	473	26,910.9	331	14,215.0	804
											41,126.0

Lampiran 6: Projek Perkilangan Yang Diluluskan Dengan Hakmilik Majoriti Rakyat Malaysia* Mengikut Industri, 2013 dan 2012

Industri	2013						2012					
	Baru			Pembesaran/ Pelbagaiian			Baru			Pembesaran/ Pelbagaiian		
	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)										
Kelengkapan Pengangkutan	26	4,089.0	26	1,093.5	52	5,182.5	40	4,436.7	32	1,677.0	72	6,113.7
Barangan Getah	7	2,288.1	9	824.4	16	3,112.4	4	224.	6	121.3	10	143.6
Barangan Petroleum Termasuk Petrokimia	2	2,358.1	2	301.8	4	2,659.9	3	4,519.4	3	134.5	6	4,653.9
Pengilangan Makanan	39	1,548.7	17	531.6	56	2,080.3	27	625.7	23	1,892.7	50	2,518.4
Kimia & Barang Kimia	26	1,612.1	12	365.1	38	1,977.2	20	380.8	17	344.8	37	725.6
Barangan Logam Asas	14	1,011.1	7	329.2	21	1,340.3	21	1,838.7	11	531.4	32	2,370.1
Barangan Galian Bukan Logam	12	868.4	5	404.1	17	1,272.5	6	257.8	8	135.3	14	393.1
Barangan Elektronik & Elektrikal	29	487.5	21	502.5	50	989.9	32	599.9	17	165.6	49	765.5
Alat-Alat Sains & Pengukuran	13	619.7	16	171.1	29	790.8	5	710.6	2	27.8	7	738.4
Pengilangan Jentera	38	532.7	20	243.0	58	775.7	32	345.1	16	277.7	48	622.8
Barangan Logam Dibentuk	34	357.8	12	251.6	46	609.4	26	251.1	12	384.8	38	635.9
Barangan Plastik	24	459.0	8	82.6	32	541.6	19	237.5	16	130.4	35	367.9
Kertas, Percetakan & Penerbitan	9	153.0	9	349.4	18	502.4	12	197.5	6	25.0	18	222.4
Kayu & Barang Kayu	20	308.8	2	10.0	22	318.8	18	252.1	9	22.4	27	274.5
Perabot & Kelengkapan	30	190.9	7	60.9	37	251.7	43	224.6	4	122.5	47	347.1
Tekstil & Barang Tekstil	6	64.8	2	52.9	8	117.7	19	156.4	4	12.3	23	168.7
Minuman & Tembakau	.	.	1	12.4	1	12.4	1	11.0	1	31.2	2	42.2
Kulit & Barang Kulit	1	6.2	.	.	1	6.2	2	14.2	1	1.7	3	15.9
Pelbagai	2	4.7	2	6.4	4	11.1	3	17.1	.	3	17.1	
JUMLAH	332	16,960.4	178	5,592.6	510	22,553.0	333	15,098.6	188	6,038.1	521	21,136.6

* Projek-projek dengan ekuiti dimiliki oleh rakyat Malaysia melebihi 50 peratus.

Lampiran 7: Projek Yang Diluluskan Bagi Industri Sokongan Kejuruteraan Mengikut Sub-sektor, 2013

Sub-sektor	BARU					PEMBESARAN/PELBAGAIAN					JUMLAH				
	Bil.	Peker-jaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Peker-jaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Peker-jaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Acuan, Alatān & Dai	11	324	362	56.0	92.2	12	245	47.0	126.0	173.0	23	569	83.2	182.0	265.2
Pemesinan	6	310	21.9	39.8	61.8	4	127	29.2	5.6	34.8	10	437	51.1	45.4	96.5
Hentakan logam	5	254	14.2	12.5	26.6	-	-	-	-	5	254	14.2	12.5	26.6	-
Pembentukan logam	2	292	36.7	-	36.7	-	-	-	-	2	292	36.7	-	-	36.7
Kejuruteraan pemukaan	4	350	25.3	10.5	35.7	-	-	-	-	4	350	25.3	10.5	35.7	-
Penempaan	1	128	-	38.7	38.7	1	31	15.5	-	15.5	2	159	15.5	38.7	54.2
Jig & Lekapan	1	38	13.3	-	13.3	-	-	-	-	1	38	13.3	-	-	13.3
JUMLAH	30	1,696	147.5	157.5	305.0	17	403	91.6	131.6	223.2	47	2,099	239.2	289.1	528.3

Lampiran 8: Projek Yang Diluluskan Bagi Industri Elektrik & Elektronik Mengikut Sub-sektor, 2013

Sub-sektor	BARU					PEMBESARAN/PELBAGAIAN					JUMLAH				
	Bil.	Peker-jaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Peker-jaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Peker-jaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Elektronik Pengguna	3	687	30.8	-	30.8	4	115	20.0	41.2	61.1	7	802	50.7	41.2	91.9
Komponen Elektronik	7	1,089	171.8	54.5	226.2	36	7,958	244.5	1,329.2	1,573.7	43	9,047	416.2	1,383.7	1,799.9
Elektronik Perindustrian	6	725	25.6	1,754.2	1,779.7	11	6,852	23.3	790.3	813.6	17	7,577	48.9	2,544.5	2,593.3
Produk Elektrikal	7	404	109.5	203.6	313.1	7	2,032	155.5	151.6	307.1	14	2,436	265.0	355.2	620.3
Elektrikal Perindustrian	12	3,734	394.5	2,645.6	3,040.1	11	412	136.6	110.7	247.3	23	4,146	531.1	2,756.3	3,287.4
Komponen Elektrikal	9	1,218	7.3	1,368.8	1,376.1	5	154	-	46.1	46.1	14	1,372	7.3	1,414.9	1,422.2
JUMLAH	44	7,857	739.5	6,026.6	6,766.0	74	17,523	579.9	2,469.1	3,048.9	118	25,380	1,319.3	8,495.6	9,815.0

Lampiran 9 Projek Perkilangan Yang Diluluskan Dengan Penyertaan Asing Mengikut Sumber, 2013 and 2012

Negara	Bilangan	Pelabur Asing (RM)	2013		2012	
			Bilangan	Pelabur Asing (RM)	Bilangan	Pelabur Asing (RM)
USA	19	6,320,610,568	16		295,779,636	
Republik Korea	13	5,478,840,221	17		1,636,972,599	
Singapura	126	4,522,314,186	109		2,214,565,561	
Jepun	55	3,591,876,939	62		2,792,900,107	
China	22	3,017,650,478	23		1,977,802,063	
Netherlands	11	2,382,021,449	18		834,759,905	
Germany	17	1,716,996,438	15		693,342,814	
United Kingdom	9	489,792,906	10		611,126,863	
Hong Kong	9	453,483,541	7		90,888,472	
Belgium	8	299,000,000	2		66,705,168	
Switzerland	10	249,554,662	7		495,286,625	
Indonesia	6	214,326,611	5		85,719,017	
Australia	9	166,974,062	12		150,055,563	
British Virgin Islands	2	159,765,548	8		185,625,815	
Austria	1	155,394,000	1		8,862,900	
Taiwan	18	131,020,413	13		171,590,970	
Emiriah Arab Bersatu	2	110,713,221	3		88,100,000	
Thailand	3	105,017,761	11		445,947,652	
Lain-lain	66	970,999,298	131		8,072,976,782	
JUMLAH	***	30,536,352,302	***		20,919,008,512	

*** Bilangan projek-projek yang diluluskan tidak dijual/lahkan bagi mengelakkan pengiraan dua kali

Lampiran 10 Projek Perkילangan Diluluskan Mengikut Negeri, 2013 dan 2012

Negeri	2013				2012			
	Bil.	Baru	Pembesaran/ Pelbagaiian	Jumlah	Bil.	Baru	Pembesaran/ Pelbagaiian	Jumlah
	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.						
Johor D.I.	119	11,657.9	78	2,786.7	197	14,444.6	107	2,842.3
Selangor D.E.	148	7,349.4	80	2,483.6	228	9,833.0	156	8,144.7
Sarawak	16	8,057.1	5	219.3	21	8,276.4	19	1,352.5
Pulau Pinang	58	1,400.8	61	2,511.5	119	3,912.3	71	1,799.9
Sabah	14	2,778.1	11	656.0	25	3,434.1	22	4,857.0
Penang D.M.	10	702.6	7	2,116.2	17	2,818.9	10	1,896.3
Kedah D.A.	21	2,114.4	18	420.2	39	2,534.5	20	396.0
Perak D.R.	25	541.2	29	1,820.0	54	2,361.2	22	1,244.8
Negeri Sembilan D.K.	27	1,532.8	8	155.1	35	1,687.9	19	2,087.3
Melaka	8	745.1	19	748.5	27	1,493.7	12	96.4
Kelantan D.N.	4	981.0	1	14.5	5	995.5	2	4.1
Terengganu D.I.	6	151.4	2	32.7	8	184.1	5	2,070.2
W.P. - Kuala Lumpur	5	39.4	4	41.3	9	80.8	8	119.5
Perlis I.K.	2	42.3	1	2.0	3	44.3	-	-
W.P. Labuan	.	-	.	-	.	-	1	25.3
JUMLAH	463	38,093.5	324	14,007.6	787	52,101.1	473	26,910.9
							331	14,215.0
							804	41,126.0



LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA

MIDA SENTRAL

No. 5, Jalan Stesen Sentral 5

Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: (603) 2267 3633

Faks: (603) 2274 7970

Laman web: www.mida.gov.my

E-mel: investmalaysia@mida.gov.my